

## BAB LIMA

### ANALISIS PERANAN AL-SAKKĀKĪY DALAM PERKEMBANGAN ILMU BALAGHAH

#### 5.0 Pengenalan

Seperti yang sedia maklum bahawa al-Sakkākīy adalah seorang ulama yang terkenal dengan kitabnya *Miftāḥ al-'Ulūm*. Kitab ini merangkumi beberapa perbahasan, mencakupi ilmu ṣaraf, ilmu nahu, ilmu ma'ānī, ilmu bayān, ilmu badī', ilmu mantiq, ilmu 'arūḍ dan qāfiyāt. Walau bagaimanapun perbahasan ilmu balaghah adalah merupakan fokus utama dalam kitab ini, sedangkan ilmu-ilmu yang lain hanya sebagai perlengkapan kerana ada kaitannya dengan ilmu balaghah. Menerusi kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* al-Sakkākīy telah mengembangkan ilmu balaghahnya kepada masyarakat, sama ada dalam generasinya mahupun dalam generasi selepasnya hingga ke hari ini.

Dalam bab ini penulis akan memperlihatkan sumbangan al-Sakkākīy kepada perkembangan ilmu balaghah, termasuk sumbangannya kepada ilmu ma'ānī, ilmu bayān dan ilmu badī' dengan memperkenalkan aspek-aspeknya masing-masing. Di samping itu penulis juga menganalisis pengaruh al-Sakkākīy dalam bidang balaghah. Kemudian bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

#### 5.1 Sumbangan al-Sakkākīy Kepada Ilmu Balaghah

Dalam bab tiga penulis telah mengemukakan sebahagian daripada perbahasan ilmu balaghah sebelum al-Sakkākīy dan mendapati bahawa Ibn al-Mu'tazz adalah salah seorang tokoh terkenal dalam bidang balaghah. Beliau adalah pengasas ilmu

badī‘ menerusi karyanya *al-Badī‘*. Walau bagaimanapun perbincangan ilmu badī‘ dalam karya Ibn al-Mu‘tazz bukanlah ilmu badī‘ yang dibahas oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, di mana Ibn al-Mu‘tazz telah membahas al-isti‘āraṭ dalam bahagian yang dinamakan dengan “al-badī‘”, sementara al-iltifāt, al-kināyat dan ḥusn al-tasybīh dibahas dalam bahagian yang dinamakan dengan “maḥāsīn al-kalām” .

Pada abad ke-5 muncul pula al-Jurjānīy, dengan dua karyanya *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz*. Beliau adalah seorang pakar dalam bidang sastera dan balaghah yang telah memberi sumbangan yang sangat besar kepada perkembangan ilmu balaghah, terutamanya berkenaan dengan ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān, di mana beliau telah meletakkan kaedah-kaedah bagi dua ilmu tersebut, sehingga beliau dianggap sebagai pengasas ilmu ma‘ānī dan ilmu bayān. Para ulama sependapat bahawa kedua-dua karya al-Jurjānīy tersebut merupakan sumber utama bagi balaghah al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Namun, perbincangan ilmu balaghah dalam *Asrār al-Balāghat* dan *Dalā’il al-I’jāz* masih bercampur-baur antara satu bahagian dengan bahagian yang lain, di mana mengikut al-Jurjānīy al-isti‘āraṭ itu termasuk dalam bahagian ilmu badī‘.

Begitu juga Usāmāt bin al-Munqidh, beliau mendakwa dalam karyanya *al-Badī‘ Fī al-Badī‘* telah menghimpunkan perkara yang beraneka ragam yang diambil daripada kitab-kitab para ulama silam dalam bidang kritikan puisi, serta menyebut keindahan dan kecacatannya, mereka tokoh pencipta dan pemimpin yang diikuti. Kitab *al-Badī‘* karya Ibn al-Mu‘tazz, kitab *al-Hālīy* dan *al-‘Āḥīl* karya al-Ḥātimīy, kitab *al-Ṣinā’atayn* karya al-‘Askariy, kitab *al-Lumma’* karya al-‘Ajamiy, kitab *al-Naqd al-Syi‘r* karya Qudāmat bin Ja‘far, kitab *al-‘Umdat* karya Ibn Rasyiq. Beliau juga

mendakwa telah menghimpunkan daripada demikian itu sebaik-baik bab-babnya dan menyebutkan daripadanya contoh-contohnya supaya kitabnya itu tidak memerlukan kepada kitab-kitab tersebut kerana di dalamnya mencakupi sebaik-baik apa yang ada di dalam kitab-kitab tersebut.<sup>1</sup> Pada akhir bab-bab kitabnya beliau menyebutkan bahawa jumlah perbahasan dalam karyanya mencapai sembilan puluh lima bab”.<sup>2</sup>

Walaupun sekian banyak bab-bab balaghah yang dihimpunkan oleh Usāmat bin Munqidh dalam karyanya “*al-Badī‘ Fī al-Badī‘*” tetapi ia berbeza dengan susunan ilmu balaghah yang diperkenalkan oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, kerana pembahagian balaghah kepada ilmu ma‘āni, ilmu bayān dan ilmu badī‘ belum ada pada masa itu, tetapi perbahasannya masih bercampur-baur sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, di mana Usāmat tidak menjadikan bab-babnya khas pada ilmu badī‘, tetapi beliau hanya menjadikannya sebagai suatu kajian yang lengkap.<sup>3</sup>

Maka kemunculan al-Sakkākīy dengan sebuah karyanya yang berjudul *Miftāḥ al-‘Ulūm* pada awal abad ke-7 telah dapat mengumpulkan apa yang ditinggalkan oleh para ulama sebelumnya, terutamanya apa yang ditulis oleh al-Jurjānīy di samping menggunakan idea-idea beliau sendiri, sehingga dengan demikian kajian balaghah didapati dalam sebuah kitab dalam bahagian yang berasingan, dengan perbahasan yang lengkap, susunan yang kemas, menarik untuk dipelajari dan mudah dirujuk bagi sesuatu tajuk yang diperlukan.

Setelah melihat dan meneliti perbahasan ilmu balaghah yang dipaparkan oleh Ibn al-Mu‘tazz menerusi karyanya *al-Badī‘*, al-Jurjānīy menerusi karyanya *Asrār*

---

<sup>1</sup> Ibn Munqidh, Ibid, hlm. 10

<sup>2</sup> Ibid, 158

<sup>3</sup> Ibn Munqidh, Ibid, hlm. 10

*al-Balāghat* dan *Dalā'il al-I'jāz*, dan Usāmat bin Munqidh menerusi karyanya *al-Badī'* *Fī al-Badī'* didapati bahawa perbahasan ilmu balaghah pada masa itu belum begitu teratur dan berbeza dengan perbahasan yang ditunjukkan oleh al-Sakkākīy.

Sungguhpun era al-Jurjānīy disifatkan oleh para pengkaji sebagai zaman keemasan bagi ilmu balaghah. Namun, pada masa itu perbahasan bidang balaghah masih bercampur baur antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Pada permulaan karyanya *Asrār al-Balāghat* beliau berkata bahawa isti'ārat itu termasuk dalam ilmu badī', sebagaimana yang dilakukan oleh sebahagian ulama sebelumnya.<sup>1</sup>

Maka kemunculan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* telah mencatat sejarah baru bagi perbahasan bidang balaghah, di mana menerusi kitab ini al-Sakkākīy telah berjaya memisahkan ilmu balaghah dari ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain. Bahkan beliau telah berjaya memisahkan antara tiga komponen ilmu balaghah dengan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu; ilmu ma'ānī, ilmu bayān dan ilmu badī' dengan definisinya masing-masing dan klasifikasi yang sesuai. Perubahan ini telah membawa pengaruh besar kepada perkembangan ilmu balaghah, kerana kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* telah menarik perhatian para pengkaji selepasnya, ada antara mereka yang meringkaskannya, ada yang menghuraikannya dan megulasnya, bahkan ada juga yang menazamnya.

Dalam bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, al-Sakkākīy mengkhususkan perbahasan tentang ilmu balaghah, beliau membuka kata dengan tajuk utamanya “فِي عِلْمِي الْمَعَانِي وَالْبَيَانِ” (Perbahasan ilmu ma'ānī dan ilmu bayān). Definisi ilmu ma'ānī merupakan permulaan perbincangan bahagian ketiga kitab tersebut, seterusnya disusuli

---

<sup>1</sup> Lihat: al-Jurjānīy, *Asrār al-Balāghat*, hlm. 20.

dengan definisi ilmu bayān. Ini bukanlah bermakna bahawa al-Sakkākīy mencampurkan perbincangan ilmu ma‘ānī dengan ilmu bayān, melainkan hanya memberi definisi ilmu bayān di sini sebagai pengenalan sahaja, ilmu ma‘ānī diletakkan dalam fasal pertama dan ilmu bayān pula dibincangkan dalam fasal kedua secara berasingan.

al-Sakkākīy memulakan perbincangan ini dengan ilmu ma‘ānī, di mana menurut beliau kedudukan ilmu ma‘ānī berbanding ilmu bayān ibarat mufrad (kata tunggal) dengan murakkab (kata gabung), maka kedudukan mufrad lebih utama berbanding murakkab. Dengan lain perkataan ilmu ma‘ānī merupakan bahagian dari ilmu bayan. Oleh itu beliau mengutamakan perbincangan ilmu ma‘ānī dari ilmu bayān.<sup>1</sup>

Kemudian beliau susulkan dengan perbincangan ilmu badī‘, iaitu suatu ilmu yang membahas tentang teknik memperindahkan bahasa. Beliau membahagikan perbincangan ilmu badī‘ kepada dua bahagian, iaitu keindahan yang berkaitan dengan makna dinamakan al-badī‘ al-ma‘nawī “البَدِيعُ الْمَعْنَوِيُّ” (keindahan dari segi makna) dan keindahan yang berkaitan dengan lafaz dinamakan al-badī‘ al-lafzī “البَدِيعُ اللَّفْظِيُّ” (keindahan dari segi lafaz).

Tajuk-tajuk penting dalam perbincangan ilmu ma‘ānī ialah seperti berikut:<sup>2</sup>

- i. I‘tibārāt al-Isnād al-khabarīy "اعتباراتُ الإسنادِ الخَبَرِيِّ" (Perbincangan isnād khabarīy) yang mencakupi al-khabar al-ibtidā‘iy "الخَبَرُ الْإِبْتِدَائِيُّ" (berita ibtidā‘iy; berita yang diterima tanpa keraguan), al-khabar al-ṭalabīy “الخَبَرُ الطَّلَبِيُّ” (berita ṭalabīy; berita yang diragui oleh penerimanya dan memerlukan pengukuhan)

---

<sup>1</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 249

<sup>2</sup> Lihat: Ibid, hlm. 258-436

dan al-khabar al-inkārīy " الخبر الإنكاري " (berita inkārīy; berita yang ditolak oleh penerimanya dan memerlukan beberapa pengukuhan).

ii. I'tibārāt al-musnad ilayh " اعتبارات المسند إليه " (Perbincangan musnad ilayh) yang mencakupi al-ma'rifaṭ, " المعرفة " (kata nama khas) sama ada al-ḍamīr " الضمير " (kata ganti nama), ism al-'alam " اسم العلم " (nama khas), ism al-mawsūl " اسم الموصول " (kata nama khas yang memerlukan keterangan selepasnya), ism al-isyārat " اسم الإشارة " (kata nama petunjuk), al-ma'rifaṭ bi al-idāfat " المعرفة بالإضافة " (kata nama yang digabungkan dengan kata nama khas atau dengan kata ganti nama), al-ma'rifaṭ wa al-alif wa al-lām " المعرفة بالالف واللام " (kata nama yang dimasukkan alif dan lām), al-ma'rifaṭ al-mawsūfaṭ " المعرفة الموصوفة " (kata nama yang disifatkan). Begitu juga hal-hal yang berkaitan dengan al-ta'kid " التأكيد " (penegasan), al-tafsīr " التفسير " (penjelasan) al-badal " البدل " (badal), al-'aṭf " العطف " ('aṭaf), al-faṣl " الفصل " (pemisahan), al-nakirat " النكرة " (kata nama am) al-taqdīm " التقديم " (mendahulukan), al-ta'khīr " التأخير " (mengemudiankan), al-iṭlāq " الإطلاق " (tidak terikat), al-takḥṣīṣ " التخصيص " (takḥṣīṣ) dan al-qasr " القصر " (pengkhususan).

iii. I'tibārāt al-musnad " اعتبارات المسند " (Perbincangan musnad) yang mencakupi al-dhikr " الذكر " , al-tark " الترك " , al-taqdīm " التقديم " , al-ta'khīr " التأخير " , al-ifrād " الأفراد " , al-fi'l " الفعل " , al-taqyīd " التقييد " atau bi dūn al-taqyīd " بدون التقييد " , al-ism " الاسم " , al-nakirat " النكرة " , al-takḥṣīṣ " التخصيص " atau bi dūn al-takḥṣīṣ " أو بدون التخصيص " al-ma'rifaṭ " المعرفة " , al-jumlat " الجملة " , al-ta'khīr aw al-taqdīm " التأخير أو التقديم "

iv. al-Iltifāt " الالتفات "

- v. al-Faṣl wa al-waṣl wa al-ījāz wa al-īṭnāb " الْفَصْلُ وَالْوَصْلُ وَالْإِيحَازُ وَالْإِطْنَابُ " (Pemisahan, penyambungan, peringkasan dan penambahan)
- vi. al-Qaṣr " الْقَصْرُ " yang mencakupi maknā al-qaṣr " مَعْنَى الْقَصْرِ ", ṭuruq al-qaṣr " طُرُقُ الْقَصْرِ ", hukm lā " لَا حُكْمٌ لَهَا ", al-‘aṭf " الْعَطْفُ ", al-qaṣr bayna al-fā‘il wa al-maf‘ūl " الْقَصْرُ بَيْنَ الْمَفْعُولَيْنِ وَالْمَفْعُولِ وَالْفَاعِلِ ", al-qaṣr bayna al-maf‘ūlain " الْقَصْرُ بَيْنَ الْمَفْعُولَيْنِ ", al-qaṣr bayna dhī al-ḥal wa al-hal " الْقَصْرُ بَيْنَ ذِي الْحَالِ وَالْحَالِ ", hukm illā " حُكْمٌ إِلَّا ", hukm innamā " حُكْمٌ إِتْمَاً ", hukm ghayr " حُكْمٌ غَيْرِ " dan lain-lain yang berkaitan dengan al-qaṣr
- vii. al-Ṭalab " الطَّلَبُ " yang mencakupi al-tamannī " التَّمَنِّيُّ ", al-istifhām " الاسْتِفْهَامُ ", al-amr " الأَمْرُ ", al-nahy " النَّهْيُ " dan al-nidā' " النَّدَاءُ " .

Sementara tajuk-tajuk penting dalam perbincangan ilmu bayān ialah seperti berikut:<sup>1</sup>

- i. al-Tasybīh " التَّشْبِيهُ "
- ii. al-Majāz " الْمَجَازُ "
- iii. al-Kināyat " الْكِنَايَةُ "

Sedangkan tajuk-tajuk penting dalam perbincangan ilmu badī‘ terbahagi kepada dua bahagian, iaitu al-badī‘ al-ma‘nawīy dan al-badī‘ al-lafzīy. Berikut adalah tajuk-tajuk al-badī‘ al-ma‘nawīy:<sup>2</sup>

- i. al-Muṭābaqaṭ " الْمُطَابَقَةُ "
- ii. al-Muqābalat " الْمُقَابَلَةُ "

<sup>1</sup> Lihat: Ibid, hlm. 437 - 521

<sup>2</sup> Lihat: Ibid, hlm. 532 - 539

- iii. al-musyākalatُ “المُشَاكَلَةُ”
- iv. Murā‘āt al-naẓīrُ “مُرَاعَاةُ النَّظِيرِ”
- v. Muzāwajahُ “المُزَاوَجَةُ”
- vi. al-Laff wa al-nasyrُ “الْلَفُّ وَالتَّشْرُ”
- vii. al-Jam‘ wa al-tafriqُ “الْجَمْعُ وَالتَّفْرِيقُ”
- viii. al-Taqsīmُ “التَّقْسِيمُ”
- ix. al-Jam‘ ma‘a al-tafriqُ “الْجَمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ”
- x. al-Jam‘ ma‘a al-taqsīmُ “الْجَمْعُ مَعَ التَّقْسِيمِ”
- xi. al-Īhāmُ “الإِيْهَامُ”
- xii. Ta’kīd al-madh bimā yusybih al-dhammُ “تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الدَّمَّ”
- xiii. al-Tawjīhُ “التَّوْجِيْهُ”
- xiv. Sawq al-ma‘lūm masāqa ghayrihُ “سَوْقُ الْمَعْلُومِ مَسَاقَ غَيْرِهِ”
- xv. al-Istibā‘ُ “الاسْتِبَاعُ”
- xvi. al-I‘tirādُ “الاعْتِرَاضُ”
- xvii. al-Iltifātُ “الالتفاتُ” dan
- xviii. Taqlīl al-lafz wa lā taqlīluhُ “تَقْلِيلُ اللَّفْظِ وَلَا تَقْلِيلُهُ”.

Adapun tajuk-tajuk al-badī‘ al-lafzīy ialah seperti berikut:<sup>1</sup>

- i. al-Tajnīsُ “التَّجْنِيسُ”
- ii. al-Isytiqāqُ “الاشْتِقَاقُ”
- iii. Radd al-‘ajz ‘alā al-ṣadrُ “رَدُّ الْعَجْزِ عَلَى الصِّدْرِ”
- iv. al-Qalbُ “الْقَلْبُ”

<sup>1</sup> Lihat: Ibid, hlm. 539 - 542



- v. al-Saja ‘السَّجَعُ’
- vi. al-Tarṣī‘ ‘التَّرْصِيعُ’.

al-Sakkākīy membincang tajuk-tajuk ini secara terperinci serta memberi contoh-contoh yang banyak untuk tujuan yang sama, sama ada ayat-ayat al-Quran al-Karim, puisi-puisi dan juga ayat-ayat yang beliau cipta sendiri. Walau bagaimanapun penulis tidaklah merekod kesemuaan tajuk-tajuk balaghah dalam kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* melainkan hanya memilih tajuk-tajuk utama sahaja untuk membuktikan peranan dan sumbangan al-Sakkākīy kepada perkembangan ilmu balaghah. Begitu juga dari segi contoh-contoh yang beliau berikan, penulis tidak merekodkan semua contoh-contoh tersebut melainkan hanya mengambil satu atau dua contoh sahaja untuk mudah memahami perbincangan tersebut.

## 5.2 Sumbangan al-Sakkākīy Kepada Ilmu Ma‘ānī

Aspek-aspek ilmu ma‘ānī telahpun dibahas oleh para ulama sebelum al-Sakkākīy, terutamanya al-Jurjānīy menerusi karyanya *Dalā’il al-l’jāz*. Dalam karya tersebut beliau membincangkan aspek-aspek ilmu ma‘ānī seperti al-faṣl wa al-waṣl, al-taqdīm wa al-ta’khīr, al-ḥadhf, qaṣr bi innamā dan lain-lain. Kemunculan al-Sakkākīy pada awal abad ke-7 Hijrah mengumpul dan mengemas kinikan apa yang ditinggalkan oleh al-Jurjānīy. Oleh itu para pakar balaghah mengatakan bahawa sumber balaghah al-Sakkākīy adalah daripada balaghah al-Jurjānīy. Sebagaimana al-Jurjānīy mengambil daripada para ulama dalam generasi sebelumnya, seperti Sibawayh dan al-Farrā’.

Dalam bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, al-Sakkākīy membuka kata dengan mendefinisikan ilmu ma‘ānī. al-Sakkākīy berkata:

"اعْلَمْ أَنَّ عِلْمَ الْمَعَانِي هُوَ تَتَبُّعُ خَوَاصِّ تَرَكَيبِ الْكَلَامِ فِي الْإِفَادَةِ وَمَا يَتَّصِلُ بِهَا مِنَ الْإِسْتِحْسَانِ وَغَيْرِهِ  
لِيَحْتَرِزَ بِالْوُقُوفِ عَلَيْهَا عَنِ الْخَطَأِ فِي تَطْبِيقِ الْكَلَامِ عَلَى مَا يَقْتَضِي الْحَالُ ذِكْرُهُ "

Maksudnya:

“Ketahuilah ! Sesungguhnya ilmu ma‘ānī itu ialah bidang kajian tentang spesifik struktur kata untuk menghasilkan suatu manfaat dan yang berkaitan dengannya, sama ada dari segi memperindahkan ungkapan, mahupun untuk tujuan lain, agar dapat terhindar daripada berlaku kesalahan dalam menyesuaikan sesuatu ungkapan dengan kehendak situasi di mana ungkapan itu diucapkan”.<sup>1</sup>

Perbincangan ilmu ma‘ānī mencakupi beberapa aspek berikut:

### 5.2.1 I‘tibārāt al-Isnād al-Khabarīy "اعتباراتُ الإسنادِ الخبريِّ" (Perbincangan Isnād Khabarī)

Khabar (berita) ialah ungkapan yang boleh dianggap benar atau bohong, ini hanya dilihat dari segi kandungan berita semata tanpa melihat kepada siapa pemberita. Dalam perbincangan isnād khabarīy beliau membicarakan tiga aspek utama, iaitu khabar ibtidā‘iy, khabar ṭalabīy dan khabar inkārīy. Sekiranya berita itu boleh diterima tanpa keraguan dan tidak memerlukan sebarang pengukuhan maka berita tersebut dinamakan dengan “khabar ibtidā‘iy”, seperti ayat “زَيْدٌ عَالِمٌ” (Zayd itu seorang yang alim) dikatakan kepada seseorang yang belum mengetahui bahawa Zayd itu alim. Ini dinamakan “faedah berita” iaitu proses memaklumkan pendengar sesuatu yang belum diketahuinya. Atau memaklumkan pendengar sesuatu yang sedia diketahuinya, seperti

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, (Ed): ‘Abd al-Ḥamīd Hindāwīy, hlm. 247

ayat “قَدْ حَفِظْتَ الْقُرْآنَ” (Sungguh telah kamu hafal al-Quran) kepada seseorang yang telah menghafalnya. Ini dinamakan “Lazim faedah berita” (maklumat tersedia)

Sekiranya berita itu diragui oleh pendengarnya dan memerlukan pengukuhan, sama ada dengan menambah “أَلَاَمْ”، seperti “لَزَيْدٌ عَارِفٌ” (Sesungguhnya Zayd itu mengetahui) atau dengan menambah “إِنَّ”، seperti “إِنَّ زَيْدًا عَارِفٌ” (Sesungguhnya Zayd itu mengetahui) maka ia dinamakan “khabar ṭalabīy”

Sekiranya berita itu ditolak oleh pendengarnya dan memerlukan beberapa pengukuhan maka ia dinamakan “khabar inkārīy” seperti dikatakan untuk satu pengukuhan: “إِنِّي صَادِقٌ” (Sesungguhnya saya seorang yang benar) atau dua pengukuhan seperti “إِنِّي لَصَادِقٌ” (Sesungguhnya saya seorang yang sungguh benar) atau tiga pengukuhan seperti “وَاللَّهِ إِنِّي لَصَادِقٌ” (Demi Allah sesungguhnya saya seorang yang sungguh benar). Di dalam al-Quran Allah (s.w.t.) menceritakan tentang umat Yahudi dengan firmanNya yang berbunyi:

﴿ إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا إِنَّا إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ ﴿١٤﴾ قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ ﴿١٥﴾ قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ ﴿١٦﴾ ﴾

Maksudnya:

“Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami kuatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: ‘Sesungguhnya kami ini adalah diutuskan kepada kamu’. Penduduk bandar itu menjawab: "Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak

menurunkan sesuatu pun (tentang agama yang kamu dakwakan); Kamu ini tidak lain hanyalah berdusta". Rasul-rasul berkata: Tuhan Kami mengetahui bahawa sesungguhnya Kami adalah Rasul-rasul yang diutus kepada kamu".<sup>1</sup>

Ayat ﴿إِنَّا إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ﴾ (Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang diutus kepadamu) dan dikatakan pada kali yang kedua ﴿إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ﴾ (Sesungguhnya kami adalah orang yang diutus kepada kamu). Ketika mereka membantah pada kali pertama maka rasul-rasul itu mengukuhkan pengakuan itu dengan "إِنَّ" (sesungguhnya) tetapi dengan adanya bantahan yang kedua maka para rasul itu pula menguatkan pengakuannya dengan menambah satu pengukuhan lagi, iaitu "اللام" pada perkataan "مُرْسَلُونَ". Begitulah seterusnya sesuai dengan penolakan dan bantahan yang dihadapi.<sup>2</sup>

al-Sakkākīy membincang dengan lebar panjang tentang tajuk ini dan beliau juga mengemukakan cerita tentang jawapan Abū al-‘Abbās terhadap pertanyaan al-Kindīy, iaitu seperti berikut:

"... مِنْ جَوَابِ أَبِي الْعَبَّاسِ لِلْكَنْدِيِّ حِينَ سَأَلَهُ قَائِلًا : إِنِّي أَجِدُ فِي كَلَامِ الْعَرَبِ حَشْنًا يَقُولُونَ عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ ثُمَّ يَقُولُونَ إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ ، ثُمَّ يَقُولُونَ : إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ ، وَالْمَعْنَى وَاحِدٌ ، وَذَلِكَ بِأَنَّ قَالَ : بَلِ الْمَعَانِي مُخْتَلِفَةٌ ، فَقَوْلُهُمْ عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ ، إِخْبَارٌ عَنْ قِيَامِهِ ، وَقَوْلُهُمْ إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ جَوَابٌ عَنْ سُؤَالِ سَائِلٍ ، وَقَوْلُهُمْ إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ جَوَابٌ عَنْ إِنْكَارِ مُنْكَرٍ قِيَامِهِ "

Maksudnya:

“Dalam jawapan Abū al-‘Abbās terhadap pertanyaan al-Kindīy dapat difahami dengan jelas tentang perbezaan antara tiga jenis khabar tersebut. al-Kindīy

<sup>1</sup> Surah Yāsīn (36) Ayat: 14-16

<sup>2</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 258-259

berkata kepada Abū al-‘Abbās: “Sesungguhnya saya mendapati dalam ungkapan bangsa Arab “al-ḥasyw” “الْحَشْوُ” (penambahan yang tidak diperlukan), mereka berkata: “عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ” (Abdullah berdiri), “إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ” (Sesungguhnya Abdullah berdiri) dan “إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ” (Sesungguhnya Abdullah benar berdiri) sedangkan maksudnya sama”. Abī al-‘Abbās menjawab: “Tetapi maksud-maksudnya itu berbeza. Ungkapan mereka: “عَبْدُ اللَّهِ قَائِمٌ” (Abdullah berdiri), memberitakan bahawa Abdullah itu berdiri. Ungkapan mereka” “إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ قَائِمٌ” (Sesungguhnya Abdullah berdiri) jawapan kepada soalan orang yang bertanya, dan kata mereka: “إِنَّ عَبْدَ اللَّهِ لَقَائِمٌ” (Sesungguhnya Abdullah benar berdiri) jawapan terhadap bantahan bagi orang yang mengikari bahawa Abdullah itu berdiri”<sup>1</sup>.

### 5.2.2 I‘tibārāt al-Musnad Ilayh "اعْتِبَارَاتُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ" (Perbincangan al-Musnad Ilayh)

Sesungguhnya indah atau buruk sesuatu ungkapan itu bergantung kepada kesesuaian susunannya mengikut situasi yang ada di sekelilingnya. Musnad ilayh adalah suatu unsur penting di dalam sesuatu ungkapan tersebut, di mana ia merupakan suatu sandaran bagi yang lain. Namun begitu kadangkalanya ia dibuang untuk tujuan-tujuan tertentu, seperti dalam situasi musnad ilayh itu dikenal oleh pendengar, atau difahami dengan sebab ada qarīnat (ungkapan tunjuk), atau musnad ilayh itu memang hanya digunakan pada posisi itu, atau penutur tidak mahu menyebut musnad ilayh kerana ada hal-hal tertentu, atau untuk menjaga rima dalam puisi, atau tempat tidak mengizinkan untuk menyebutnya ataupun dalam situasi-situasi lain yang lebih sesuai meninggalkan musnad ilayh.

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 259

Dalam situasi-situasi tertentu musnad ilayh perlu disebutkan, sama ada disebutkan itu dalam bentuk ma‘rifah (kata nama khas; kata nama yang menunjukkan sesuatu yang khusus). Ia terdiri dari ḍamīr (kata ganti nama), isim ‘alam (nama khas; nama yang menunjukkan makna khusus tanpa memerlukan tanda tertentu), isim mawṣūl (kata nama khas yang memerlukan keterangan selepasnya), isim isyārah (kata nama petunjuk), ma‘rifah dengan alif lām (sesuatu isim yang ada alif lam), idāfah hakiki (gabungan antara dua kata nama atau kata nama dengan kata ganti) kepada salah satu isim ma‘rifah. Dan tawābi‘ (kata jama‘ dari tābi‘; kata susul; kata yang mengiringi satu kata lain yang sama pleksinya) kepada isim ma‘rifah<sup>1</sup>. Musnad ilayh juga disebut dalam bentuk nakirat (kata nama yang menunjukkan makna umum). Dalam situasi yang lain ia didahulukan dari musnad (sesuatu yang disandarkan kepada yang lain) atau sebaliknya dan kadangkalanya ia diqaṣar (dikhususkan) pada musnad. Keterangannya seperti berikut:

- a. Ṭayy zikr al-musnad ilayh “طَيُّ ذِكْرِ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ” (Menyembunyikan; tidak menyebut musnad ilayh). Musnad ilayh tidak disebut dalam situasi-situasi tertentu, misalnya kesuntukan masa atau dalam keadaan kurang sihat, ataupun ia lebih sesuai untuk ditinggalkan, seperti pada puisi:

”قَالَ لِي كَيْفَ أَنْتَ؟، قُلْتُ: ”عَلِيلٌ“ ❖ سَهْرٌ دَائِمٌ وَحُزْنٌ طَوِيلٌ”

Maksudnya:

“Dia berkata padaku “bagaimana (keadaan) mu ?, Aku berkata: “sakit”

Sentiasa berjaga malam dan kesedihan sepanjang masa”.

<sup>1</sup> Lihat: Ibid, hlm. 269

Sepatutnya dia berkata: “أَنَا عَائِلٌ...” (Saya sakit), tetapi dia tidak menyebutkan “أَنَا” (Saya) dan sepatutnya dia menyebut “حَالِي سَهْرٌ دَائِمٌ...” (Keadaanku) sentiasa berjaga malam ...., tetapi tidak disebut “حَالِي” (Keadaanku), kerana sesak dadanya untuk memanjangkan ucapan disebabkan oleh kesakitan atau kesukaran bernafas. Di dalam al-Quran al-Karim Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿ سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنْزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya:

“(Ini adalah) satu surah yang Kami turunkan dan Kami wajibkan (menjalankan hukum-hukum yang ada di dalam)nya, dan Kami turunkan di dalamnya ayat-ayat yang jelas, agar kamu selalu mengingatkannya”.<sup>1</sup>

Dalam firman Allah (s.w.t.) di atas tidak disebutkan “هَذِهِ” (Ini), tetapi terus disebutkan “سُورَةٌ أَنْزَلْنَاهَا...” (Satu surah yang Kami turunkannya...) kerana walaupun tidak disebut, ia boleh difahami bahawa ada sesuatu yang dibuang, iaitu musnad ilayh.

- b. Ithbāt al-musnad ilayh “إِثْبَاتُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ” (Menetapkan; menyebut musnad ilayh). Musnad ilayh disebutkan kerana mengikut posisinya yang asal. Kadangkalanya ia disebutkan dalam situasi sesuatu berita itu umum dan bermaksud untuk mengkhususkannya dengan sesuatu ketentuan, seperti dikatakan “زَيْدٌ جَاءَ” (Zayd telah datang) “عَمْرٌو ذَهَبَ” (‘Amr telah pergi) dan “خَالِدٌ فِي الدَّارِ” (Khalid di dalam rumah). Berita kedatangan itu dikhaskan kepada “Zayd”, kepergian dikhaskan kepada “Amr” dan keberadaan seseorang di dalam rumah itu “Khalid”.

<sup>1</sup> Surah al-Nūr (24) : 1

Adakalanya musnad ilayh itu disebutkan untuk suatu kepastian dalam pemikiran pendengar kerana kurang keterangan dengan qarīnat̄ (ungkapan tunjuk), atau ia disebutkan untuk menambah penjelasan dan keyakinan, atau untuk penghinaan, atau untuk memberi tahu kebodohan pendengar dan memerlukan kepada penjelasan yang mendetil, atau kerana keseronokan menyebutnya atau untuk mengambil berkat ataupun untuk pengagungan dan penghormatan, seperti firman Allah (s.w.t.) dalam al-Quran al-Karim menceritakan tentang dialog Nabi Musa (a.s.) dengan Yang Maha Pencipta. Allah (s.w.t) bertanya kepada Nabi Musa (a.s.):

﴿ وَمَا تَلَّكَ بِيَمِينِكَ يَمُوسَىٰ ﴿١٧﴾ ﴾

Maksudnya: “Apakah itu yang di tangan kananmu, Hai Musa ?”<sup>1</sup>

Nabi Musa menjawab:

﴿ قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّؤُا عَلَيْهَا وَأَهشُّ بِهَا عَلَىٰ غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَآرِبُ أُخْرَىٰ ﴿١٨﴾ ﴾

Maksudnya:

“Berkata Musa: "Ini adalah tongkatku, aku bertumpu padanya, dan aku pukul (daun) dengannya untuk kambingku, dan bagiku ada lagi keperluan yang lain padanya".<sup>2</sup>

Dalam ayat di atas sekiranya Nabi Musa (a.s.) menjawab “عَصَاً” (Tongkat) tentu sudah sempurna jawabannya, tetapi baginda menyebut musnad ilayh dengan

---

<sup>1</sup> Surah Ṭāhā (20): 17

<sup>2</sup> Surah Ṭāhā (20): 18



menambah keterangan yang mendetil. Ini menunjukkan pengagungan dan penghormatan terhadap martabat pendengar Yang Maha Tinggi.<sup>1</sup>

c. al-Musnad ilayh ma‘rifatِ “المُسْنَدُ إِلَيْهِ مَعْرِفَةٌ” (musnad ilayh kata nama yang menunjukkan makna khusus). Dalam hal musnad ilayh itu ma‘rifatِ maka adakalanya ia dima‘rifatِkan dengan beberapa kategori berikut:

i. al-Musnad ilayh ḍamīranِ “المُسْنَدُ إِلَيْهِ ضَمِيرًا” (musnad ilayh kata ganti nama). Ia digunakan dalam posisi ungkapan bercerita, seperti dalam puisi berikut:

“وَنَحْنُ التَّارِكُونَ لِمَا سَخِطْنَا ❖ وَنَحْنُ الْآخِذُونَ لِمَا رَضِينَا”

Maksudnya:

“Kami meninggalkan apa yang kami benci

Dan kami mengambil apa yang kami sukai”

Perkataan “نَحْنُ” (kami) dalam puisi ini adalah ḍamīr dalam posisi sebagai musnad ilayh.

ii. al-Musnad ilayh ‘alamanِ “المُسْنَدُ إِلَيْهِ عَلَمًا” (Musnad ilayh isim ‘alam, iaitu kata nama yang menunjukkan makna khusus tanpa memerlukan kepada tanda tertentu<sup>2</sup>). Ia digunakan dalam posisi mendatangkan kefahaman ke dalam fikiran pendengar, memulakan ungkapan itu dengan mengkhususkan musnad ilayh, seperti ayat: “زَيْدٌ صَدِيقٌ لَكَ” (Zayd itu teman kamu). Atau untuk tujuan penghormatan dengan menyebut panggilan yang menunjukkan kemuliaan,

<sup>1</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 268

<sup>2</sup> *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 124

seperti pada puisi al-Hārith bin Hisyām ketika memberi alasan kerana lari dari saudaranya “Abū Jahal” pada hari Perang Badar, al-Hārith berkata:

”اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَرَكْتُ قِتَالَهُمْ ❖ حَتَّىٰ عَلَوْا فَرَسِي بِأَشَقَرٍ مُّزِيدٍ ”

Maksudnya:

“Allah mengetahui saya telah tinggalkan peperangan mereka

Sehingga atas kudaku buih berwarna perang”

Perkataan “اللَّهُ” (Allah) dalam puisi ini adalah musnad ilayh yang dima‘rifatkan dengan ‘alamiyat, iaitu satu nama yang dikhususkan bagi dzat Yang Maha Esa. Ia disebutkan sebagai ta‘zīm (pengagungan).<sup>1</sup>

Ataupun nama sindiran yang menunjukkan kehinaan, seperti firman Allah (s.w.t.) dalam al-Quran al-Karim:

﴿ تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ﴾

Maksudnya:

“Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab dan benar-benar dia binasa”<sup>2</sup>

Perkataan “أَبِي لَهَبٍ” (Abu Lahab) dalam ayat ini adalah sebagai musnad ilayh yang dima‘rifatkan dengan ‘alamiyat, iaitu nama gelaran kepada ‘Abd al-‘Uzzā bin ‘Abd al-Muṭṭalib bin Hāsyim, bapa saudara kepada Nabi Muhammad (s.a.w.), ia disebutkan untuk penghinaan.

<sup>1</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm 273 -273

<sup>2</sup> Surah al-Masad (111) : 1

iii. al-Musnad ilayh isman mawṣūlan “الْمُسْنَدُ إِلَيْهِ إِسْمًا مَوْصُولًا” (Musnad ilayh isim mausul; kata nama khas yang memerlukan keterangan). Ia digunakan dalam posisi mendatangkan kefahaman ke dalam fikiran pendengar dengan perantaraan ayat yang sedia maklum yang berkaitan dengan maksud tertentu, seperti ayat: “الَّذِي كَانَ مَعَكَ أَمْسٍ لَا أَعْرِفُهُ” (Orang yang bersama kamu semalam tidak saya kenal). Perkataan “الَّذِي” pada contoh ini adalah isim mawṣūl dalam posisi sebagai musnad ilayh. Atau kerana ada perbuatan keji yang tidak patut disebut nama, seperti dalam firman Allah (s.w.t.) menceritakan tentang Zulaikhā’:

﴿وَرَوَدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْتِهَا عَن نَّفْسِهِ...﴾

Maksudnya:

“Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh- sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya .....”<sup>1</sup>

Perkataan “الَّتِي” adalah isim mawṣūl mufrad mu’annath (Yang menunjukkan seorang perempuan) dalam posisi sebagai musnad ilayh. Perempuan yang dinaksudkan adalah Zulaikhā’, di sini tidak disebut namanya kerana ada perbuatan yang tidak senonoh.

iv. al-Musnad ilayh ism al-isyārah<sup>2</sup> “الْمُسْنَدُ إِلَيْهِ إِسْمُ الْإِشَارَةِ” (Musnad kata nama tunjuk). Ia digunakan dalam posisi mendatangkan kefahaman ke dalam fikiran pendengar melalui perantaraan isyarat dengan panca indera, seperti dalam firman Allah (s.w.t.):

<sup>1</sup> Surah Yūsuf (12): Ayat: 23

<sup>2</sup> Isim Isyārah ialah kata nama petunjuk, yakni kata nama untuk menunjukkan sesuatu dengan cara isyarat tanpa menyebut nama sebenar, seperti: “هَذَا”, “هَذِهِ” dan sebagainya.

﴿أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya:

“Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya”.<sup>1</sup>

Perkataan "أُولَئِكَ" (mereka) dalam ayat ini adalah isim isyārah jama' mudhakkar sālim sebagai musnad ilayh yang bermaksud “orang-orang yang beriman”. Atau musnad ilayh itu disebutkan dengan isim isyārah untuk pengkhususan dan pengistimewaan kepada seseorang atau sesuatu kaum, seperti dalam puisi al-Ḥuṭay'at<sup>2</sup> (58 H / 678 M) berikut:

"أُولَئِكَ قَوْمٌ، إِنْ بَنَوْا أَحْسَنُوا الْبِنَاءَ ❖ وَإِنْ عَاهَدُوا أَوْفَوْا، وَإِنْ عَاقَدُوا شَدُّوا

Maksudnya:

“Mereka adalah suatu kaum, apabila membangun nescaya mengindahkan bangunan mereka. Apabila berjanji nescaya menunaikan janji mereka, apabila sudah bersetuju nescaya tegas terhadap keputusan mereka”

Perkataan "أُولَئِكَ" (mereka) dalam puisi ini adalah isim isyārah jama' mudhakkar sālim sebagai musnad ilayh. Ia disebutkan untuk pengistimewaan kaum tersebut.

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 5

<sup>2</sup> al-Ḥuṭay'at ialah salah seorang penyair mukhadram, yakni penyair yang sempat hidup dalam dua masa, iaitu masa jahiliyah dan masa Islam. Beliau meninggal pada tahun 58 H / 678 M. (Lawis Ma'lūf, *al-Munjid Fī al-Lughah Wa al-I'lām*, bahagian al-I'lām, hlm. 222

- v. Ta'rif al-musnad ilayh bi al-lam "تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ بِاللَّامِ". (Mema'rifatkan musnad ilayh dengan lām, yakni dengan alif dan lām). Ia digunakan dalam posisi memberi keterangan yang hakiki, seperti perkataan "الْمَاءِ" (air) dalam firman Allah (s.w.t.) berikut:

﴿... وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ ...﴾

Maksudnya:

".... Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup..."<sup>1</sup>

Perkataan "الْمَاءِ" (air) adalah ma'rifat dengan alif dan lām sebagai musnad ilayh. Ia menunjukkan kepada suatu makna yang khusus, iaitu air yang sedia maklum, sama ada air yang turun dari langit mahupun air yang keluar dari bumi.

- vi. Ta'rif al-musnad ilayh bi al-Idāfat<sup>2</sup> "تَعْرِيفُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ بِالْإِضَافَةِ" (Mema'rifatkan musnad ilayh dengan menyandarkan kepada isim ma'rifat yang lain). Ia digunakan dalam situasi pemberita tidak mampu mendatangkan kefahaman ke dalam fikiran pendengar dengan apa carapun jua, seperti ayat "غُلَامٌ زَيْدٍ" (Pemuda Zayd). Perkataan "غُلَامٌ" (pemuda) pada asalnya nakirat, yakni memberi pengertian yang umum, tetapi kerana diidāfatkan kepada perkataan ma'rifat iaitu "زَيْدٍ" maka ia juga menjadi ma'rifat, yakni memberi makna yang khusus.

<sup>1</sup> Surah al-Anbiyā' (21) : 30

<sup>2</sup> Idāfat ialah gabungan antara dua kata nama atau kata nama dengan kata ganti, seperti "بَيْتُ مُحَمَّدٍ", "بَيْتُهُ", dan lain-lain (*Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 28)

- vii. al-Musnad ilayh ma‘rifat mawṣūfat, “المُسْنَدُ إِلَيْهِ مَعْرِفَةٌ مَوْصُوفَةٌ”. (musnad ilayh ma‘rifat dengan sebab menerang sifat objek isim ma‘rifat sebelumnya). Ia digunakan dalam situasi sifat itu sebagai suatu kenyataan yang dapat menerangkan musnad ilayh, seperti ayat: “الْمُتَّقِي الَّذِي يُؤْمِنُ وَيُصَلِّي وَيُزَكِّي عَلَيَّ” (Orang bertaqwa yang beriman, yang melaksanakan sembahyang, yang menunaikan zakat mendapat petunjuk dari Tuhannya). Ayat ini suatu pernyataan yang halus, di mana orang bertaqwa itu adalah orang yang menunaikan segala kewajiban, terutamanya sembahyang sebagai ibadah anggota badan dan zakat sebagai ibadah dengan harta benda dan dengan ibadah ini akan menghalang seseorang itu daripada melakukan segala larangan kerana dia telah mendapat petunjuk Allah (s.w.t.).
- d. Ta’kid al-musnad ilayh "تَأْكِيدُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ" (Menguatkan musnad ilayh). Ta’kit ialah gaya bahasa yang memberi penonjolan kepada sesuatu perkataan atau ungkapan yang biasanya tidak penting,<sup>1</sup> seperti dikatakan: “عَرَفْتُ أَنَا” (Saya sudah tahu). Perkataan “أَنَا” (saya) tidak diperlukan lagi kerana sudah memadai dengan "تُ" pada perkataan "عَرَفَ" iaitu “tā’ fā’il”).
- e. Bayān wa tafsīr al-musnad ilayh “بَيَانٌ وَتَفْسِيرٌ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ” (Keterangan dan pentafsiran al-musnad ilayh). Ia digunakan untuk tujuan menambah penjelasan dengan menyebut nama, seperti ayat: “صَدِيقُكَ خَالِدٌ قَدَمٌ” (Teman kamu “Khalid” telah datang). Perkataan “خَالِدٌ” sebagai pentafsiran kepada perkataan “صَدِيقُكَ” (teman kamu). Begitu juga terdapat dalam firman Allah (s.w.t.):

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 61

﴿... لَا تَتَّخِذُوا إِلَهَيْنِ اثْنَيْنِ إِنَّمَا هُوَ إِلَهُ وَاحِدٌ...﴾

Maksudnya:

"....Janganlah kamu bertuhankan dua tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu hanyalah Tuhan yang satu..."<sup>1</sup>

Perkataan "إِثْنَيْنِ" (dua) sebagai pentafsiran kepada "إِلَهَيْنِ" (dua Tuhan) dan perkataan "وَاحِدٌ" (satu) sebagai pentafsiran kepada perkataan "إِلَهُ" (satu Tuhan)

f. al-Badal ‘an al-musnad ilayh "الْبَدَلُ عَنِ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ", seperti ayat berikut:

"حَقُّ عَلَيْكَ الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ"

Maksudnya:

"Wajib atas kamu jalan yang lurus, iaitu jalan yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah (s.w.t.) kepada kamu".

Ayat "صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ" sebagai badal (الْبَدَلُ) kepada ayat "الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ". Berdasarkan kepada contoh ini dapat dikatakan bahawa "badal" itu berfungsi sebagai keterangan bagi ungkapan sebelumnya.

g. ‘Atf al-musnad ilayh "عَطْفُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ". Ia digunakan untuk merincikan musnad ilayh serta ringkas, seperti ayat: "جَاءَ زَيْدٌ وَعَمْرُو وَخَالِدٌ" (Zayd, ‘Amr dan Khalid telah datang). Asal ayat ini adalah "جَاءَ زَيْدٌ، جَاءَ عَمْرُو، جَاءَ خَالِدٌ" maka ‘atf musnad ilayh dengan waw (وَأَوْ) sama rinci dan lebih ringkas.

---

<sup>1</sup> Surah al-Nahl (16) : 51

Begitu juga ayat: "جَاءَنِي زَيْدٌ لَأَعْمُرُو" (Zayd telah datang kepadaku, ‘Amr tidak datang), asal ayat: "جَاءَنِي زَيْدٌ مَا جَاءَنِي عَمْرُو" (Zayd telah datang kepadaku, ‘Amr tidak datang kepadaku) maka ‘atf musnad ilayh dengan lā (لَا) sama rinci dan lebih ringkas.

- h. Faṣl al-musnad ilayh "فَصَلُّ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ" (Memisahkan antara musnad ilayh dengan musnad) bermaksud untuk mengkhususkan musnad dengan musnad ilayh, seperti ayat: "زَيْدٌ هُوَ أَفْضَلُ مِنْ عَمْرُو" (Zayd itu lebih baik daripada ‘Amr) Perkataan "زَيْدٌ" sebagai musnad ilayh, perkataan "أَفْضَلُ" sebagai musnad, tetapi dalam ayat ini sudah diselang oleh perkataan "هُوَ" untuk tujuan mengkhususkan musnad dengan musnad ilayh.
- i. Tankīr al-musnad ilayh "تَنْكِيرُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ" (Menunggalkan seseorang atau sesuatu benda seperti dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّن مَّاءٍ...﴾

Maksudnya:

“Dan Allah telah menciptakan semua jenis haiwan dari air....”<sup>1</sup>

- j. Taqdīm al-musnad ilayh ‘alā al-Musnad "تَقْدِيمُ الْمُسْنَدِ إِلَيْهِ عَلَى الْمُسْنَدِ" (Mendahulukan musnad ilayh daripada musnad). Dalam posisi musnad ilayh lebih penting daripada musnad maka ia didahulukan musnad, atau kerana kedudukannya yang asal memang demikian dan tidak memerlukan kepada penukaran kedudukan tersebut, ataupun ia mengandungi makna istifhām, seperti "أَيُّهُمْ مُنْطَلِقٌ" (Siapa di antara mereka yang pergi ?)

<sup>1</sup> Surah al-Nūr (24) : 45



- k. Ta'khīr al-musnad ilayh 'an al-musnad "اِتَّأَخَّرَ الْمُسْنَدَ إِلَيْهِ عَنِ الْمُسْنَدِ" (Mengemudiankan musnad ilayh daripada musnad). Perbincangan ini akan dibahas secara detil dalam perbincangan musnad, kerana ia lebih munasabah dibicang dalam tajuk tersebut.<sup>1</sup>
- l. Qaṣr al-musnad ilayh 'alā al-musnad "اِقْصَرَ الْمُسْنَدَ إِلَيْهِ عَلَى الْمُسْنَدِ" (Mengkhususkan musnad ilayh terhadap musnad) Qaṣār ialah proses mengkhususkan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan cara-cara yang tertentu.<sup>2</sup> Dalam situasi yang tidak jelas antara betul atau salah sesuatu ketentuan di sisi pendengar yang bermaksud untuk menetapkan kebenaran dan menafikan kesalahan, seperti ayat "زَيْدٌ مُتَمَوِّلٌ لَّا زَيْدٌ مُتَمَوِّلٌ لَّا" "زَيْدٌ مُتَمَوِّلٌ لَّا" (Zayd itu seorang hartawan, bukan dermawan). Ayat ini sebagai penjelasan kepada pendengar yang menganggap bahawa "Zayd" itu seorang hartawan dan dermawan, dengan demikian pendengar dapat memahami bahawa "Zayd" itu bukan seorang dermawan tetapi dia hanya seorang hartawan sahaja. Dalam al-Quran Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ﴾

Maksudnya:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan"<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Lihat al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 321

<sup>2</sup> *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, Ibid, hlm. 138

<sup>3</sup> Surah al-Baqarah (2) : 11

Ayat ini menceritakan tentang kaum Yahudi, mereka dilarang berbuat kerosakan di muka bumi, lalu mereka membantah dan mengaku bahawa mereka tidak berbuat kerosakan melainkan hanya berbuat kebaikan sahaja.

### 5.2.3 al-Iltifāt "الْإِلْتِفَاتُ" (Peralihan Percakapan)

Iltifat ialah perubahan ungkapan dari percakapan yang melibatkan diri sendiri kepada perbincangan yang melibatkan orang lain secara bersemuka atau melibatkan orang lain yang berjauhan ataupun sebaliknya.<sup>1</sup> Dengan bahasa yang mudah dapat dikatakan iltifat itu ialah gaya bahasa yang berubah-ubah di antara diri pertama, kedua atau ketiga,<sup>2</sup> seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾

Maksudnya:

“Hanya Engkau yang kami sembah, dan hanya kepada Engkau kami meminta pertolongan”.<sup>3</sup>

Ayat di atas sebagai contoh iltifāt dari diri ketiga kepada diri kedua, kerana kalau dilihat uslub dari awal surah sepatutnya disebut ﴿إِيَّاهُ نَعْبُدُ وَإِيَّاهُ نَسْتَعِينُ﴾ (Dialah yang kami sembah dan Dialah yang kami memohon pertolongan). Begitu juga dalam puisi berikut:

"وَقَدْ سَمِعْتُ بِقَوْمٍ يُحْمَدُونَ فَلَمْ ❖ أَسْمَعْ بِمِثْلِكَ لَا حِلْمًا وَلَا جَوْدًا"

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh 'Ulūm*, hlm. 293

<sup>2</sup> *Glosori Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, Ibid, hlm. 36

<sup>3</sup> Surah al-Fātihah (1): Ayat: 5

Maksudnya:

“Sesungguhnya aku telah mendengar suatu kaum yang terpuji, maka tidak aku mendengar seperti engkau yang tidak bermurah hati dan tidak dermawan”

Perkataan “مِثْلِكَ” (Seumpama kamu) sepatutnya dikatakan “مِثْلِهِ” (Seumpama kaum itu) supaya ia sesuai dengan cerita sebelumnya, iaitu cerita suatu kaum yang diungkapkan dengan perkataan “قَوْمٍ” (Suatu Kaum) tiba-tiba penyair ini mengalih ceritanya dengan cara bersemuka dengan menggunakan ḍamīr khiṭāb “كَ” (Engkau). Perubahan seperti dalam ayat al-Quran al-Karim tadi dan dalam puisi ini dalam istilah ilmu balaghah dinamakan dengan “iltifat”<sup>1</sup>.

#### 5.2.4 I'tibārāt al-Musnad "اعتبارات المسند" (Perbincangan Musnad)

Musnad digunakan mengikut posisi masing-masing, sesuai dengan kehendak situasi yang berbeza. Kadangkalanya ia dibuang atau disebut, sama ada disebut dalam bentuk mufrad, sama ada fi' il atau isim, sama ada isim nakirah atau ma'rifah, sama ada muqayyad atau tidak muqayyad. Atau musnad disebut dalam bentuk jumlah, sama ada jumlah ismiyyah, jumlah fi'liyyah, jumlah syartiyah, atau zarfiyyah. Sama ada yang musnad tersebut didahulukan ataupun dikemudiankan, semua ini mengikut situasi yang sesuai. Keterangannya seperti berikut:

- a. Tark al-musnad “تَرْكُ الْمُسْنَدِ” (Tidak menyebut musnad). Sekiranya musnad dapat dikenal dengan menyebut musnad ilayh sahaja dan ada maksud tertentu untuk membuangnya, sama ada kerana mengikut kebanyakan penggunaan, atau bertujuan untuk meringkaskan dan mengelak daripada sesuatu yang tidak

---

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 299-300

diperlukan maka dalam situasi seperti ini musnad boleh dibuang, seperti dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿... أَفَأُنَبِّئُكُمْ بِشَرِّ مِّنْ ذَٰلِكُمْ النَّارُ...﴾

Maksudnya:

“Apakah akan aku khabarkan kepadamu (mengenai sesuatu) yang lebih buruk dari itu (iaitu) neraka”.<sup>1</sup>

Bermaksud : النَّارُ شَرٌّ مِّنْ ذَٰلِكُمْ (Neraka lebih buruk dari itu). Di sini Allah (s.w.t.) tidak menyebutkan musnad supaya ringkas.

b. Dhikr al-musnad " ذِكْرُ الْمُسْنَدِ " (Menyebut musnad)

Dalam situasi memerlukan menyebut musnad ketika menyebut musnad ilayh tidak memberi faedah bagi musnad dari segi apapun, seperti ayat "زَيْدٌ قَائِمٌ" (Zayd berdiri) atau ada maksud tertentu, untuk menambah kuat sesuatu pengakuan, untuk memperlihatkan kebodohan pendengar, untuk memberi keselesaan kepada pendengar, untuk mengagumkan daripada musnad ilayh dengan menyebut musnad atau kerana musnad itu pada asalnya memang disebut, ataupun untuk menentukan musnad itu sebuah isim.

c. Ifrād al-musnad "إِفْرَادُ الْمُسْنَدِ" (Menunggalkan musnad). Musnad ditunggalkan sekiranya ada suatu kepastian, ini tidak bermaksud untuk menguatkan sesuatu ketentuan, seperti ayat "فِي الدَّارِ خَالِدٌ" (Di dalam rumah itu ada Khalid). Tunggal yang dimaksudkan di sini ialah yang bukan ayat "جُمْلَةٌ" atau

---

<sup>1</sup> Surah al-Hajj (22) : 72

seumpamanya, seperti jumlat ismiyyat " جُمْلَةٌ إِسْمِيَّةٌ " dan jumlat fi'liyyat " جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ "

- d. Matā yakūn al-musnad fi‘lan ? " متى يَكُونُ الْمُسْنَدُ فِعْلاً ؟ " (Bilakah kata kerja itu sebagai musnad?). Kata kerja menjadi musnad apabila bermaksud untuk mengkhususkan musnad itu dengan salah satu masa tertentu, iaitu; masa lampau, masa kini atau masa akan datang, maka dalam situasi begini musnad terdiri daripada kata kerja, seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿... فَوَيْلٌ لَهُمْ مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِّمَّا يَكْسِبُونَ﴾

Maksudnya:

“Maka celakalah mereka kerana tulisan tangan mereka, dan celakalah mereka dengan apa yang mereka usahakan”.<sup>1</sup>

Perkataan “كَتَبَتْ” kata kerja yang menunjukkan masa lampau dan perkataan “يَكْسِبُونَ” pula menunjukkan masa kini. Kedua-dua perkataan ini adalah sebagai musnad<sup>2</sup>

- e. Taqyīd al-musnad " تَقْيِيدُ الْمُسْنَدِ " (Pengaitan musnad)

Musnad digabungkan apabila bertujuan untuk menambah keperluan tertentu, seperti dihubungkan dengan maṣdar (kata nama terbitan) pada contoh: “ضُرِبْتُ ضَرْبًا شَدِيدًا” (Saya dipukul dengan pukulan yang amat sangat), atau zarf ṣamān (kata keterangan masa) pada contoh: “ضُرِبْتُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ” (Saya dipukul pada hari Jumaat), atau zarf makān (kata keterangan tempat) pada contoh: “ضُرِبْتُ أَمَامَكَ” (Saya

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 79

<sup>2</sup> Lihat al-Sakkakiy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 308

dipukul dihadapan kamu), atau maf'ūlum bih (penderita) pada contoh "ضُرِبْتُ زَيْدًا" (Saya memukul Zayd), atau dengan huruf jār "حَرْفُ الْجَارِ" (genitif) pada contoh "ضُرِبْتُ بِالسَّوْطِ" (Saya dipukul dengan cambuk), atau maf'ūl ma'ah (kata keterangan bermakna beserta) pada contoh: "جَلَسْتُ وَالسَّارِيَةَ" (Saya duduk bersama satu rombongan), atau hāl (kata keterangan yang menunjukkan cara) pada contoh: "جَاءَ زَيْدٌ رَاكِبًا" (Zayd datang dengan menunggang [kuda]), atau tamyīz pada contoh: "طَابَ زَيْدٌ نَفْسًا" (Zayd baik dirinya) atau syarat pada contoh: "يُضْرَبُ زَيْدٌ إِنْ ضَرَبَ عَمْرٌو" (Zayd akan dipukul sekiranya 'Amr dipukul) dan banyak lagi. Semua ini adalah kaitan bagi musnad. Walau bagaimanapun kaitan-kaitan ini tidak boleh digunakan tanpa ada keperluan tertentu.<sup>1</sup>

Dari keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa jumlah syartiyah itu adalah jumlah khabariyah yang terkait dengan kaitan khusus yang pada diri khabar itu boleh dianggap benar atau bohong. Adapun fi'il dan hal-hal yang berkaitan dengannya, sama ada musnad ilayh atau bukan musnad ilayh boleh disebut atau dibuang, dilahirkan atau disembunyikan, didahulukan atau dikemudiankan. Sekiranya musnad tidak memerlukan sebarang perubahan dan sebarang pengkhususan maka isim digunakan sebagai musnad.

- f. Matā yakūn al-musnad isman ? "مَتَى يَكُونُ الْمُسْنَدُ إِسْمًا؟" (Bilakah musnad itu kata nama ?)

Sekiranya tidak bermaksud kepada apa-apa perubahan dan kekhususan yang menunjukkan tiga masa tertentu, iaitu masa lampau, masa kini dan masa akan datang, maka dalam situasi seperti ini isim (kata nama) dijadikan sebagai musnad.

---

<sup>1</sup> Lihat: Ibid, hlm. 309

- g. Matā yakūn al-musnad munkiran ? " متى يكونُ المسندُ منكرًا " (Bilakah musnad itu kata nama am ?)

Sekiranya khabar itu menceritakan sesuatu yang umum, maka dalam situasi seperti ini nakiraṭ (kata nama am) digunakan sebagai musnad. Misalnya menceritakan bahawa di sisi seseorang itu ada seorang lelaki yang tidak dikenal maka dia mengatakan: "عِنْدِي رَجُلٌ" (Di sisi saya ada seorang lelaki). Perkataan "رَجُلٌ" (lelaki) ialah isim nakiraṭ sebagai musnad dalam ayat tersebut.

- h. Takhṣiṣ musnad " تَخْصِيصُ الْمُسْنَدِ " (mengkhususkan musnad), sama ada dengan Idāfaṭ (gabungan) seperti: "زَيْدٌ ضَارِبٌ غُلَامٍ" (Zayd pemukul pemuda itu), atau dengan ṣifaṭ (kata susulan), seperti "زَيْدٌ رَجُلٌ عَالِمٌ" (Zayd seorang lelaki yang alim)
- i. Matā yakūn al-musnad isman mu‘arrafan ? " متى يكونُ المسندُ إسمًا معرفًا ؟ " (Bilakah musnad itu kata nama khas ?)

Musnad dima‘rifahkan bertujuan untuk menentukan kepada pendengar sesuatu perkara yang maklum dengan salah satu ciri ma‘rifah, seperti dikatakan: "الرَّكِبُ هُوَ الْمُنْطَلِقُ" (Penunggang itu pergi)

- j. Matā yakūn al-musnad jumlat ? " متى يكونُ المسندُ جُمْلَةً ؟ " (Bilakah musnad itu dalam bentuk ayat ?)

Jamlat "جُمْلَةٌ" (ayat) digunakan sebagai musnad apabila bermaksud untuk menguatkan sesuatu hukum dengan ayat tersebut, seperti dalam contoh: "أَنَا عَرَفْتُ" (Saya mengenal), "أَنْتَ عَرَفْتَ" (Kamu mengenal) "هُوَ عَرَفَ" (Dia mengenal). Perkataan "عَرَفْتُ", "عَرَفْتَ" dan "عَرَفَ" adalah jumlah fi‘liyyah sebagai musnad.

k. Ta'khīr al-musnad "تَأْخِيرُ الْمُسْنَدِ" (Mengemudiankan musnad)

Sekiranya musnad ilayh lebih penting berbanding musnad, maka dalam situasi seperti ini musnad dikemudiankan. Ini adalah kedudukan asal bagi musnad.

l. Taqdīm al-musnad "تَقْدِيمُ الْمُسْنَدِ" (Mendahulukan musnad)

Sekiranya musnad itu terdiri daripada Istifhām, maka dalam situasi seperti ini musnad didahulukan, seperti pada contoh "كَيْفَ زَيْدٌ؟" (Bagaimana keadaan Zayd?).  
Ataupun bagi tujuan mengkhususkan musnad dengan musnad ilayh, seperti dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ﴾

Maksudnya:

“Bagimu agamamu dan bagiku agamaku”.<sup>1</sup>

5.2.5 I‘tibārāt al-Fi‘l Wa Mā Yata‘allaq Bih "اعْتِبَارَاتُ الْفِعْلِ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ"

(Perbincangan Kata Kerja dan Hal-hal Yang Berkaitan dengannya)

Perbincangan mengenai kata kerja dan hal-hal yang berkaitan dengannya secara umum bergantung kepada beberapa keadaan, sama ada kata kerja itu diabaikan, disebut, dilahirkan, disembunyikan, didahulukan atau dikemudiankan.

a. Tark al-fi‘l "تَرَكُ الْفِعْلِ" (Pengabaian kata kerja)

Kata kerja diabaikan dalam situasi tidak memerlukan kepada sesuatu ketentuan yang khusus atau kerana mengikut kebanyakan penggunaannya, maka dalam situasi

---

<sup>1</sup> Surah al-Kāfirūn (109) : 6



seperti ini kata kerja tidak disebutkan, seperti ayat: "لَا حَظِيَّةَ فَلَا أَلِيَّةَ" (tiada beruntung maka tiada putus asa)

b. Ithbāt al-fi‘l "إِثْبَاتُ الْفِعْلِ" (Penetapan kata kerja)

kata kerja disebutkan dalam situasi diperlukan atau ungkapan itu lebih indah dengan menyebutnya atau untuk mengelak daripada terpisah kata, seperti firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ﴿١﴾ وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ﴿٢﴾ ﴾

Maksudnya:

“Demi matahari dan siangya pada pagi hari. Demi bulan apabila mengiringinya”<sup>1</sup>

c. Tark maf‘ūl "تَرْكُ الْمَفْعُولِ" (Mengabaikan maf‘ūl [objek])

Maf‘ūl (objek ; penderita) diabaikan untuk tujuan memberi maksud yang umum dan mencegah supaya tidak terhad kepada pendengar tertentu sahaja. Ini merupakan salah satu bahagian daripada keindahan bahasa, di mana ia termasuk dalam bab sedikit lafaz dan banyak makna, seperti firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ ... ﴿٢٥﴾ ﴾

Maksudnya:

“Dan Allah menyeru (manusia) ke Dār al-Salām (syurga)”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Syams (91) : 1 - 2

<sup>2</sup> Surah Yūnus (10) : 25

d. Iḍmār al-fā'il "إِضْمَارُ الْفَاعِلِ" (Menyembunyikan fā'il [pelaku])

Fā'il (pelaku) tidak dizahirkan dalam situasi bercerita atau dalam situasi bercakap secara bersemuka "حِطَابٌ", seperti dikatakan: "عَرَفْتُ" (Saya mengenal) dan "عَرَفْتَ" (Kamu mengenal). Perkataan "أَنَا" sebagai fā'il "عَرَفْتُ" dan perkataan "أَنْتَ" sebagai fā'il "عَرَفْتَ" disembunyikan kerana kedua-duanya dalam situasi bercakap secara bersemukan "حِطَابَةٌ". Atau fā'il (pelaku) itu pernah disebut sebelumnya, seperti dalam ayat: "جَاءَنِي رَجُلٌ فَطَلَبَ مِنِّي كَذَا" (Telah datang kepadaku seorang lelaki dan meminta sesuatu daripadaku). Fā'il kepada "طَلَبَ" disembunyikan kerana memadai dengan menyebut fā'il kepada "جَاءَ" iaitu "رَجُلٌ" kerana ia memberi maksud yang sama.

e. Izhār al-fā'il "إِظْهَارُ الْفَاعِلِ" (Menzahirkan fā'il [pelaku])

Fā'il dizahirkan dalam situasi sebalik yang telah disebutkan di bawah tajuk “menyembunyikan fā'il”. Atau untuk tujuan mengkhususkan orang tertentu dan membezakan daripada yang lain. Seperti dalam contoh: "جَاءَنِي رَجُلٌ" "وَقَالَ الرَّجُلُ كَذَا" (Telah datang kepadaku seorang lelaki dan lelaki itu berkata ...). Atau untuk tujuan iltifāt, maka dalam situasi seperti ini dizahirkan fā'il.

## 5.2.6 al-Faṣl, Wa al-Waṣl, Wa al-Ījāz Wa al-Itnāb “الفصلُ والوصلُ والأيجازُ والأطنابُ” (Pemisahan, Penggabungan, Peringkasan dan Penambahan)

### 5.2.6.1 al-Faṣl "الفصلُ" (Pemisahan)

al-Faṣl adalah mengabaikan ‘aṭaf. Ia terbahagi kepada dua bahagian, iaitu ada yang prosesnya dekat dan ada pula jauh. Maksud dengan “dekat” di sini ialah di antara ‘aṭaf dan ma‘ṭūf tanpa wāw “الواو” atau ada “الواو” dengan syarat ma‘ṭūf itu ada tempat bagi i‘rāb (fleks). Adapun maksud dengan “jauh” pula ialah di antara ‘aṭaf dan ma‘ṭūf

ada “الواو” tetapi ma‘ṭūf itu tiada tempat bagi i‘rāb. Dalam kajian balaghah ‘aṭaf bersandar kepada tiga asas penting, iaitu; “penggunaan pada tempat yang sesuai, faedahnya dan penggunaannya itu boleh diterima.

#### 5.2.6.2 al-Waṣl "الْوَصْلُ" (Penyambungan)

al-Waṣl terdiri daripada dua ayat yang sesuai, misalnya kedua-dua ayat itu terdiri daripada isim atau fi‘il ataupun yang seumpamanya, seperti dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَإِنْ تَدْعُوهُمْ إِلَىٰ آهْدَىٰ لَا يَتَّبِعُكُمْ ۚ سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ أَدَعَوْتُمُوهُمْ أَمْ أَنْتُمْ صٰمِتُونَ ﴿١١٣﴾

Maksudnya:

“Dan jika kamu (hai orang-orang musyrik) menyerunya (berhala) untuk memberi petunjuk kepadamu, tidaklah berhala-berhala itu dapat memperkenankan seruanmu; sama sahaja (hasilnya) buat kamu menyeru mereka ataupun kamu berdiam diri”.<sup>1</sup>

#### 5.2.6.3 al-Ījāz wa al-iṭnāb "الْإيجَازُ وَالِإِطْنَابُ" (Peringkasan dan penambahan)

al-Ījāz ialah penyampaian sesuatu maksud dengan ungkapan yang pendek dan padat yang mengandungi pengertian luas. Sementara al-iṭnāb pula ialah penyampaian sesuatu maksud dengan sesuatu ungkapan, sama ada ungkapan itu sedikit ataupun banyak, bergantung kepada beberapa ayat ataupun satu ayat.

Antara contoh al-ījāz firman Allah (s.w.t.):

---

<sup>1</sup> Surah al-A‘rāf (7) : 193

Maksudnya:

“...Petunjuk bagi mereka yang bertaqwa”.<sup>1</sup>

Ayat ini memberi pengertian bahawa petunjuk itu bagi orang-orang sesat yang kembali kepada bertaqwa, di mana hidayah itu hanya bagi orang yang sesat bukan bagi orang yang terpetunjuk. Sementara contoh al-*iṭnāb* pula adalah firman Allah (s.w.t.) menceritakan tentang Khaḍar dan Nabi Allah Musa (a.s.) ﴿...أَمْ أَقُلُ لَكَ...﴾ (Bukankah sudah aku katakan kepadamu<sup>2</sup>) dengan menambah perkataan “لَكَ” (kepadamu) untuk menyesuaikan dengan situasi menambah keterangan bagi apa yang telah dinyatakan: ﴿إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا﴾ (Bahawa engkau tidak sanggup sabar bersamaku<sup>3</sup>)

### 5.2.7 al-Qaṣr “القَصْرُ” (Pengkhususan)

al-Qaṣr adalah mengkhususkan suatu sifat tertentu di sisi pendengar. Dengan lain perkataan qāṣar ialah proses mengkhususkan sesuatu pada sesuatu yang lain dengan cara-cara tertentu,<sup>4</sup> seperti dikatakan: "زَيْدٌ شَاعِرٌ لَا مُنْجِمٌ" (Zayd seorang penyair, bukan seorang ahli nujum”, ayat ini diucapkan kepada sesiapa yang menganggap bahawa Zayd itu seorang penyair dan ahli nujum. Jadi dalam contoh ini Zayd itu dikhususkan sebagai seorang penyair sahaja dan bukan ahli nujum.

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 2

<sup>2</sup> Surah al-Kahf (18) : 75

<sup>3</sup> Surah al-Kahf (18) : 75

<sup>4</sup> *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 138

al-Qaṣr mempunyai empat tatacara tertentu, iaitu:

1. al-Qaṣr dengan cara ‘aṭf, seperti pada contoh di atas, iaitu mengkhususkan Zayd sebagai seorang penyair.
2. al-Qaṣr dengan cara nafy (penafian) dan istithnā’ (pengecualian), seperti firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ... ﴾

Maksudnya:

“Dan Muhammad hanyalah seorang rasul”<sup>1</sup>

Bermaksud bahawa Muhammad itu dikhususkan sebagai pembawa risalah, yakni ajaran Islam.

3. al-Qaṣr dengan menggunakan innamā "إِنَّمَا" (sesungguhnya), seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿ إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالْدَّمَ وَلَحْمَ... ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Dia (Allah) hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah.....”<sup>2</sup>

Bermaksud tidak diharamkan atas kamu kecuali bangkai dan darah. Jadi dikhususkan yang diharamkan itu hanyalah bangkai dan darah sahaja.

---

<sup>1</sup> Surah Āl ‘Imrān (3) : 144

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah (2) : 173



(bagaimanakah ?), “متى” (bilakah ?) dan “أين” (di manakah ?) yang asalnya “أي” atau “أن”. Huruf-huruf ini ada yang dikhususkan untuk menghasilkan tasawwur (Pengesahan kepada pertanyaan yang memerlukan pemilihan salah satu jawapan yang disertakan), seperti: “أَدْبَسُ فِي الْإِنَاءِ أَمْ عَسَلٌ؟” (Adakah sirap di dalam bekas itu ataupun madu ?). Dalam soalan ini jawapannya telah disediakan hanya tinggal memilih salah satu jawapan tersebut, iaitu “sirap” ataupun “madu”. Ada juga yang dikhususkan untuk mencapai taṣḍīq (pengesahkan sesuatu pertanyaan yang memerlukan kepada jawapan “ya” ataupun “tidak”, seperti dikatakan: “أَزَيْدٌ مُنْطَلِقٌ؟” (Adakah Zayd yang bertolak ?). Soalan ini memerlukan kepada jawapan “ya” atau “tidak”. Ada juga partikel istihām yang digunakan secara bebas.<sup>1</sup>

“هَلْ” digunakan untuk menghasilkan taṣḍīq sahaja, ia dikhususkan fi‘il muḍāri‘ (kata kerja) yang menunjukkan peristiwa yang akan berlaku. Apabila digunakan pada isim (kata nama) seperti dalam firman Allah (s.w.t):

﴿... فَهَلْ أَنْتُمْ شَاكِرُونَ﴾

Maksudnya:

“Maka adakah kamu bersyukur”.<sup>2</sup>

Bermaksud untuk meminta supaya bersyukur. Dengan demikian jadilah makna:

“Maka hendaklah kamu bersyukur”

“مَا” digunakan untuk menyoal tentang jenis, seperti ayat: “مَا عِنْدَكَ؟” (Apa di sisi engkau ?) maksudnya jenis apa di sisi engkau ?. Jawapannya sama ada “manusia”,

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 418-419

<sup>2</sup> Surah al-Anbiyā’ (21) : 80

“kuda”, “buku”, “makanan” dan sebagainya yang menunjukkan kepada suatu jenis tertentu. Dalam al-Quran al-Karim Allah (s.w.t.) berfirman menceritakan tentang pertanyaan Nabi Allah Ya‘qūb (a.s.) kepada anak-anaknya:

﴿...مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ﴾

Maksudnya:

"Apa yang kamu sembah sepeninggalku ?" Mereka menjawab: "Kami akan menyembah Tuhanmu dan Tuhan nenek moyangmu; Ibrahim, Isma'il, dan Ishaq, (yaitu) Tuhan Yang Maha Esa dan kami hanya tunduk kepadaNya".<sup>1</sup>

Pertanyaan Nabi Ya‘qūb (a.s.) kepada anak-anaknya di dalam ayat ini bermaksud “jenis apa Tuhan” yang akan disembah setelah baginda meninggal dunia nanti.

“ما” juga digunakan untuk menyoal tentang jenis dan sifat, seperti apa yang diceritakan di dalam al-Quran tentang peristiwa yang berlaku di antara Fir‘aun dan Nabi Allah Musa (a.s.) pada saat baginda berkata: ﴿إِنَّا رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾ (Sesungguhnya kami adalah rasul Tuhan semesta alam).<sup>2</sup> Lalu Fir‘aun bertanya tentang jenis Tuhan dengan katanya: ﴿وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾ (Apa Tuhan semesta alam ?<sup>3</sup>). Manakala Fir‘aun menganggap jawapan yang diberikan oleh Nabi Allah Musa (a.s.) tidak sesuai dengan soalnya maka dia berkata kepada kaumnya ﴿أَلَا تَسْتَمِعُونَ﴾

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 133

<sup>2</sup> Surah al-Syu‘arā’ (26) : 16

<sup>3</sup> Surah al-Syu‘arā’ (26) : 23



(Apakah kamu tidak mendengar ? <sup>1</sup>). Seterusnya Fir'aun mengejek Nabi Allah Musa (a.s.) dengan katanya: ﴿ قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمْ الَّذِي أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ ﴾ (Sesungguhnya rasulmu yang diutus kepada kamu sekalian benar-benar orang gila.<sup>2</sup>). Lalu Nabi Musa (a.s.) mengukuhkan hujahnya dengan sifat Tuhan yang dipersoalkan oleh Fir'aun dengan katanya:

﴿ قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴾

Maksudnya:

Tuhan yang menguasai timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya (Itulah Rabbmu) jika kamu mempergunakan akal".<sup>3</sup>

“مَنْ” digunakan bagi menyoal jenis yang berakal, seperti dikatakan: “مَنْ جِبْرِيْلُ” (Siapakah Jibril itu ?)” bermaksud adakah dia “manusia ?”, “malaikat?”, “jin ?” atau apa ?. Dalam al-Quran al-Karim Allah (s.w.t.) menceritakan tentang Fir'aun dengan firmanNya:

﴿ قَالَ فَمَنْ رَبُّكُمَا يَا مُوسَى ﴾

Maksudnya:

“Berkata Fir'aun:”Maka siapakah Tuhan kamu berdua, hai Musa”.<sup>4</sup> “

Bermaksud siapakah Tuhanmu dan siapa pula yang mentadbirkan urusan kamu, seolah-oleh Fir'aun membantah dan mempertikaikan ada Tuhan selain dirinya. Maka

---

<sup>1</sup> Surah al-Syu'arā' (26) : 25

<sup>2</sup> Surah al-Syu'arā' (26) : 27

<sup>3</sup> Surah al-Syu'arā' (26) : 28

<sup>4</sup> Surah Ṭāha (20) : 49

Nabi Allah Musa (a.s.) menerangkan kepadanya bahawa ada Tuhan yang sebenar selain dia dengan katanya:

﴿قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَى كُلَّ شَيْءٍ حَلْقَهُ ثُمَّ هَدَى﴾

Maksudnya:

“Musa berkata: "Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu bentuk kejadiannya, kemudian memberinya petunjuk”<sup>1</sup>

Seolah-olah Nabi Allah Musa (a.s.) berkata “ya”, ada Tuhan yang selain kamu. Dia Maha Pencipta dan memberi petunjuk kepada orang yang sesat”

“أَيُّ” digunakan bagi menyoal perkara yang umum untuk menentukan yang mana satu yang dimaksudkan, sekiranya ada yang mengatakan “عِنْدِي ثِيَابٌ” (Saya ada baju), maka untuk memastikan baju apa yang dia miliki haruslah menyoal dengan menggunakan “أَيُّ”, seperti: “أَيُّ الثِّيَابِ هِيَ ؟” (baju yang mana). Dalam al-Quran al-Karim Allah (s.w.t.) menceritakan tentang Nabi Allah Sulaiman (a.s.) dengan firmanNya:

﴿قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُوا أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرْشِيهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya:

Berkata Sulaiman: "Hai pembesar-pembesar, siapakah di antara kamu sekalian yang sanggup membawa singgasananya kepadaku sebelum mereka datang kepadaku sebagai orang-orang yang berserah diri".<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah Ṭāha (20) : 50

<sup>2</sup> Surah al-Naml (27) : 38

Baginda bertanya kepada para pembesar di sekelilingnya untuk menentukan “siapa di antara mereka yang dapat membawa istana Ratu Balkis” yaitu jin atau manusia.

“كَمْ” digunakan untuk menyoal tentang bilangan, seperti tersebut di dalam al-Quran al-Karim, Allah (s.w.t.) berfirman:

﴿قَالَ كَمْ لَبِئْتُمْ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ﴿٢٣﴾﴾

Maksudnya:

“Allah bertanya: "Berapa tahunkah lamanya kamu tinggal di bumi".<sup>1</sup>

“كَيْفَ” untuk menyoal tentang keadaan dan cara, seperti dikatakan: "كَيْفَ زَيْدٌ" (Bagaimana keadaan Zayd ?) bermaksud “sihat?”, “sakit”, “sibuk” atau bagaimana ?. “كَيْفَ” juga digunakan bagi takjub dan celaan, seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ۖ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾﴾

Maksudnya:

“Mengapa kamu kafir kepada Allah, padahal kamu tadinya mati, lalu Allah menghidupkan kamu, kamu dimatikan dan dihidupkanNya kembali, kemudian kepadaNya-lah kamu di kembalikan ?”.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Surah al-Mu‘minūn (23) : 112

<sup>2</sup> Surah Baqarah (2) : 28

Pertanyaan di sini bukan untuk mengetahui cara mereka kufur kepada Allah (s.w.t.) tetapi ia sebagai celaan.

“أَيْنَ” digunakan untuk menyoal tentang tempat, sekiranya ada yang bertanya “Di mana Zayd ?” maka jawabannya “” sama ada di rumah, di masjid, atau di pasar, sesuai di mana tempat Zayd berada. “أَيْنَ” juga digunakan untuk teguran dan celaan, seperti mana yang kita lihat di dalam firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَائِيَ الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴾

Maksudnya:

Dan (ingatlah) hari (di waktu) Allah menyeru mereka seraya berkata:

"Dimanakah sekutu-sekutu-Ku yang dahulu kamu katakan?"<sup>1</sup>

Dalam ayat ini Allah (s.w.t.) menegur dan mencela kaum musyrikin yang mendakwa bahawa patung-patung yang mereka sembah itu dapat menolong mereka, tetapi ternyata dakwaan mereka itu tidak wujud sama sekali.

"أَيْنَ" juga digunakan untuk peringatan terhadap kesesatan, seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿ فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ﴾

Maksudnya:

“Maka kemanakah kamu akan pergi ?”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Qaṣaṣ (28) : 62

<sup>2</sup> Surah al-Takwīr: (81) : 26

Perkataan "أَيْنَ" dalam ayat ini bukan untuk pertanyaan, tetapi ia digunakan untuk peringatan terhadap orang-orang yang sesat.

"أَيْنَ" kadangkalanya bermakna "كَيْفَ" dan kadangkalanya bermakna "مِنْ أَيْنَ".

Contoh yang bermakna "كَيْفَ" seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿ نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَاتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ ﴾

Maksudnya:

Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercocok tanam, maka datangilah tanah tempat bercocok tanammu itu bagaimana sahaja kamu kehendaki."<sup>1</sup>

"أَيْنَ" dalam ayat ini bermakna "كَيْفَ" (bagaimanakah ?)

Contoh "أَيْنَ" yang bermakna "مِنْ أَيْنَ" seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿..... قَالَ يَمْرَيْمُ أَنَّى لِكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ ... ﴾

Maksudnya:

(Zakariya berkata): "Hai Maryam dari mana kamu memperoleh (makanan) ini".

Maryam menjawab: "Makanan itu dari sisi Allah".<sup>2</sup>

Perkataan "أَيْنَ" dalam ayat di atas bermakna "مِنْ أَيْنَ" (dari mana)

"أَيْنَ" digunakan untuk dan bantahan dan ejekan, seperti dalam firman

Allah (s.w.t.)

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 223

<sup>2</sup> Surah Āl ‘Imrān (3) : 37

Maksudnya:

“Maka mengapa kamu masih berpaling ?<sup>1</sup>).

“أَنَّى” juga digunakan untuk bantahan dan celaan, seperti dalam firman Allah

(s.w.t.):

﴿ أَنَّى لَهُمُ الذِّكْرَى وَقَدْ جَاءَهُمْ رَسُولٌ مُّبِينٌ ﴾

Maksudnya:

“Bagaimanakah mereka dapat menerima peringatan, padahal telah datang kepada mereka seorang rasul yang memberi penjelasan”.<sup>2</sup>

“مَتَى” dan “أَيَّانَ” digunakan bagi menyoal tentang masa, seperti “مَتَى جِئْتِ” (Bila engkau datang). Diriwayatkan dari ‘Alīy bin ‘Īsā al-Rib‘īy<sup>3</sup> (328 H – 420 H / 940 M – 1029 M) bahawa “أَيَّانَ” digunakan pada pertanyaan tentang perkara-perkara besar, seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿ يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ ﴾

Maksudnya:

“Ia bertanya: "Bilakah hari kiamat itu" .<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Surah al-An‘am (6) : 95

<sup>2</sup> Surah al-Dukhān (44) : 13

<sup>3</sup> Alīy bin ‘Īsā al-Rib‘īy ialah seorang ulama Nahu, sahabat kepada Abu ‘Alīy al-Fārisīy, belajar kesusasteraan dengan Abū Sa‘īd al-Ṣayrāfiy, belajar Nahu dengan Abū ‘Alīy al-Fārisīy selama 20 tahun, beliau berkata “Tiada satu apapun yang perlu ditanya lagi daripadanya tentang Nahu.

<sup>4</sup> Surah al-Qiyāmah (75) : 6

Begitu juga firman Allah (s.w.t.):

﴿ يَسْأَلُونَ أَيَّانَ يَوْمِ الدِّينِ ﴾

Maksudnya:

“Mereka bertanya: "Bilakah hari pembalasan itu".<sup>1</sup>

Hari kiamat dan hari pembalasan merupakan dua perkara yang amat besar, kedua-duanya disoal dengan menggunakan perkataan: “أَيَّانَ”

### 5.2.8.3 al-Amr "الأمر" (Perintah)

Bagi amr (perintah) hanya satu huruf sahaja, iaitu “اللام الحجازم” (Lām penjazam fi‘il) seperti “لام” pada perkataan “لِيَفْعَلْ” (hendaklah dia berbuat) bermakna perintah. Pada asalnya amr digunakan bagi isti‘lā’ “استعلاء” (suruhan dari atasan kepada bawahan). Walau bagaimanapun ia juga digunakan di luar penggunaan asal, seperti penggunaannya bagi doā’ “دعاء” (permintaan dari bawahan kepada atasan), iltimās “التماس” (permintaan yang diajukan kepada orang yang setaraf), nadb “نذب” (galakan) ibāḥah “إباحة” (membenar), tahdīd “تهديد” (ugutan) dan banyak lagi uslub amr yang mengikut konteks tunjuk.<sup>2</sup>

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa sekiranya permintaan itu datang dari pihak atasan maka ia dinamakan isti‘lā’ “استعلاء” yang wajib ditunaikan. Sekiranya permintaan itu datang dari pihak yang setaraf dinamakan iltimās “التماس” dan permintaan yang datang dari pihak bawahan dinamakan do‘a “دعاء”.

<sup>1</sup> Surah al-Zāriyāt (51) : 12

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 428

#### 5.2.8.4 al-Nahy "النهي" (Larangan)

Bagi nahy (larangan) ada satu huruf juga, iaitu “لَا” penjazam, iaitu “لَا” yang bermakna larangan, seperti “لَا تَفْعَلْ” (Jangan engkau buat). Nahy (larangan) sama dengan amr (perintah) dari segi penggunaannya, iaitu bagi isti‘lā’ “إِسْتِعْلَاءٌ” dengan syarat-syarat yang telah tersebut dalam perbincangan amr. Walau bagaimanapun ia juga digunakan bagi taḍarru‘ “تَضَرُّعٌ” (merendah diri) maka ia dinamakan doa “دُعَاءٌ”, apabila digunakan pada orang yang setaraf maka ia dinamakan iltimās “الْتِمَاسُ”, apabila digunakan bagi membenarkan sesuatu maka ia dinamakan ibāḥat “إِبَاحَةٌ” dan apabila ia digunakan bagi ugutan maka ia dinamakan tahdīd “تَهْدِيدٌ”.<sup>1</sup>

Contoh nahy banyak di dalam al-Quran al-Karim, antaranya ialah firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَلَا تَفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا .... ﴾

Maksudnya:

“...Janganlah kamu membuat kerosakan di bumi setelah (diciptakan) dengan baik...”<sup>2</sup>

#### 5.2.8.5 al-Nidā’ “النداء” (Seruan)

Perbincangan tentang nidā’ yang merangkumi huruf-hurufnya dan maknanya telah dikemukakan dalam bahagian kedua kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, iaitu dalam perbincangan ilmu nahu. Di sana al-Sakkākīy telah menyebut huruf-huruf nidā’,

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 430

<sup>2</sup> Surah al-A‘rāf (07) : 56 dan 85



iaitu “يَا”, “أَيَا”, dan “هَيَا” untuk memanggil yang jauh. “أَيُّ” dan “هَمْزَةٌ” untuk memanggil yang dekat. “يَا” untuk memanggil yang jauh adalah penggunaan asal. Ia digunakan juga untuk memanggil yang dekat, seperti Allah (s.w.t.) memanggil NabiNya. “يَا” dan “واو” khas digunakan bagi nudbatِ "نِدْبَةٌ" (ratapan). Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa bagi nidā' ada enam huruf, iaitu “يَا”, “أَيَا”, “هَيَا”, “أَيُّ”, “هَمْزَةٌ” dan “واو”.<sup>1</sup>

Dalam bahagian ini al-Sakkākīy membincangkan tentang ungkapan yang bentuknya nidā tetapi ia bukan nidā yang dibincangkan dalam perbincangan ilmu nahu. Ungkapan tersebut ialah seperti: “نَحْنُ نَفْعَلُ كَذَا أَيُّهَا الْقَوْمُ”, “أَمَّا أَنَا فَأَفْعَلُ كَذَا أَيُّهَا الرَّجُلُ” dan “اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا أَيُّهَا الْعَصَابَةُ”. Ungkapan-ungkapan ini adalah uslub nidā' bermaksud mengkhususkan di antara “lelaki”, “kaum” dan “kumpulan”

Laras bahasa ṭalab (permintaan) banyak yang keluar daripada penggunaan asal, seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ...﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah...”<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 161-163

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah (2) : 83

Perkataan “لَا تَعْبُدُونَ” menempati tempat “لَا تَعْبُدُوا”, kerana setiap fi‘il muḍāri‘ yang bersambung dengan “alif ithnain”, “wāw” jamak atau “ya” muannath mukhāṭabat<sup>1</sup> apabila masuk “لَا حَازِمٌ” di buang nun (نُونٌ)

Begitu juga dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ ... ﴾

Maksudnya:

“Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu: (Bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) sesama sendiri”.<sup>2</sup>

Perkataan “لَا تَسْفِكُونَ” menempati tempat “لَا تَسْفِكُوا” sama halnya dengan kedudukan ayat al-Quran al-Karim sebelumnya.

Begitu juga dalam firman Allah (s.w.t.):

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَذُنُكُمْ عَلَىٰ حَجْرَةٍ تُنَجِّكُمْ مِنِّ عَذَابِ ٱلْإِيمِ ﴿١١٠﴾ تُوْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ... ﴾

Maksudnya”

“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperisakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu

<sup>1</sup> “Alif ithnain” ialah alif yang menunjukkan makna dua. “Waw jamā‘at” ialah waw yang menunjukkan makna tiga atau lebih. “Ya” mu’annathat mukhāṭabat ialah “ya” yang digunakan semasa bercakap dengan perempuan.

<sup>2</sup> Surah al-Baqarah (2) : 84

berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu”.<sup>1</sup>

Perkataan “تُؤْمِنُونَ” menempati tempat “تُؤْمِنُوا” dan perkataan “تُجَاهِدُونَ” pula menempati “تُجَاهِدُوا”. Dan banyak lagi contoh-contoh yang diberikan oleh al-Sakkākīy dalam penerapan bab nidā’

Perbahasan yang telah penulis kemukakan tentang aspek-aspek ilmu ma‘ānī hanyalah sebahagian tajuk-tajuk utama sahaja, sebagai bukti yang menunjukkan bahawa kesungguhan dan kegigihan al-Sakkākīy dalam mengembangkan ilmu balaghah adalah amat besar sekali. Perbahasan dan klasifikasi ilmu ma‘ānī yang dilaksanakan oleh beliau telah diikuti oleh sejumlah pengkaji bidang balaghah hingga kehari ini.

### **5.3 Sumbangan al-Sakkākīy Kepada Ilmu Bayān**

Ilmu bayan ialah bidang kajian tentang tatacara mewujudkan suatu makna yang serupa dengan redaksi yang berbeza, sama ada dengan penambahan untuk menerangkan maksud atau dengan pengurangan untuk mengelakkan daripada kesalahan dalam merangkaikan sesuatu ungkapan supaya dapat melahirkan suatu maksud yang sempurna.<sup>2</sup>

Sebelum membincangkan ilmu bayān terlebih dahulu al-Sakkākīy memperkenalkan sepesifik huruf dan sepesifik perkataan, sebagaimana beliau seorang ahli ilmu šaraf, di mana bagi setiap huruf itu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, sama ada dari segi bunyi, iaitu ada yang terang dan ada juga yang

---

<sup>1</sup> Surah al-Saff (61) : 10-11

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al ‘Ulūm*, hlm. 248-249

tersembunyi. Begitu juga dari segi intonasi, ada yang kuat, ada yang sederhana dan ada juga yang lembut.

Dalam perbincangan ini penulis mengemukakan beberapa tajuk penting tentang ilmu bayān yang dibincangkan oleh al-Sakkākīy di dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* bagi melihat peranan beliau dalam perkembangan ilmu bayān. al-Sakkākīy memulakan perbincangan ini dengan perbincangan berikut:

### 5.3.1 al-Tasybīh "التشبيہ" (Simile)

Apabila disebut tasybīh, maka jelaslah bahawa ia mempunyai dua unsur utama, iaitu musyabbah "مُشَبَّه" <sup>1</sup> dan musyabbah bih "مُشَبَّه بِهِ".<sup>2</sup> Kedua-dua unsur ini adakalanya serupa di satu pihak dan berbeza di pihak yang lain, misalnya serupa pada hakikat tetapi berbeza pada sifat, seperti dikatakan "dua orang manusia". Dilihat dari segi hakikat manusia kedua-dua orang itu adalah serupa tetapi berbeza dari segi sifatnya, iaitu ada yang tinggi dan ada yang rendah. Begitu juga sebaliknya, seperti dikatakan: "kedua-duanya tinggi". Sifat "tinggi", boleh dimiliki oleh manusia dan juga haiwan, maka ia serupa pada sifat tetapi berbeza pada hakikat.

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa tasybīh tidak berlaku melainkan pada dua perkara yang ada segi-segi persamaan, sama ada dari segi hakikat ataupun dari segi sifat. Ia dilakukan untuk tujuan tertentu, maka berlakulah perbezaan antara tasybīh, iaitu sama ada dekat atau jauh dan diterima atau ditolak. Oleh itu

---

<sup>1</sup> Sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang lain yang mempunyai ciri persamaan (*Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 159)

<sup>2</sup> Sesuatu menjadi bahan yang penyerupaan musyabbah (Ibid, hlm. 159)

perbincangan tasybīh mencakupi empat perbahasan iaitu: Dua asas tasybīh, wajah tasybīh, keperluan tasybīh dan fenomena tasybīh.<sup>1</sup>

### 5.3.1.1 Ṭarafā al-Tasybīh "طَرَفًا التَّشْبِيهِ" (Dua asas tasybīh)

Maksud dengan dua asas tasybīh ialah musyabbah dan musyabbah bih, sama ada keduanya disandarkan kepada hissi (iaitu sesuatu yang dapat dicapai oleh panca indera), seperti diserupakan pipi "حَدُّ" dengan urat leher "وَرُودٌ" dari segi nampak dilihat, diserupakan bunyi perut yang lapar "أَطِيطٌ" dengan suara anak ayam "فَرَارِيحٌ" dari segi dapat didengar, diserupakan bau mulut "نَكْهَةٌ" dengan minyak wangi "عَنْبَرٌ" dari segi berbau, diserupakan kulit yang lembut "جِلْدٌ نَاعِمٌ" dengan kain sutera "حَرِيرٌ" dari segi kelembutan rasa sentuhan, dan banyak lagi contoh-contoh yang seumpamanya.

Adakalanya dua asas tasybīh itu disandarkan kepada khayalan, seperti diserupakan saudara kandung "شَقِيْقٌ" dengan berlian "أَعْلَامٌ يَاقُوتٌ" yang bertaburan pada tombak yang dibuat dari batu permata "زَبَرَجَدٌ".

Adakalanya dua asas tasybīh itu disandarkan kepada akal seperti diserupakan ilmu dengan hidup, sama ada musyabbah itu diterima oleh akal dan musyabbah bih dapat dirasa dengan panca indera "مَحْسُوسٌ", seperti diserupakan keadilan "عَدْلٌ" dengan neraca "قِسْطَاسٌ", diserupakan maut "مَنِيَّةٌ" dengan singa "سَبْعٌ" atau sebaliknya, seperti diserupakan wangi-wangian "عِطْرٌ" dengan budi pekerti yang mulia "خُلُقٌ كَرِيمٌ".

Adapun perkara-perkara khayalan semata-mata "وَهُمْ" misalnya kalau diandaikan sesuatu gambaran khayalan semata-mata pada kematian "مَنِيَّةٌ" lalu

---

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 439

diserupakan dengan menerkam "مَخْلَبٌ" atau dengan taring "نَابٌ", maka dikatakan: "Maut itu telah menerkam si polan". Atau andaian sesuatu gambaran pada keadaan "حَالٌ", lalu diserupakan dengan lisan (لِسَانٌ) seperti dikatakan: "نَطَقَتِ الْحَالُ بِشَيْءٍ" (Keadaan bercakap sesuatu). Ini termasuk dalam bab penyandaran kepada akal. Begitu juga pada perkara-perkara yang berkaitan dengan perasaan "وَجْدَانِيَاتٌ", seperti kelazatan, kesakitan, kekenyangan, kelaparan dan yang seumpamanya.<sup>1</sup>

### 5.3.1.2 Wajah al-Tasybīh "وَجْهُ التَّشْبِيهِ" (Ciri Setara Bagi Tasybīh<sup>2</sup>)

Ciri setara bagi tasybīh berkisar pada beberapa kategori, iaitu ada yang serupa pada hakikat tetapi berbeza pada sifat, seperti perkataan "جِسْمَيْنِ" (dua tubuh badan) ia ada yang berkulit putih dan ada yang berkulit hitam. Begitu juga perkataan "أَنْفٌ" (hidung manusia) dan "مَرَسِينٌ" (hidung kuda). Dilihat dari segi hakikat hidung keduanya adalah serupa, iaitu dapat berfungsi untuk bernafas dan menghidu, tetapi ia berbeza dari segi sifatnya, iaitu perkataan "أَنْفٌ" (hidung) khas bagi manusia, sedangkan perkataan "مَرَسِينٌ" (hidung) khas bagi kuda.<sup>3</sup>

Adakalanya serupa pada sifat tetapi berbeza pada hakikat, seperti perkataan "طَوِيلَيْنِ" (dua yang panjang). Sifat ini boleh jadi terletak pada tubuh dan boleh jadi pada garisan. Sifat biasanya disandarkan pada ḥissī, misalnya "kondisi badan" "الْكَيْفِيَّاتُ الْجِسْمَانِيَّةُ", seperti yang bersifat dengan sesuatu yang boleh didapati dengan penglihatan, seperti warna-warni, aneka bentuk, pelbagai ukuran atau sukatan, pelbagai

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 440

<sup>2</sup> Ciri-ciri yang sama pada musyabbah dan musyabbah bih (*Glosari Bahasa dan Kesusteraan Arab*, hlm. 177)

<sup>3</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 440


pergerakan dan hal-hal yang berkaitan dengannya, sama ada yang indah ataupun yang buruk.

Ataupun ia boleh didapati menerusi pendengaran, seperti pelbagai suara, sama ada suara yang lemah, suara yang kuat atau suara yang sederhana. Atau yang boleh didapati menerusi citarasa, seperti pelbagai makanan. Atau yang boleh didapati dengan hiduan, seperti pelbagai bau. Atau yang dapat dirasa dengan sentuhan, seperti panas, sejuk, basah, kering, kasar, halus, lembut, keras, ringan, berat dan banyak lagi yang seumpamanya.

Adakalanya disandarkan kepada akal. Ia berkisar pada hakikat, seperti yang berkaitan dengan rohani "الكَيْفِيَّاتُ النَّفْسَانِيَّةُ", seperti bersifat dengan bijak, kuat ingatan, berilmu, mulia, dermawan, lembut, marah dan seumpamanya yang berkaitan dengan tabiat dan akhlak. Atau sesuatu gambaran dan khayalan semata-mata.

al-Sakkākīy membahagi wajah tasybīh kepada dua bahagian, iaitu “satu wajah tasybīh” dan “wajah tasybīh lebih dari satu”. wajah tasybīh yang satu itu adakalanya ḥissīy seperti diserupakan pipi dengan bunga mawar dari segi kemerahan, adakalanya ‘aqlīy, seperti diserupakan ilmu dengan cahaya dari segi memberi petunjuk. Adapun wajah tasybīh yang lebih daripada satu tetapi pada hukum satu pula terbahagi kepada dua, iaitu adakalanya yang disandarkan kepada ḥissīy, seperti diserupakan gugusan bintang dengan tandanan anggur yang bercahaya ataupun disandarkan kepada akal, seperti diserupakan wanita cantik yang tidak bermoral dengan sayuran busuk. Wajah tasybīh lebih daripada satu dan bukan pula pada hukum satu, adakalanya ḥissīy, seperti diserupakan buah-buahan dengan benda lain dari segi warna rasa dan bau. Adakalanya ‘aqlīy, seperti diserupakan sebahagian burung dengan burung gagak dari segi tajam

penglihatan. Adakalanya sebahagian ḥissīy dan sebahagian ‘aqliy, seperti diserupakan manusia dengan mata hari dari segi indah penampilan dan tinggi martabat. Untuk lebih jelas dapat dilihat dalam rajah berikut:



**Rajah 5.1 : Wajh Tasybīh**



### 5.3.1.3 Marātib al-Tasybīh "مَرَاتِبُ التَّشْبِيهِ" (Peringkat-peringkat Tasybīh)

Bagi tasybīh ada beberapa peringkat, antara lain ialah:<sup>1</sup>

- a. Menyebut keempat-empat rukun tasybīh, iaitu; musyabbah, musyabbah bih kalimat tasybīh dan wajah tasybīh, seperti pada contoh: "زَيْدٌ كَالْأَسَدِ فِي الشَّجَاعَةِ" (Zayd itu seperti singa dari segi keberanian). Dalam contoh ini perkataan "زَيْدٌ" sebagai musyabbah, perkataan "الْأَسَدُ" (singa) sebagai musyabbah bih, huruf "الْكَافُ" sebagai kalimat tasybīh, perkataan "الشَّجَاعَةُ" (keberanian) sebagai wajah tasybīh. Tiada kekuatan tasybīh pada peringkat ini.
- b. Tidak menyebut musyabbah, seperti pada contoh: "كَالْأَسَدِ فِي الشَّجَاعَةِ" seperti singa dari segi keberanian). Tasybīh peringkat ini sama dengan tasybīh peringkat pertama, iaitu tiada kekuatan tasybīh.
- c. Tidak menyebut kalimat tasybīh, seperti pada contoh: "زَيْدٌ أَسَدٌ فِي الشَّجَاعَةِ" (Zayd itu singa dari segi keberanian). Tasybīh peringkat ini mempunyai kekuatan.
- d. Tidak menyebut musyabbah dan kalimat tasybīh, seperti pada contoh: "أَسَدٌ فِي الشَّجَاعَةِ" (singa dari segi keberanian). Pada menceritakan tentang Zayd. Tasybīh peringkat ini sama kuatnya dengan tasybīh peringkat ketiga.
- e. Tidak menyebut wajah tasybīh, seperti pada contoh: "زَيْدٌ كَالْأَسَدِ" (Zayd seperti singa). Tasybīh peringkat ini kuat kerana umum wajah tasybīh

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 464

f. Tidak menyebut musyabbah dan wajah tasybīh, seperti pada contoh: "كَأَلْأَسَدُ" (seperti singa). Pada menceritakan tentang Zayd. Hukumnya sama dengan hukum tasybīh peringkat kelima, iaitu ada kekuatan.

g. Tidak menyebut kalimat tasybīh dan wajah syabah, seperti pada contoh: "زَيْدٌ أَسَدٌ" (Zayd itu singa). Tasybīh peringkat ini lebih kuat daripada tasybīh peringkat-peringkat yang lain.

h. Hanya menyebut musyabbah sahaja, seperti pada contoh: "أَسَدٌ" pada menceritakan tentang Zayd. Tasybīh pada peringkat ini sama kuatnya dengan tasybīh peringkat ketujuh,

### 5.3.2 al-Ḥaqīqat "الْحَقِيقَةُ" (Hakikat)

Hakikat ialah perkataan yang digunakan pada makna asal tanpa ada sebarang tafsiran pada penggunaannya. Atau dalam bahasa yang mudah hakikat ialah perkataan yang menunjukkan makna asalnya,<sup>1</sup> seperti penggunaan perkataan "الأَسَدُ" (singa) bagi haiwan tertentu. Jadi perkataan "الأَسَدُ" (singa) itu digunakan pada makna asal tanpa memerlukan kepada sebarang tafsiran. Dengan demikian boleh dikatakan bahawa hakikat itu ialah perkataan yang digunakan pada maknanya yang asal.

Mengikut al-Sakkākiy hakikat itu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu "lughawīyat" "لُغَوِيَّةٌ", (berkaitan dengan bahasa) "syar'īyat" "شَرْعِيَّةٌ" (berkaitan dengan syari'at) dan "urfīyat" "عُرْفِيَّةٌ" (berkaitan dengan tradisi). Ada antara hakikat ini yang dibahagikan kerana sesuatu perkataan itu tidak menunjukkan kepada maksud tertentu tanpa ada penggunaannya, maka setiap kata yang digunakan perlu dilihat

---

<sup>1</sup> *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 92

kepada siapa penggunanya, sekiranya perkataan itu digunakan oleh ahli bahasa maka ia dinamakan “lughawīyat”, sekiranya digunakan oleh ahli syarak maka ia dinamakan “syar‘īyyat” dan apabila digunakan oleh orang awan maka ia dinamakan “urfīyyat”.

Dengan lain perkataan; Hakikat lughawīyat ialah perkataan yang digunakan dari segi bahasa bagi maksud tertentu. Hakikat syarak ialah perkataan yang digunakan dari segi syarak bagi maksud tertentu. Sementara hakikat ‘uruf pula ialah perkataan yang digunakan oleh orang ramai bagi maksud tertentu.<sup>1</sup>

### 5.3.3 al-Majāz "المَجَازُ" (Metafora)

Majāz ialah Perkataan atau ungkapan yang digunakan pada bukan makna asalnya kerana ada petanda yang mencegah bagi maksud makna asalnya, seperti penggunaan perkataan: "الصَّلَاةُ" (ṣalat) oleh ahli syarak bagi makna doa, kerana perkataan "الصَّلَاةُ" itu mengikut ahli syarak bermaksud suatu perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam dengan syarat dan rukun tertentu. Berdasarkan definisi ini maka hakikat dan majāz merupakan dua perkataan yang berlawanan dari segi maksudnya.


#### 5.3.3.1 Aqsām al-Majāz "أقسام المَجَازِ" (Pembahagian Majāz)

Mengikut ulama balaghah, mājaz terbahagi kepada dua bahagian iaitu “majāz lughawīy” "مَجَازٌ لُغَوِيٌّ" ia dinamakan juga “majāz pada mufrad” dan “majāz ‘aqliy” "مَجَازٌ عَقْلِيٌّ" ia dinamakan juga “majaz pada jumlah”. Majāz lughawīy pula terbahagi kepada dua bahagian, iaitu majāz yang merujuk kepada makna dan majāz yang merujuk kepada lafaz. Majāz yang merujuk kepada lafaz pula terbahagi kepada dua

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 92

bahagian, iaitu makna yang tidak berfaedah dan makna yang berfaedah, seterusnya yang makna berfaedah pula terbahagi kepada dua bahagian, iaitu yang tidak mubalaghah (berlebih-lebihan) pada tasybīh<sup>1</sup> (simile) dan yang mubalaghah pada tasybīh, bahagian ini dinamakan dengan “isti‘ārat” ”استِعَارَةٌ”. Untuk lebih jelas dapat dilihat dalam rajah berikut:



**Rajah 5.2 : Pembahagian Majāz**

<sup>1</sup> Perbandingan sesuatu dengan lain yang mempunyai ciri yang sama dengan menggunakan partikel atau perkataan tertentu,

Berdasarkan kepada pembahagian di atas maka majāz terbahagi kepada lima bahagian, iaitu:

5.3.3.1.1 al-Majāz al-lughawīy al-rāji‘ ilā ma‘nā al-kalimat ghair al-mufīd "المَجَازُ اللُّغَوِيُّ الرَّاجِعُ إِلَى مَعْنَى الْكَلِمَةِ غَيْرِ الْمُفِيدِ" (Majāz lughawī yang merujuk kepada makna perkataan yang tidak berfaedah), iaitu perkataan yang digunakan bagi sesuatu hakikat kerana ada suatu kaitan tertentu dengan bantuan sesuatu petanda, seperti penggunaan perkataan "المُرْسِنُ" (tali kendali) bermaksud “hidung” dengan kaitan hidung kuda. Begitu juga penggunaan perkataan "الْحَافِرُ" (kuku) dengan kaitan kuku kuda atau kuku keledai. Ia dinamakan sebagai majāz kerana penggunaannya itu telah berpindah dari tempatnya yang asal. <sup>1</sup>

5.3.3.1.2 al-Majāz al-lughawīy al-rāji‘ ilā al-ma‘nā al-mufīd al-khāliy ‘an al-mubālaghat fī al-tasybīh التَّشْبِيهِ الْمُبَالَغَاتِ فِي الْمَجَازِ اللُّغَوِيِّ الرَّاجِعِ إِلَى الْمَعْنَى الْمُفِيدِ الْخَلِيّ عَنِ الْمُبَالَغَةِ فِي التَّشْبِيهِ (Majāz lughawīy yang merujuk kepada makna yang berfaedah yang tidak berlebihan pada tasybīh), iaitu perkataan yang melampaui dari mafhumnya yang asal dengan bantuan petanda kepada makna lain untuk ditinjau antara keduanya dan aspek ikatan, seperti penggunaan perkataan "الْيَدُ" (tangan) bermaksud “nikmat” ia digunakan untuk anggota tubuh tertentu kerana ada hubungan nikmat dengannya, di mana melalui tangan itu tersalur nikmat. Begitu juga kalau dimaksud “kekuatan” atau “kuasa” kerana kekuatan dan kuasa itu lebih dekat kaitannya dengan tangan, kerana dengan tangan itu dapat menyiksa, memukul, memotong dan sebagainya. Dalam contoh yang lain seperti firman Allah di dalam al-Quran yang berbunyi:

﴿... وَيُنزِّلُ لَكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ رِزْقًا...﴾

---

<sup>1</sup> ibid, hlm. 472

Maksudnya:

“Diturunkan kepadamu rizki dari langit”<sup>1</sup>

Maksud “diturunka dari langit” dalam ayat ini ialah “hujan” dan hujan itu sebagai penyebab untuk mendapat rezki, terutamanya bagi para petani. Banyak lagi contoh-contoh lain yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy terutamanya dari ayat-ayat al-Quran al-Karim.<sup>2</sup>

5.3.3.1.3 al-Isti‘āratُ "الاستِعَارَةُ" (Peminjaman). Mengikut al-Sakkākīy isti‘āratُ ialah menyebut salah satu daripada dua sifat tasybīh, iaitu “musyabbah” dan “musyabbah bih” dengan maksud satu sifat yang lain, kerana sifat yang ada pada musyabbah didapati juga pada musyabbah bih, seperti "فِي الْحَمَّامِ أَسَدٌ" (di dalam bilik mandi itu ada seekor singa” yang bermaksud “seorang lelaki yang berani” di mana sifat berani yang ada pada singa itu didapati juga pada seorang lelaki yang berada di dalam bilik mandi. Perkataan "الْحَمَّامِ" (bilik mandi) menjadi suatu petanda bahawa perkataan "أَسَدٌ" (singa) bukan bermaksud makna asal, kerana tidak mungkin di dalam bilik mandi ada singa.<sup>3</sup>

Dengan lain perkataan isti‘āratُ ialah penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana ada suatu persamaan serta ada petanda yang menghalang daripada menggunakan maksud yang asal.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Surah Ghāfir (40) : 13

<sup>2</sup> Lihat: al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 473 - 475

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 477


<sup>4</sup> *Glosari Bahasa dan Kesusteraan Arab*, hlm. 11

#### 5.3.3.1.3.1 Aqsām al-isti‘ārah "اَقْسَامُ الْاِسْتِعَارَةِ" (Pembahagian isti‘ārah)

Isti‘ārah terbahagi kepada dua bahagian, isti‘ārah musarraḥāt "اِسْتِعَارَةٌ مُصَرَّحَةٌ", dan isti‘ārah makniyyat "اِسْتِعَارَةٌ مَكْنِيَّةٌ". Isti‘ārah muşarraḥāt adalah isti‘ārah yang disebutkan lafaz musyabbah bih, sedangkan isti‘ārah makniyyat pula adalah isti‘ārah yang digugurkan musyabbah bih. Isti‘ārah muşarraḥāt "اِسْتِعَارَةٌ مُصَرَّحَةٌ" dibahagi pula kepada "taḥqīqiyyat" "تَحْقِيقِيَّةٌ" dan "takhyīliyyat" "تَخْيِيلِيَّةٌ". Maksud dengan taḥqīqiyyat adalah isti‘ārah yang digugurkan sesuatu yang pasti pada musyabbah, sama ada pengguguran itu secara ḥissīy "حَسِّيٌّ" (yang dapat dirasa dengan panca indera) ataupun secara ‘aqlīy "عَقْلِيَّةٌ" (Pemikiran; tidak dapat dirasa dengan panca indera) . Sedangkan "takhyīliyyat" "تَخْيِيلِيَّةٌ" adalah isti‘ārah yang digugurkan sesuatu yang diragui pada musyabbah

Seterusnya kedua-dua bahagian isti‘ārah ini, iaitu "taḥqīqiyyat" dan "takhyīliyyat" masing-masing terbahagi pula kepada dua bahagian; "qaṭ‘iyyat" "قَطْعِيَّةٌ" iaitu mempertanggungkan musyabbah yang digugurkan kepada yang pasti, sama ada dari segi "ḥissīy" mahupun dari segi "‘aqlīy". Ataupun yang wahm "وَهْمٌ" dan "iḥtimāliyyat" "اِحْتِمَالِيَّةٌ", iaitu musyabbah yang digugurkan boleh dipertanggungkan kepada yang pasti atau kepada yang tidak pasti.

Berdasarkan kepada pembahagian di atas, maka isti‘ārah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu "al-isti‘ārah al-muşarraḥ bihā al-taḥqīqiyyat ma‘a al-qaṭ‘", "al-isti‘ārah al-muşarraḥ bihā al-takhyīliyyat ma‘a al-qaṭ‘", "al-isti‘ārah al-muşarraḥ bihā al-muḥtamilat li al-taḥqīq wa al-takhyīl" dan "al-isti‘ārah bi al-kināyat". Untuk lebih jelas dapat dilihat dalam rajah berikut:



**Rajah 5.3 : Pembahagian Isti'āraṭ**

Walau bagaimanapun al-isti'āraṭ "الإِسْتِعَارَةُ" kadangkalanya dibahagi pula kepada al-aṣliyyaṭ "الأَصْلِيَّةُ" dan al-tab'iyyaṭ "التَّبَعِيَّةُ". Maksud dengan al-aṣliyyaṭ "الأَصْلِيَّةُ" adalah makna al-tasybīḥ "التَّشْبِيهُ" masuk ke dalam al-musta'ār "المُسْتَعَارُ", sedangkan al-tab'iyyaṭ "التَّبَعِيَّةُ" pula adalah tidak masuk pada awal. Kadangkalanya ia disebut kaitan sifat al-musyabbah "المُشَبَّه" maka ia dinamakan al-mujarradaṭ "المُجَرَّدَةُ", atau disebutkan juga al-isti'āraṭ al-muṣarraḥ bihā al-taḥqīqiyyaṭ ma'a al-qaṭ' sifat al-musyabbah bih "الإِسْتِعَارَةُ الْمُصَرَّحُ بِهَا التَّحْقِيقِيَّةُ مَعَ الْقَطْعِ صِفَةُ الْمُشَبَّهِ بِهِ", maka ia dinamakan al-murasysyaḥaṭ "المُرَشَّحَةُ".

Berdasarkan kepada pembahagian-pembahagian ini maka al-isti'āraṭ "الإِسْتِعَارَةُ" terbagi pula kepada lapan bahagian, iaitu al-isti'āraṭ al-muṣarraḥ bihā al-taḥqīqiyyaṭ ma'a al-qaṭ' "الإِسْتِعَارَةُ الْمُصَرَّحُ بِهَا التَّحْقِيقِيَّةُ مَعَ الْقَطْعِ", al-isti'āraṭ al-muṣarraḥ bihā al-takhyīliyyaṭ ma'a al-qaṭ' "الإِسْتِعَارَةُ الْمُصَرَّحُ بِهَا التَّخْيِيلِيَّةُ مَعَ الْقَطْعِ", al-isti'āraṭ al-muṣarraḥ bihā al-muḥtamilaṭ li al-taḥqīq wa al-takhyīl "الإِسْتِعَارَةُ الْمُصَرَّحُ بِهَا الْمُحْتَمَالِيَّةُ لِلتَّحْقِيقِيَّةِ وَالتَّخْيِيلِ".





Asalnya " وَأَسْأَلِ أَهْلَ الْقَرْيَةِ " (tanyalah pada penduduk kampung), dibaca dengan baris di bawah " الْقَرْيَةِ ". Apabila dibaca dengan baris di atas " الْقَرْيَةِ " maka ia menjadi majāz, kerana ia telah berpindah dari hukumnya yang asal.

Adapun firman Allah (s.w.t.):

﴿... لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

Maksudnya:

“Tiada sesuatu pun yang serupa denganNya. Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.<sup>1</sup>

Maka asalnya " لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ " dibaca dengan baris di atas " مِثْلُهُ ". Apabila dibaca dengan baris di bawah " كَمِثْلِهِ " maka ia menjadi majāz. Perbezaan antara contoh ini dengan dua contoh di atas ialah; dua contoh di atas ada perkataan yang telah dibuang iaitu " أَمْرٌ " dan " أَهْلٌ " sedangkan dalam contoh ini ada perkataan yang ditambah yang tidak diperlukan, iaitu perkataan " كَافٌ ".

Walau bagaimanapun bahagian yang ketiga ini al-Sakkākīy tidak menganggapnya sebagai majāz, sebagaimana tegas beliau; “Saya berpendapat bahagian ini bukanlah majāz tetapi ia boleh dihubungkan dengan majāz dan serupa majāz, kerana di antara keduanya ada persamaan, iaitu sama dari segi berpindah dari makna asal kepada makna yang lain, namun ia tidak dianggap sebagai majāz. Oleh itu saya tidak memberi definisi yang lengkap bagi bahagian ini, melainkan hanya berdasarkan kepada ulama yang telah terdahulu”.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Surah al-Syūra (42) : 11

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm 502.

5.3.3.1.5 al-Majāz al-‘aqliy "المَجَازُ الْعَقْلِيُّ", iaitu seperti pada contoh: ” أَتَبَتَ الرَّبِيعُ ” (Musim semi telah menumbuhkan sayur), "شَفَى الطَّيِّبُ الْمَرْضَى", (Doktor itu telah menyembuhkan orang sakit), "كَسَا الْخَلِيفَةُ الْكَعْبَةَ" (Khalifah telah mengenakan pakaian ka‘bah), "هَزَمَ الْأَمِيرُ الْجُنْدَ" (Raja telah mengalahkan tentera) dan "بَنَى الْوَزِيرُ الْقَصْرَ" (Menteri itu telah membina istana). Pada hakikatnya yang menumbuhkan sayur-sayuran dan yang menyembuhkan orang sakit itu adalah Allah (s.w.t.), sedangkan yang memakaikan pakaian Ka‘bah itu khadam, yang mengalahkan musuh itu askar dan yang membina istana itu adalah para pekerja. Hingga di sini perbincangan majāz dan seterusnya memasuki dalam perbincangan kināyat.

#### 5.3.4 al-Kināyat “الْكِنَايَةُ” (Kiasan)

Kiasan ialah menyebut sesuatu yang maknanya tersirat di samping boleh menggunakan makna asalnya kerana tiada petanda yang menghalangnya, seperti pada contoh "فُلَانٌ طَوِيلٌ النَّجَادِ"<sup>1</sup> (Si polan itu tinggi tempat gantungan pedang) bermaksud “tinggi perawakan” kerana orang yang tinggi tempat gantungan pedangnya tinggi perawakannya.<sup>2</sup> Contoh ini terdapat dalam puisi al-Khansā<sup>3</sup> ketika beliau menyifatkan kebaranian dan kemuliaan saudaranya “Sakhr”

"طَوِيلُ النَّجَادِ رَفِيعُ الْعِمَادِ ❖ سَادَ عَشِيرَتُهُ أَمْرًا"

<sup>1</sup> Petikan dari puisi Khansā’

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, 512

<sup>3</sup> Nama sebenar beliau ialah Tumāḍir binti ‘Amrū bin al-Hārith bin Syarīd, seorang penyair wanita terkenal pada zaman pra-islam, manakala datang agama islam beliau dan kaumnya datang kepada Rasul Allah (s.a.w.) untuk masuk islam. Beliau mempunyai antologi yang mengandungi puisi ratapan, kerana kedua saudaranya “Muawiyah” dan Sakhr” terbunuh, kemudian keempat-empat orang anaknya juga terbunuh dalam suatu pertempuran. Beliau meninggal dunia pada akhir zaman Khalifah Uthman, iaitu pada tahun 24 Hijrah

Maksudnya:

“Perawakan tinggi, sifat mulia ❖ Pemimpin kaum, usia muda”<sup>1</sup>

Begitu juga pada contoh: "فَلَانَةٌ تُؤْوَمُ الضُّحَى" (Si polan [perempuan] itu tidur di waktu pagi). Ayat ini boleh dimaksudkan pengertian asal bagi perempuan yang mempunyai pembantu, dia tidak memerlukan bekerja sendiri. Kebiasaannya wanita Arab waktu pagi mereka pergi bekerja mencari rezki dan sibuk dengan pelbagai urusan, mereka tidak tidur pada waktu pagi, kecuali para wanita yang ada pembantu.<sup>2</sup>

Dari perbincangan di atas nyatalah dua perbezaan antara majāz dan kināyah, iaitu:

1. Kināyah tidak menghalang untuk bermaksud makna yang asal seperti yang pada dua contoh di atas. Sedangkan majāz menghalang maksud makna yang asal kerana ada petanda yang menghalangnya
2. Kināyah berpindah daripada makna yang lazim kepada mulzum. Sedangkan majāz berpindah daripada makna yang mulzum kepada lazim

#### 5.3.4.1 Aqsām al-Kināyat "أقسام الكناية" (Pembahagian Kināyah)

Seperti yang telah kita ketahui bahawa kināyah adalah pemindahan makna yang lazim kepada mulzum. Dengan demikian ia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> al-Khansā', *al-Diwan*, 31

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh al-'Ulūm*, hlm, 512

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 513

5.3.4.1.1 Ṭalab nafs al-mawṣūf "طَلَبُ نَفْسِ الْمَوْصُوفِ", iaitu kiasan yang menyebut suatu ciri khas seseorang tertentu, sama ada memberi pengertian yang dekat ataupun jauh, seperti pada contoh: "جَاءَ الْمِضْيَافُ" (Orang yang suka tetamu sudah datang) bermaksud seorang lelaki yang bernama "Zayd" misalnya, dengan tujuan untuk memberi tahu bahawa "Zayd" itu adalah seorang yang suka kepada tetamu. Adakalanya menyebut ciri khas dengan pengertian yang jauh, seperti pada contoh: "هُوَ كَثِيرُ الرَّمَادِ" (Dia banyak abu) kiasan kepada seseorang yang ramai tetamu, kerana dengan banyak abu menunjukkan banyak memasak, banyak memasak menunjukkan kepada banyak abu dan juga menunjukkan kepada banyak tetamu adalah yang dimaksud pada contoh ini.

5.3.4.1.2 Ṭalab nafs ṣifat "طَلَبُ نَفْسِ الصِّفَةِ", iaitu kiasan yang menumpukan sifat yang tersirat, sama ada memberi pengertian yang dekat ataupun jauh, seperti pada contoh: "فُلَانٌ كَثِيرٌ أَضْيَافُهُ" (Si polan itu ramai tetamunya) kiasan untuk orang yang suka kepada tetamunya. Adapun kiasan yang pengertiannya jauh adalah seperti dikatakan kepada seseorang pada zaman dulu: "كَثِيرُ الرَّمَادِ" (Banyak abu), ia menunjukan banyak menghidupkan api, menunjukkan banyak membakar kayu, menunjukan banyak memasak, menunjukkan banyak makanan, menunjukan ramai tetamu, menunjukkan seseorang itu suka kepada tetamu. Pada contoh ini jelas bahawa kiasan ini melalui proses yang jauh untuk sampai kepada makna yang dimaksudkan.

5.3.4.1.3 Takhṣiṣ al-ṣifat bi al-mawṣūf "تَخْصِيصُ الصِّفَةِ بِالْمَوْصُوفِ", iaitu menyebut makna yang berlebih kurang dari segi kehalusannya, kadangkalanya halus dan kadangkalanya lebih halus.

Contoh kiasan yang halus:

"إِنَّ السَّمَا حَةَ وَالْمُرُوءَةَ وَالنَّدَا ❖ فِي قُبَّةٍ ضُرِبَتْ عَلَى ابْنِ الْحَشْرَجِ"

Maksudnya:

“Kemuliaan, kewibawaan dan dermawan

dalam menara meliputi Ibnu Hasyaraj”

### 5.3.5 Bayna al-Ḥaqīqat Wa al-Majāz "بَيْنَ الْحَقِيقَةِ وَالْمَجَازِ" (Antara Hakikat dan Majāz)

Setelah perbincangan mengenai ilmu bayān, al-Sakkākīy membincangkan pula tentang hakikat dan majāz. Mengikut beliau majāz lebih kuat berbanding hakikat dari segi balaghah, isti‘āraṭ lebih kuat berbanding tasybīh dan kināyah lebih mantap berbanding menyebut secara jelas, dengan alasan-alasan tertentu.

Kemudian al-Sakkākīy meneruskan perbincangannya tentang balaghah dan faṣahah dengan definisi keduanya. Mengikut beliau balaghah ialah kematangan penutur dalam menyampaikan pelbagai maksud dengan ciri-ciri yang sempurna dalam susunan kata yang sesuai. Dalam perbincangan ini beliau juga membahas tentang peringkat-peringkat balaghah, di mana ia ada yang peringkat tinggi dan ada pula yang peringkat rendah.<sup>1</sup>

Adapun faṣahah beliau membahagikannya kepada dua bahagian, iaitu; Faṣahah yang merujuk kepada makna, iaitu yang bebas daripada sebarang ikatan dan faṣahah yang merujuk kepada lafaz, iaitu perkataan bahasa Arab yang jati yang diungkapkan

---

<sup>1</sup> Lihat: Ibid, hlm. 526

oleh lidah yang fasih dari bangsa Arab yang jati, yang banyak penggunaannya dan sesuai dengan tatabahasa serta tidak berulang-ulang.<sup>1</sup>

Kemudian al-Sakkākīy mengakhiri perbahasan ilmu bayān dengan mengemukakan sepotong ayat al-Quran al-Karim sebagai contoh untuk melihat aspek-aspek balaghah yang terkandung di dalamnya. Beliau memetik firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْلَعِي مَاءَكِ وَيَسْمَاءُ أَفْلَحِي وَغِيضَ الْمَاءِ وَقُضِيَ الْأَمْرُ وَاسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيِّ <sup>ط</sup>  
وَقِيلَ بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٤٤﴾ ﴾

Maksudnya:

“Dan diperintahkan (kepada bumi dan langit dengan berkata): "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah curahan (hujanmu)". Dan (ketika itu) surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nabi Nuh itupun mendarat di atas gunung "al-Judīy" serta diingatkan: "Kebinasaan itu bagi orang-orang yang zalim".<sup>2</sup>

al-Sakkākīy memetik ayat ini untuk melihat aspek-aspek balaghah, sama ada dari sudut ilmu bayān, ilmu ma‘ānī, faṣāhah ma‘nawiyah dan faṣāhah lafziyah. Pertama sekali beliau melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan ilmu bayān, terutamanya al-majāz “ الْمَجَازُ ”, al-isti‘ārah “ الْإِسْتِعَارَةُ ” al-kināyah “ الْكِنَايَةُ ” dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 526

<sup>2</sup> Surah Hūd (11) : 44

Dalam ayat ini Allah (s.w.t.) bercakap dengan bumi melalui firmanNya: ﴿يَا أَرْضُ﴾ (wahai bumi) !. Bagaimana bercakap dengan bumi kalau bukan menerusi jalan “isti‘āraṭ”,<sup>1</sup> kerana ada suatu persamaan, kemudian dipinjamkan “meresap air ke dalam bumi” bagi “menelan”, di mana “menelan” itu suatu proses daya tarikan pada makanan yang dimakan, persamaan di antara keduanya ialah “menuju ke tempat yang tersembunyi”. Kemudian dipinjamkan “air” bagi “makanan” menerusi jalan isti‘āraṭ bi al-kināyat,<sup>2</sup> kerana ada persamaan di antara “air” dengan “makanan”, di mana air itu dapat menguatkan bumi pada menyuburkan tumbuh-tumbuhan sebagaimana makanan itu dapat menguatkan bagi yang memakannya. Petanda bagi isti‘āraṭ di sini ialah lafaz: ﴿أَبْلَعِي﴾ (telanlah) kerana letak penggunaannya pada “makanan” bukan pada “air”, kemudian diperintakkannya menerusi jalan isti‘āraṭ kerana ada persamaan yang telah disebutkan.

Adapun aspek-aspek ilmu ma‘ānī yang terdapat dalam ayat ini antara lain ialah qaṣar (penentuan), taqdīm (mendahulukan) dan ta’khīr (mengemudiankan). Dalam ayat ini Allah (s.w.t.) memilih huruf ﴿يَا﴾ (wahai) sebagai nidā’ (panggilan) tidak menggunakan huruf-huruf nidā’ yang lain, seperti “أَيَا”, “هَيَا”, “أَيُّ”, “هَمْزَةٌ” dan “وَاو”, kerana memanggil dengan huruf nida’ ﴿يَا﴾ lebih banyak penggunaannya, dan ia juga untuk memanggil bagi yang jauh, untuk melahirkan betapa besarnya perkara yang berlaku.

<sup>1</sup> Isti‘āraṭ ialah penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asal kerana ada hubungan persamaan serta ada petanda yang menghalang daripada menggunakan pengertian asal (*Glosari Bahasa dan Kesusteraan Arab*, hlm. 11)

<sup>2</sup> Isti‘āraṭ al-makniyyat ialah isti ‘arat yang digugurkan musyabbah bih, tetapi disebutkan salah satu sifat musyabbah bihnya (Ibid, hlm. 13)



Allah (s.w.t.) menyebut ﴿يَا أَرْضُ﴾ tidak menyebut " يَا أَيُّهَا الْأَرْضُ " (wahai bumi) untuk tujuan ikhtisar (ringkas) serta mengelak daripada kesukaran pada menyebut " أَيُّهَا " kerana tidak sesuai dengan situasi yang sedang berlaku. Begitu juga memilih perkataan ﴿الْأَرْضُ﴾ (bumi) dan ﴿السَّمَاءُ﴾ (langit) tidak menggunakan nama-nama lain kerana tujuan ikhtisar dan kesesuaian. Memilih perkataan ﴿ابْلَعِي﴾ (telanlah) tidak menggunakan perkataan " اِبتَلِعِي " juga untuk tujuan ikhtisar dan mewujudkan ciri keserupaan dengan perkataan ﴿اقْلَعِي﴾ (cabutlah; hentilah) sehingga nampaklah keindahannya. begitulah seterusnya.

Allah (s.w.t.) menyebut ﴿الْمَاءُ﴾ (air) dan ﴿الْأَمْرُ﴾ (perintah) tidak menyebut " مَاءٌ طُوفَانَ السَّمَاءِ " (air bah dari langit) dan " أَمْرُ نُوحٍ " (perintah Nuh) untuk tujuan ikhtisar kerana ia memadai dengan menggunakan fungsi isim ma'rifah (kata nama khas) yang boleh mencapai maksud yang sama. Dilihat dari segi susunan ayat ini didahulukan "nidā" daripada "perintah". Allah (s.w.t.) berfirman: ﴿يَا أَرْضُ اْبْلَعِي﴾ (Wahai bumi telanlah) dan ﴿يَا سَمَاءُ اْقْلَعِي﴾ (Wahai langit hentikanlah) tidak mengatakan " اِْبْلَعِي يَا أَرْضُ " (Telanlah wahai bumi) dan " اِقْلَعِي يَا سَمَاءُ " (Hentikanlah wahai langit) kerana sesuai dengan kehendak yang biasa bagi yang diperintah, didahulukan peringatan untuk mengukuhkan perintah yang datang mengiringinya pada diri yang dipanggil untuk memberi maksud yang sempurna.

Kemudian didahulukan perintah kepada bumi daripada perintah kepada langit kerana kejadian banjir itu bermula dari bumi, yang asal lebih utama didahulukan, kemudian diiringi dengan firmanNya ﴿وَعِضْ الْمَاءُ﴾ (Dan surutlah air) kerana ia berkaitan dengan cerita air, kerana asal ungkapan ﴿قِيلَ يَا أَرْضُ اْبْلَعِي مَاءَكَ﴾ (Wahai bumi telanlah airmu !) lantas bumi pun menelan airnya, ﴿وَيَا سَمَاءُ اْقْلَعِي﴾ (Wahai

langit hentikan !) daripada menurun hujan, maka langit pun berhenti daripada menurunnya. Kemudian diiringi apa yang dimaksudkan dalam cerita ini, iaitu ﴿ وَقُضِيَ الْأَمْرُ ﴾ (Perintah pun sudah terlaksana), yakni janji membinasakan orang-orang kafir sudah terlaksana dengan sempurna. Nabi Nuh (a.s.) dan semua umat yang bersamanya selamat daripada bencana. Seterusnya diikuti dengan cerita tentang bahtera ﴿ وَسَوَّتَ عَلَى الْجُودِيِّ ﴾ (Dan bahtera itupun berlabuh di atas bukit Judiy). Tamatlah cerita ini untuk mengakhiri perbincangan ilmu bayān.<sup>1</sup> Seterusnya al-Sakkākīy memasuki dalam perbincangan ilmu badī‘.

#### 5.4 Sumbangan al-Sakkākīy Kepada Ilmu Badī‘

Ilmu badī‘ adalah ilmu yang membincangkan cara memperindah ungkapan dengan mengambil kira situasi dan kejelasan makna.<sup>2</sup> Mengikut al-Sakkākīy ilmu badī‘ terbahagi kepada dua bahagian, iaitu badī‘ ma‘nawīy dan badī‘ lafzīy. Mengikut beliau, badī‘ ma‘nawīy ialah suatu ungkapan yang mengandungi keindahan dari segi makna.<sup>3</sup> Sedangkan badī‘ lafzīy pula ialah suatu ungkapan yang mengandungi keindahan dari segi lafaz.

##### 5.4.1 al-Badī‘ al-Ma‘nawīy "الْبَدِيعُ الْمَعْنَوِيُّ" (Keindahan Dari Segi Makna)

Perbincangan badī‘ ma‘nawīy adalah meliputi aspek-aspek berikut:<sup>4</sup>

5.4.1.1 al-Muṭābaqaṭ "المُطَابَقَةُ", iaitu menghimpunkan perkataan yang berlawanan dalam satu ayat.<sup>5</sup> Untuk kategori ini al-Sakkākīy memberi tiga contoh, iaitu satu puisi

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 528 - 529

<sup>2</sup> *Glosori Bahasa dan Kesusasteraan Arab*, hlm. 126

<sup>3</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 532

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm. 533 - 539

<sup>5</sup> *Ibid*, hlm. 533

dan dua ayat al-Quran al-Karim. Penulis memilih salah satu contoh dari firman Allah (s.w.t.) yang berbunyi:

﴿ قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٧﴾ ﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki”....<sup>1</sup>

Dalam contoh di atas perkataan "تؤتي" (memberi) dan "تنزع" (mencabut) adalah dua perkataan yang berlawanan. Begitu juga perkataan "تعز" (memuliakan) dan "تذل" (menghina)

5.4.1.2 al-Muqābalat <sup>المقابلة</sup>, iaitu menghimpunkan dua ayat atau lebih dengan ayat yang berlawanan. Sekiranya ayat tersebut dengan uslub syarat, maka lawannya juga dengan uslub syarat,<sup>2</sup> seperti pada firman Allah (s.w.t.):

﴿ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنِيَرُهُدٍ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ ﴿٨﴾ وَأَسْتَغْنَىٰ ﴿٩﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿١٠﴾ فَسَنِيَرُهُدٍ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١١﴾ ﴾

<sup>1</sup> Surah Āl ‘Imran (3) : 26

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 532

Maksudnya:

“Maka adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala laranganNya). Serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga). Sebaliknya: orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya. Serta ia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan.”<sup>1</sup>

Dalam contoh di atas perkataan "يُسْرَى" (kemudahan) dikaitkan dengan perkataan "أَعْطَى" (memberi;menderma), "اتَّقَى" (bertaqwa) dan "صَدَّقَ" (mengakui) kemudian diiringi dengan perkataan: "عُسْرَى" (kesukaran) dikaitkan dengan perkataan yang berlawanan, iaitu "بَحِيلٌ" (bakhil;kedekut), "اسْتَعْنَى" (merasa dirinya cukup;menyombong) dan "كَذَّبَ" (membohong)

5.4.1.3 al-Musyākalatُ "المُشَاكَلَةُ", iaitu menyebut sesuatu dengan bukan lafaznya kerana ada suatu kaitan persamaan,<sup>2</sup> seperti firman Allah (s.w.t.):

﴿فَمَنْ أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ﴾

<sup>1</sup> Surah al-Lail (92) : 5 - 10

<sup>2</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 533

Maksudnya:

“...Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohnya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu “...<sup>1</sup>

Perkataan "إِعْتَدَى" (dia menceroboh) pada hakikatnya berbeza dengan perkataan "إِعْتَدُوا" (kamu menceroboh), kerana pencerobohan yang kedua bukanlah hakikat pencerobohan yang pertama, melainkan persamaan tersebut hanya dari segi perkataan sahaja

5.4.1.4 Murā‘at al-nazīr "مُرَاعَاةُ النَّظِيرِ", iaitu ungkapan yang menghimpunkan perkara-perkara yang serupa, seperti kata Asyād bin ‘Anqā’<sup>2</sup> al-Fazārīy:

كَأَنَّ الثُّرَيَّا عَلِقَتْ فِي جَبِينِهِ ❖ وَفِي خَدِّهِ الشُّعْرَى وَفِي وَجْهِهِ الْبَدْرُ

Maksudnya:

Seolah-olah bintang kartika dilekatkan di dahinya,

Di pipinya bintang orion dan di mukanya bulan purnama

Perkataan "الثُّرَيَّا" (bintang kartika), "الشُّعْرَى" (bintang orion) dan "الْبَدْرُ" (bulan purnama) adalah bersatu dalam kumpulan planet. Begitu juga perkataan "جَبِينِ" (dahi), "خَدِّ" (pipi) dan "وَجْهِ" (muka) bersatu dalam anggota tubuh badan.

5.4.1.5 al-Muzāwajāt "الْمُزَاوَجَةُ" (padu makna), iaitu mencantumkan antara dua makna dalam syarat dan jazā’ (jawab bagi syarat),<sup>1</sup> seperti dalam puisi berikut:<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah (2) : 194

<sup>2</sup> ‘Anqā’ adalah nama ibunya, beliau terkenal dibangsakan kepada ibunya. Nama bapanya ialah Bajraṭ

إِذَا مَا نَهَى النَّاهِي، فَلَجَّ بِي الْهَوَى ❖ أَصَاحَ إِلَى الْوَأَشِيِّ، فَلَجَّ بِهِ الْهَجْرُ

Maksudnya:

“Apabila dilarang oleh orang yang melarang

Maka nafsu memaksa diriku

Apabila mendengar orang membawa fitnah

Maka memaksa diriku untuk berpindah”

5.4.1.6 al-Laff wa al-nasyr "الْلَفُّ وَالنَّشْرُ", iaitu menyebut dua perkara secara berturutan, kemudian diiringi dengan ungkapan yang berkaitan untuk menerangkan perkara tersebut tanpa menentukan cantumannya masing-masing, kerana dipercayai bahawa pendengar dapat mencantumkan ungkapan itu dengan perkara yang sesuai,<sup>3</sup> seperti firman Allah (s.w.t):

﴿وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ...﴾

Maksudnya:

“Dan di antara rahmat pemberianNya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurniaNya”...<sup>4</sup>

Dalam ayat di atas disebut dua masa yang berbeza, iaitu "اللَّيْلُ" (malam) dan "النَّهَارُ" (siang), kemudian diiringi dengan dua aktiviti untuk diisi dalam dua masa

---

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh al-'Ulūm*, hlm. 534

<sup>2</sup> Puisi Buhturīy (Lihat al-al-Khaṭīb Qazwīnīy, *al-Īdāh Fī 'Ulūm al-Balāghat*, hlm. 265

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 534

<sup>4</sup> Surah al-Qaṣaṣ (28) : 73

tersebut, yaitu "تَسْكُنُوا" (kamu berehat) dan "فَضْلِهِ تَبْتَغُوا مِنْ" (kamu mencari rizki) tanpa ditentukan aktiviti apa yang diisi pada waktu malam ataupun siang. Walau bagaimanapun fitrah manusia dapat menentukan bahawa waktu malam digunakan untuk tidur dan berehat, sedangkan waktu siang pula digunakan untuk bekerja mencari rezki.

5.4.1.7 al-Jam' "الْجَمْعُ", iaitu memasukkan dua perkara atau lebih ke dalam satu kategori.<sup>1</sup>

Contohnya firman Allah (s.w.t.):

﴿ الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ... ﴾

Maksudnya:

“Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia”...<sup>2</sup>

5.4.1.8 al-Tafrīq "التَّفْرِيقُ": iaitu memecahkan suatu perkara kepada dua kategori, maka berlakulah suatu perbezaan di antara keduanya.<sup>3</sup>

Contohnya dalam puisi berikut:<sup>4</sup>

مَنْوَالُ الْعَمَامِ وَقْتَ رَبِيعٍ ❖ كَنْوَالِ الْأَمِيرِ وَقْتَ سَخَاءِ  
فَنْوَالِ الْأَمِيرِ بَدْرَةَ عَيْنٍ ❖ وَنَوَالِ الْعَمَامِ قَطْرَةَ مَاءِ

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh al-'Ulūm*, hlm. 535

<sup>2</sup> Surah al-Kahf (18) : 46

<sup>3</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh al-'Ulūm*, hlm. 535

<sup>4</sup> Puisi Rasyīd al-Dīn al-Waṭwāṭ (Lihat al-al-Khaṭīb Qazwīnīy, *al-Īdāh Fī 'Ulūm al-Balāghat*, hlm: 269)

Maksudnya:

“Apa yang diberi oleh awan pada musim semi

Seperti pemberian raja pada saat pendermaan

Maka pemberian raja itu merupakan harta benda

Dan pemberian awan itu adalah titisan hujan”

Puisi di atas menyebutkan suatu perkara yang sama, yaitu pendermaan awan dan pendermaan raja, kemudian bentuk pendermaan itu dipecahkan kepada dua kategori, yaitu derma daripada raja dalam bentuk harta benda, sedangkan derma daripada awan adalah titisan hujan, maka jadilah derma tersebut dalam bentuk yang berbeza.

5.4.1.9 al-Taqsīm "التَّقْسِيمُ", iaitu menyebut suatu perkara yang mempunyai dua bahagian atau lebih, kemudian setiap bahagian itu diikuti dengan penjelasannya masing-masing.<sup>1</sup>

Contohnya dalam puisi berikut:

أَدْيَانٍ فِي بَلَخٍ لَا يَأْكُلَانِ ❖ إِذَا صَحِبَا الْمَرْءَ الْكَبِدِ  
فَهَذَا طَوِيلٌ كَطَلِّ الْقَنَاةِ ❖ وَهَذَا قَصِيرٌ كَطَلِّ الْوَتْدِ

Maksudnya:

“Dua orang jemputan enggan memakan kerana sombong

Apabila keduanya berkawan dengan seseorang menyakiti hati

Maka yang ini panjang bagaikan bayang-bayang tombak dan gagangnya

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 535



Dan yang ini pula pendek seperti bayang-bayang gagang panah sahaja”

5.4.1.10 al-Jam‘ ma‘a al-tafriq "الْجَمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ", iaitu menggabungkan dua perkara ke dalam satu makna, kemudian dipisahkannya.<sup>1</sup>

Contohnya dalam puisi berikut:

قَدِ اسْوَدَّ كَالْمَسْكِ صُدْغًا ❖ وَقَدْ طَابَ كَالْمَسْكِ خَلْقًا  
فَوَجْهُكَ كَالنَّارِ فِي ضَوْئِهَا ❖ وَقَلْبِي كَالنَّارِ فِي حَرِّهَا

Maksudnya:

Pelipis menjadi hitam bagaikan kasturi

Sikapnya harum bagaikan kasturi jua

Mukamu bagaikan api cahayanya

Dan hatiku pula bagaikan api panasnya

Dalam bait pertama digabungkan antara pelipis dan sikap ke dalam satu makna, iaitu bagaikan kasturi, kemudian dalam bait kedua pula dipisahkan antara air muka orang yang dikasihi dengan perasaan hatinya sendiri, iaitu diserupakan muka dengan api dari segi bercahaya dan diserupakan hatinya sendiri dengan api dari segi kepanasan.

5.4.1.11 al-Jam‘ ma‘a al-taqsim "الْجَمْعُ مَعَ التَّقْسِيمِ", iaitu menggabungkan beberapa perkara ke dalam suatu ketentuan, kemudian dijelaskan satu persatu atau diawali dengan penjelasan kemudian ia digabungkan dalam satu makna.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 535

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 535

Contoh bagi kategori yang pertama:

الدَّهْرُ مُعْتَدِرٌ، وَالسَّيْفُ مُنْتَظِرٌ ❖ وَأَرْضُهُمْ لَكَ مُصْطَافٌ وَمُرْتَبِعٌ  
لِلسَّبِيِّ مَا نَكَحُوا، وَالْقَتْلُ مَا وَلَدُوا ❖ وَالنَّهْبُ مَا جَمَعُوا، وَالنَّارُ مَا زَرَعُوا

Maksudnya:

“Malapetaka berdalih, pedang menunggu

Tanah mereka tempat bermain dan kediaman bagimu

Apa yang mereka kalahkan itu adalah tawanan

Apa yang mereka hasilkan itu adalah pembunuhan

Apa yang mereka kumpulkan itu adalah harta rampasan

Dan benih yang mereka tuai itu adalah neraka”

Dalam bait pertama dinyatakan tentang malapetaka, pembunuhan dan penjajahan, dan dalam bait kedua pula dipisahkan dengan memberi penjelasannya masing-masing

Contoh bagi kategori yang kedua:

قَوْمٌ إِذَا حَارَبُوا ضَرُّوا عَدُوَّهُمْ ❖ أَوْ حَاوَلُوا النَّفْعَ فِي أَشْيَاءِهِمْ نَفَعُوا  
سَجِيَّةٌ تِلْكَ مِنْهُمْ غَيْرُ مُحَدَّثَةٍ ❖ إِنَّ الْخَلَائِقَ، فَاعْلَمْ، شَرُّهَا الْبِدْعُ

Maksudnya:

“Sesuatu kumpulan apabila berperang mengalahkan musuhnya

Atau berusaha mendapatkan keuntungan untuk pemimpin mereka

Demikian itu bukanlah perangai buruk

Ketahuilah bahawa perangai yang buruk itu bid‘ah”

Dalam bait pertama menyebut dua sifat terpuji, iaitu “mengalahkan musuh” dan “memberi manfaat kepada pemimpin mereka”, kemudian dalam bait kedua digabungkan dua sifat tersebut ke dalam satu makna, dengan katanya “Demikian itu bukanlah akhlak buruk dan akhlak yang buruk itu suatu perkara bodoh”.

5.4.1.12 al-Jam‘ ma‘a al-tafrīq wa al-taq̄sīm "الْجَمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ وَ التَّقْسِيمِ". Bagi kategori ini al-Sakkākīy tidak memberikan definisinya lagi, kerana ia merupakan himpunan dari tiga kategori yang telah disebutkan, iaitu “jam‘”, “tafrīq” dan “taq̄sīm” yang telah diberikan definisi dalam perbincangannya masing-masing secara berasingan, di sini beliau memberi dua contoh, iaitu satu puisi dan satu ayat al-Quran al-Karim. Penulis memilih contoh dari ayat al-Quran al-karim, iaitu:

﴿يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلِّمُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ فَمِنْهُمْ شَقِيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٥﴾ فَأَمَّا الَّذِينَ شَقُوا فَيُنْفَوْنَ إِلَىٰ أَعْيُنِ النَّارِ ﴿١٦﴾ وَأَمَّا الَّذِينَ سَعَدُوا فَيَنفَوْنَ إِلَىٰ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا ۗ إِنَّهَا بِرَبِّكَ حَسْرَةٌ ﴿١٧﴾﴾

Maksudnya:

“(Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka di antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia. Adapun orang-orang yang celaka (disebabkan keingkaran dan maksiatnya), maka di dalam nerakalah tempatnya...”<sup>1</sup>Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di dalam syurgalah tempatnya”...<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Surah Hūd (11) :105 - 106

<sup>2</sup> Surah Hūd (11) : 108

5.4.1.13 al-Īhām "الْإِيهَامُ", iaitu menggunakan dua perkataan yang mempunyai dua makna, iaitu makna zahir dan makna tersembunyi, untuk kategori ini al-Sakkākīy memberi tiga contoh, iaitu satu puisi dan dua ayat al-Quran al-Karim, di sini penulis menukil satu contoh dari ayat al-Quran al-Karim:<sup>1</sup>

﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٢٠﴾﴾

Maksudnya:

"Dia yang Maha pengasih, yang bersemayam (berkuasa) di atas ‘arasy (singgahsana)".<sup>2</sup>

5.4.1.14 Ta’kīd al-madh bimā yusybih al-dhāmm "تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الذَّمَّ", iaitu menyebut pujian dengan lafaz yang serupa penghinaan.

Contohnya dalam puisi berikut:

هُوَ الْبَدْرُ إِلَّا أَنَّهُ الْبَحْرُ زَخِرًا ❖ سِوَى أَنَّهُ الضَّرْعَامُ، لَكِنَّهُ الْوَيْلُ

Maksudnya:

“Dia adalah bulan purnama melainkan dia itu lautan yang melimpah

Melainkan dia itu orang yang berani tetapi dia buruk akibatnya”

5.4.1.15 al-Tawjīh "التَّوَجِيهُ", iaitu mengungkapkan ayat yang mengandungi dua pengertian yang berbeza, seperti dikatakan:

لَيْتَ عَيْنِيهِ سَوَاءً

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāh al-‘Ulūm*, hlm. 537

<sup>2</sup> Surah Ṭāha (20) : 5

Maksudnya:

“Mudah-mudahan dua matanya itu sama”

5.4.1.16 Sawq al-ma‘lūm masāq ghayrih "سَوْقُ الْمَعْلُومِ مَسَاقَ غَيْرِهِ", iaitu menyebut yang maklum bukan pada tempatnya. Ia dinamakan juga dengan “tajāhul”, walau bagaimanapun al-Sakkākīy tidak suka menamakannya dengan istilah tersebut.<sup>1</sup> Untuk kategori ini al-Sakkākīy memberi tiga contoh, iaitu dua puisi dan satu ayat al-Quran al-Karim. Penulis memilih contoh dari ayat al-Quran al-Karim, iaitu firman Allah (s.w.t.):

﴿ وَإِنَّا أَوْ إِيَّاكُمْ لَعَلَىٰ هُدًى أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٦٤﴾ ﴾

Maksudnya:

“...Sesungguhnya (tiap-tiap satu golongan), sama ada golongan kami ahli tauhid atau golongan kamu ahli syirik (tidak sunyi daripada salah satu dari dua keadaan): tetap di atas petunjuk atau tenggelam dalam kesesatan yang nyata”.<sup>2</sup>

5.4.1.17 al-I‘tirāḍ "الإِعْتِرَاضُ", dinamakan juga dengan “al-hasyw” “الحشو”; iaitu menambahkan perkataan ke dalam sesuatu ayat yang sekiranya perkataan itu tidak disebutkan ayat tersebut sudahpun memberi maksud yang sempurna.<sup>3</sup> Untuk kategori ini al-Sakkākīy memberikan lima contoh, iaitu tiga puisi dan dua ayat al-Quran. Di antara tiga puisi tersebut ialah puisi Ibn al-Mu‘tazz:

إِنَّ يَحْيَى لَا يَزَالُ يَحْيَى صَدِيقِي ❖ وَخَلِيلِي مِنْ دُونِ هَذِهِ الْأَنَامِ

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 537

<sup>2</sup> Surah: Saba’ (34) : 24

<sup>3</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 538

Maksudnya:

Sesungguhnya Yahya, dia masih hidup, sahabatku

Dan temanku, dia tidak sama dengan orang lain

Memasukkan ayat "لَا يَزَالُ يُحْيِي" (sentiasa Yahya) adalah tambahan yang tiada faedahnya kerana tanpa ada ayat tersebut sudah memberi makna yang sempurna.

5.4.1.18 al-Istitbā' "الإِسْتِثْبَاعُ", iaitu sesuatu pujian dengan mengiringi satu pujian yang lain

Contohnya dalam puisi berikut:

نَهَيْتَ مِنَ الْأَعْمَارِ مَا لَوْ حَوَيْتَهُ \* لَهَيْتَ الدُّنْيَا بِأَنَّكَ خَالِدٌ

Maksudnya:

“Kamu telah mencapai kehidupan yang kamu impikan

Bahagiailah dunia ini dengan adanya dirimu”

5.4.1.19 al-Itifāt "الأَلْتِفَاتُ". Perbincangan tentang iltifāt telah di bincangkan dalam perbincangan ilmu ma‘ānī. al-Sakkākīy mengulanginya di sini kerana ia termasuk dalam keindahan bahasa dari segi makna.

5.4.1.20 Taqlīl al-lafz wa lā taqlīlul "تَقْلِيلُ اللَّفْظِ وَ لَا تَقْلِيلُهُ" (mengurangkan lafaz ataupun melebihkannya), seperti, "يَا" dan "هِيَ", "غَاضٌ" dan "غَيْضٌ". Apabila keduanya bertemu dalam satu posisi maka ia dibahagi kepada "ijāz" dan itnāb sebagaimana yang telah disebutkan.

## 5.4.2 al-Badī‘ al-Lafzīy "البَدِيعُ اللَّفْظِيُّ" (Keindahan Dari Segi Lafaz)

Badī‘ lafzīy ialah suatu ungkapan yang mengandungi keindahan dari segi lafaznya, ia meliputi perbincangan berikut:<sup>1</sup>

5.4.2.1 al-Tajnīs "التَّجْنِيسُ", iaitu dua perkataan yang serupa dalam satu ayat.<sup>2</sup> Ia terdiri daripada beberapa jenis, iaitu:

5.4.2.1.1. al-Tajnīs al-tāmm "التَّجْنِيسُ التَّامُّ", iaitu dua perkataan yang serupa dalam satu ungkapan, seperti: "رَحَبَةٌ رَحَبَةٌ" (padang luas)

Mengikut definisi yang lebih lengkap tajnīs tāmm ialah dua perkataan yang serupa dari segi sebutan tetapi berbeza dari segi makna,<sup>3</sup> seperti contoh di atas "رَحَبَةٌ" pertama bermaksud “padang” dan "رَحَبَةٌ" kedua bermaksud “luas”

5.4.2.1.2 al-Tajnīs al-nāqis "التَّجْنِيسُ النَّاقِصُ", iaitu dua perkataan yang serupa dari segi bentuk susunan huruf tetapi berbeza dari segi sebutan,<sup>4</sup> seperti dikatakan:

"الْبُرْدُ الْبَرْدُ"

Maksudnya:

“Kain selimut mencegah kesejukan”

5.4.2.1.3 al-Tajnīs al-mudhayyal "التَّجْنِيسُ الْمُدَّيِّلُ", iaitu dua perkataan yang berbeza dengan sebab ditambah huruf, seperti dikatakan:

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 539 - 542

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 539

<sup>3</sup> Muḥammad al-Ṭāhir bin ‘Āsyūr, *Mūjaz al-Balāghat* hlm. 44.

<sup>4</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 539

Maksudnya:

“Kekayaan adalah suatu kesempurnaan”

5.4.2.1.4 al-Tajnīs al-mudāri‘ atau al-muṭarrif "التَّجْنِيسُ الْمُضَارِعُ أَوْ الْمُطَرِّفُ", iaitu dua perkataan yang hampir sama dari segi sebutan tetapi berbeza dengan satu huruf atau lebih dari satu huruf.<sup>1</sup>

Contoh berbeza satu huruf: "حَصَبٌ" (mengeraskan) dan "حَسَبٌ" (mengira)

Contoh berbeza dua huruf:

"مَا خَصَّصْتَنِي وَإِنَّمَا خَسَّسْتَنِي"

Maksudnya:

“Bukan diistimewakan saya, melainkan sesungguhnya dia menghina saya”

5.4.2.1.5 al-Tajnīs al-lāḥiq "التَّجْنِيسُ اللَّاحِقُ", iaitu dua perkataan yang berbeza sumber dan hampir serupa dari segi sebutan, seperti perkataan: "عَابِدٌ" (yang beribadat) dan "عَابِثٌ" (yang tidak berguna). Tajnis ini dinamakan juga sebagai “al-tajnīs al-taṣḥif” "التَّجْنِيسُ التَّصْحِيفُ", karena disamping hampir serupa dari segi sebutannya ia juga serupa dari segi bentuknya.

Apabila didapati dua perkataan yang serupa seperti pada ayat: "مَنْ طَلَبَ وَجَدَّ" (Sesiapa yang berusaha dengan bersungguh-sungguh nescaya ia pasti mendapat) "وَجَدَّ" dinamakan “al-muzdawij” "المُزْدَوِجُ", “al-mukarrar” "المُكْرَّرُ" dan “al-muraddid” "المُرَدَّدُ".

---

<sup>1</sup> Ibid, hlm. 539



Selain itu ada yang disebut dengan “al-tajnīs al-musyawwisy” التَّجْنِيسُ المَشْوِشُ, seperti pada contoh "بَلَاغَةٌ وَبَرَعَةٌ" (kefasihan). Sekiranya ia serupa pada susunan dan tulisan, maka ia dinamakan “al-mutasyābih” المتشابهة, seperti pada contoh berikut:

إِذَا مَلِكٌ لَمْ يَكُنْ ذَاهِبَةً ❖ فَدَعُهُ فَدَوْلَتَهُ ذَاهِبَةً

Maksudnya:

Apabila raja tidak mempunyai sifat pemurah,

biarkan dia, maka negaranya itu akan hilang

perkataan "ذَاهِبَةً" yang pertama dan yang kedua adalah serupa, sama ada dari segi susunan mahupun dari segi tulisan, tetapi jika berbeza segi tulisan maka ia dinamakan sebagai “al-mafrūq” المفروق.

Ada juga bentuk lain yang digabungkan ke dalam kategori tajnīs, iaitu dua perkataan yang berbeza yang berasal dari sumber yang sama, seperti pada firman Allah (swt):

﴿ فَأَقِمَّ وَجْهَكَ لِلدِّينِ الْقَيِّمِ ... ﴾

Maksudnya:

“Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad) ke arah agama yang betul”.<sup>1</sup>

Perkataan "أَقِمَّ" dan "الْقَيِّمِ" adalah dua perkataan yang berbeza dari segi bentuk dan sebutannya tetapi kedua perkataan tersebut berasal dari sumber yang sama, iaitu "أَقَامَ"

---

7 Surah al-Rūm (30) : 43

#### 5.4.2.2 Radd al-‘Ajz ‘Alā al-Ṣadr "رَدُّ الْعَجْزِ عَلَى الصِّدْرِ"

Termasuk dalam katagori badi’ lafziy radd al-‘ajz ‘alā al-ṣadr ", iaitu meletakkan salah satu dari dua perkataan yang sama dari segi lafaz dan makna atau sama dari segi lafaz tetapi berbeza dari segi makna ataupun berasal dari sumber yang sama dan seumpamanya pada akhir bait,<sup>1</sup> seperti pada puisi berikut:<sup>2</sup>

مُشْتَهَرٌ فِي عِلْمِهِ وَحِلْمِهِ ❖ وَزُهْدُهُ وَعَهْدُهُ مُشْتَهَرٌ  
فِي عِلْمِهِ مُشْتَهَرٌ وَحِلْمُهُ ❖ وَزُهْدُهُ وَعَهْدُهُ مُشْتَهَرٌ  
فِي عِلْمِهِ وَحِلْمِهِ مُشْتَهَرٌ ❖ وَزُهْدُهُ وَعَهْدُهُ مُشْتَهَرٌ  
فِي عِلْمِهِ وَحِلْمِهِ وَزُهْدِهِ ❖ مُشْتَهَرٌ وَعَهْدُهُ مُشْتَهَرٌ  
فِي عِلْمِهِ وَحِلْمِهِ وَزُهْدِهِ ❖ وَعَهْدُهُ مُشْتَهَرٌ مُشْتَهَرٌ

Maksudnya:

“Masyhur dari segi pengetahuan dan kelembutannya

Ketabahan dan kejujurannya masyhur

Pengetahuannya masyhur dan kelembutannya

Ketabahan dan kejujuran masyhur

ketabahan dan kejujurannya masyhur

pengetahuan dan kelembutannya masyhur

Pengetahuan, kelembutan dan ketabahan

Masyhur dan kejujurannya masyhur

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-‘Ulūm*, hlm. 541

<sup>2</sup> Ibid, hlm. 541

Pengetahuan, kelembutan dan ketabahnya

Kejujurannya masyhur masyhur.<sup>1</sup>

Termasuk dalam kategori *badī' lafẓiy* "al-qalb" "الْقَلْبُ" iaitu berbeza susunan huruf. Sekiranya perbezaan itu secara keseluruhan dinamakan *maqlūb al-kull* "مَقْلُوبُ الْكُلِّ", seperti pada ayat: "حِسَامُهُ فَتَحٌ لِأَوْلِيَائِهِ حَتَفٌ لِأَعْدَائِهِ" (Pedangnya yang tajam penaklukkan bagi pemimpinnya, maut terhadap musuhnya), perkataan "فَتَحٌ" dan "حَتَفٌ" terbalik secara keseluruhan, yakni perkataan "حَتَفٌ" kalau dibaca dari akhir akan menjadi "فَتَحٌ". Sekiranya perbezaan itu hanya pada sebahagian perkataan sahaja maka ia dinamakan *maqlūb al-ba'd* "مَقْلُوبُ الْبَعْضِ", seperti pada ayat:

"اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِنَا وَآمِنْ رُوعَاتِنَا"

Maksudnya:

"Ya Allah, tutupkanlah keaiban kami dan amankanlah ketakutan kami"

Perkataan "عَوْرٌ" kalau dibaca dari akhir akan menjadi "رُوعٌ". Sekiranya *maqlūb al-kull* "مَقْلُوبُ الْكُلِّ" berlaku pada permulaan bait dan *maqlūb al-ba'd* "مَقْلُوبُ الْبَعْضِ" berlaku pada akhir bait, maka ia dinamakan dengan *maqlūb mujnih* "مَقْلُوبٌ مُجْنِحٌ". Sekiranya *maqlūb al-kull* terjadi pada dua perkataan atau lebih, maka ia dinamakan dengan *maqlūb mustawiy* "مَقْلُوبٌ مُسْتَوِيٌّ" (perubahan yang setara), seperti pada ayat: "كَيْلٌ مَلِيكَ" (alat sukatan raja)

5.4.2.3. al-Asjā' "الْأَسْجَاعُ"; ia berfungsi di dalam prosa, seperti mana rima berfungsi di dalam puisi. al-Sakkākīy tidak memberi sebarang contoh untuk kategori ini, walau

<sup>1</sup> Bait ketiga hanya terdapat dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, (Ed): Akram 'Uthmān, hlm. 671

bagaimanapun fenomena ini dapat dilihat di dalam ayat-ayat pendek al-Qur'an al-Karim.<sup>1</sup> Contohnya dalam firman Allah (s.w.t):

﴿ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾ وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ ﴾

Maksudnya:

“Di situ juga ada pelamin-pelamin (berhias) yang tinggi (tempatny), Dan gelas-gelas minuman yang disediakan (untuk mereka)”<sup>2</sup>

5.4.2.4 al-Tarsī "التَّرْسِيعُ", iaitu ungkapan yang serupa huruf akhir ataupun hampir serupa, seperti dalam firman Allah (s.w.t):

﴿ إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿١٣﴾ وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي حَجِيمٍ ﴿١٤﴾ ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang banyak berbakti tetap berada dalam surga yang penuh nikmat, dan sesungguhnya orang-orang yang durhaka tetap berada dalam neraka”<sup>3</sup>

Inilah aspek-aspek balaghah yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*. al-Sakkākīy membincang tajuk-tajuk ini secara terperinci serta memberi contoh-contoh yang banyak bagi setiap tajuk yang dikemukakan, sama ada yang dinukilkan daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, puisi-puisi dan juga ayat-ayat yang beliau cipta sendiri. Walau bagaimanapun penulis tidaklah merekod kesemuaan perbincangan yang dikemukakan dalam kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, melainkan hanya

<sup>1</sup> al-Sakkākīy, *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 542

<sup>2</sup> Surah al-Ghāsyiyat (88) : 13-14

<sup>3</sup> Surah al-Infītār (82) :13 - 14

memilih tajuk-tajuk utama sahaja untuk membuktikan peranan dan sumbangan al-Sakkākīy kepada perkembangan ilmu balaghah adalah sangat besar sekali. Begitu juga dari segi contoh-contah yang beliau berikan, penulis hanya mengambil satu atau dua contoh sahaja untuk mudah memahami perbincangan tersebut.

Dalam perbincangan tersebut dapat dilihat dengan jelas bahawa al-Sakkākīy menerusi karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* telah berjaya memisahkan ilmu badi' daripada ilmu ma'ānī dan ilmu bayān, di mana beliau telah mengeluarkan kedua-dua ilmu tersebut daripada perbincangan ilmu badi', seperti isti'ārat, kināyat, dan tasybīh, sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Badi'* karya Ibn al-Mu'tazz, begitu juga dalam karya-karya lain sebelum muncul kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*. Walau bagaimanapun al-Sakkākīy tidak menyebut istilah "ilmu badi'" bagi perbincangan ini melainkan hanya menyebutnya sebagai taḥsīn al-kalām "تحسين الكلام" (kajian untuk memperindahkan bahasa), adakalanya yang merujuk kepada makna ataupun yang merujuk kepada lafaz.

Metodologi penyampaian yang digunakan oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm* adalah metodologi taqrīrī atau disebut juga metodologi ilmi, iaitu metodologi penyampaian maklumat dengan bahasa yang mudah difahami. Dalam penerapannya beliau telah mengemukakan contoh-contoh yang banyak untuk menerangkan setiap tajuk, sama ada contoh yang dinukilkan daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, puisi-puisi, begitu juga ayat-ayat yang beliau ciptakan sendiri supaya apa yang dibincangkan itu mudah difahami oleh para pembaca, kerana dengan mempermudah kefahaman dapat memupuk minat dan membangkitkan semangat para pembaca terutamanya para pelajar untuk mempelajarinya.

*Miftāḥ al-'Ulūm* boleh dikatakan sebagai sebuah kitab balaghah terapan, di mana beliau memantapkan pemahaman ilmu balaghah dengan membanyakkan contoh-contoh walaupun tidak dinafikan bahawa ada antara contoh-contoh yang beliau kemukakan itu tanpa penjelasan dan keterangannya sehingga sukar difahami. Namun, usaha beliau bagi membantu para pembaca untuk memahami isi kandungan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* adalah besar sekali.

Dengan demikian sempurnalah ringkasan perbincangan al-Sakkākīy bagi ilmu ma'ānī, ilmu bayān dan gabungan aspek-aspek ilmu badī', iaitu perbahasan yang telah tersebar luas di seluruh pelosok dunia, maka jadilah kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* sebuah kajian ilmiah.

## **5.5 Analisis Pengaruh al-Sakkākīy Dalam Bidang Balaghah.**

Seperti yang sedia maklum bahawa al-Sakkākīy adalah seorang tokoh yang telah berjaya menyebar luaskan bidang kajian ilmu balaghah ke seluruh persada dunia, sama ada menerusi karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* mahupun menerusi karya-karya para pakar yang meringkaskan dan menghurai kitab tersebut. Antara ulama yang telah menyebar luaskan balaghah al-Sakkākīy ialah Badr al-Dīn bin Mālik (686H / 1287M) menerusi karyanya *al-Miṣbāḥ Fī Ikhtisār al-Miftāḥ*,<sup>1</sup> Abū 'AbdiLlāh Muḥammad bin 'Abd Raḥmān al-Khaṭīb al-Qazwīnīy (739H / 1338M) menerusi karyanya *Talkhīṣ al-Miftāḥ* dan *al-Īdāḥ*, 'Abd al-Raḥmān 'Azz al-Dīn al-Ijīy al-Syairazīy (756H / 1355M) menerusi karyanya *al-Fawā'id al-Ghiyāsiyyat Fī 'Ulūm al-Ma'ānī Wa al-Bayān Wa al-Badī'*, Kutb al-Dīn Muḥammad bin Mas'ūd bin Maṣḥāḥ

---

<sup>1</sup> *al-Miṣbāḥ* yang disunting oleh Husni 'Abd al-Jalīl Yūsuf, terbitan Maktabat al-Ādāb, diberi judul "*al-Miṣbāḥ Fī al-Ma'ānī Wa al-Bayān Wa al-Badī'*"

al-Syairāzīy (810H / 310M) menerusi karyanya *Miftāḥ al-Miftāḥ*, Muḥammad bin Muzaffar Syams al-Dīn al-Khaṭībīy al-Khalkhālīy (745H / 1344M) menerusi karyanya *Syarḥ al-Miftāḥ*, ‘Alīy Muḥammad atau lebih dikenali dengan panggilan al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānīy (816H / 1413M) menerusi karyanya *Syarḥ al-Qism al-Thālith Min al-Miftāḥ*, Ibn Kamāl Basyā (940H / 1533M) menerusi dua karyanya, iaitu; *Syarḥ al-Miftāḥ* dan *Ta‘bīr al-Miftāḥ*.

Bahkan bukan hanya sekadar itu, tetapi juga ringkasan Abū ‘AbdiLāh Muḥammad bin ‘Abd Raḥmān al-Khaṭīb al-Qazwīnīy berjudul *Talkhīṣ al-Miftāḥ* telah mendapat perhatian dalam kalangan para ulama, sehingga ia dihurai dan diulas pula oleh sejumlah ulama, seperti Muḥammad bin Muzaffar al-Khaṭīb al-Khalkhālīy (745H / 1344M) dengan judul *Miftāḥ Talkhīṣ Miftāḥ*, Bahā’ al-Dīn al-Subkīy (773H / 1371M) dengan judul *‘Arūs al-Afrāḥ Syarḥ al-Talkhīṣ al-Miftāḥ*, Muḥammad bin Yūsuf Nazīr al-Jaisīy (778H / 1376M) dengan judul *Syarḥ Talkhīṣ al-Qazwīnīy*, Muḥammad al-Baburtīy (786H / 1384M) dengan judul *Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ Li al-Qazwīnīy*, Syams al-Dīn al-Qināwīy (788H / 1386M) dengan judul *Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ Li al-Qazwīnīy*, Sa‘d al-Dīn al-Taftāzanīy (792H / 1390M) beliau menghurainya dalam dua judul, iaitu *-Syarḥ al-Kabīr* dan *al-Syarḥ al-Saghīr Li al-Talkhīṣ*, Ibn Ya‘qūb al-Maghribīy (1110H / 1698M) dengan judul *Mawāhib al-Fatāḥ FI Syarḥ Talkhīṣ al-Miftāḥ*.

Selain karya-karya yang tersebut itu ada juga huraian-huraian yang lain, seperti yang dilaksanakan oleh Jalal al-Dīn al-Tayzīnīy (793H / 1391M), Jamāl al-Aqsarā’īy (800H / 1397M), al-Sayyid ‘AbdulLāh al-‘Ajmīy (800H / 1397M), al-Sayyid al-Syarīf

al-Jurjānīy (816H / 1412M), ‘Izz al-Dīn bin Jam‘at (819H / 1416M), Haidarat al-Syairāzīy (820H / 1417M) dan ‘Aṣam al-Dīn (951H / 1344M).

Kemunculan ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian di atas adalah disebabkan oleh keberadaan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Kitab-kitab ini mempunyai peranan penting dalam menyebarkan ilmu balaghah kepada masyarakat di seluruh pelosok dunia. Dalam perkembangan sekarang ilmu balaghah yang dipelajari di sekolah-sekolah agama kerajaan, di sekolah-sekolah pondok di Malaysia, di madrasah-madrasah, di pesantren-pesantren tradisional dan pesantren-pesantren moden di Indonesia, di ma‘had-ma‘had thanāwīyat di Timur Tengah, bahkan di institut-institut pengajian tinggi semuanya tidak terlepas daripada dasar balaghah yang telah dilakar oleh al-Sakkākīy, sama ada dari segi aspek-aspek balaghah yang dipelajari mahupun dari segi metodologi perbahasan yang digunakan, walaupun ada perubahan-perubahan kecil yang dilakukan. Begitulah besarnya pengaruh dan peranan al-Sakkākīy dalam perkembangan ilmu balaghah.

Walaupun ada sebahagian ulama yang menyifatkan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* sebagai jumud (beku), banyak definisi, banyak pembahagian dan percabangan. Namun, dalam masa yang sama ramai ulama selepasnya yang terpengaruh dengan metodologi beliau dan jadilah kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* sebagai asas bagi karya dan ulasan mereka, seperti kitab *Talkhīṣ al-Miftāḥ* dan *Al-Īdāḥ Li al-Talkhīṣ al-Miftāḥ* karangan Jalāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Qazwīnīy (739 H / 1339 M) yang telah penulis sebutkan di atas dan banyak lagi ulama yang telah meringkaskan bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Metodologi dan klasifikasi yang diperkenalkan oleh



al-Sakkākīy dalam kitab tersebut telah diikuti oleh sejumlah para ulama selepasnya hingga ke hari ini.

Apabila diperhatikan komen-komen para ulama terhadap al-Sakkākīy maka ia sangat berkait rapat dengan karyanya *Miftāh al-'Ulūm* mereka kagum dengan perbahasan yang dibawa oleh al-Sakkākīy dan klasifikasi yang dilakukan oleh beliau lengkap dan kemas. Ini merupakan sesuatu yang baru yang tidak pernah wujud sebelum al-Sakkākīy, sebagaimana yang dijelaskan oleh Syaikh Muṣṭafā al-Marāghīy menerusi karyanya *Tārīkh 'Ulūm al-Balāghat Wa al-Ta'rīf Bi Rijālihā*.

Syaikh Muṣṭafā al-Marāghīy mengakui bahawa beliau tidak pernah mengetahui sebelum al-Sakkākīy ada yang membahagikan ilmu faṣāḥat kepada tiga bahagian seperti yang kita lihat pada hari ini, sama ada dalam bentuk lisan mahupun dalam bentuk tulisan. Adapaun penulisan-penulisan tentang balaghah sebelumnya, seperti kitab al-Sinā'atayn karya Abū Hilāl al-'Askariy, kitab *Sirr al-Fasāḥat* karya Ibn Sinān al-Khafājīy dan "*Asrār al-Balāghat*" dan "*Dalail al-I'jāz*" karya 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy tidaklah selengkap apa yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy.<sup>1</sup>

Penulis tidak menafikan ada pelbagai kritikan yang dikemukakan oleh kebanyakan ulama Arab terhadap al-Sakkākīy, terutamanya dari segi kejumudan ilmu balaghah pada eranya, begitu juga dari segi kemasukan unsur-unsur ilmu mantiq dan falsafah Yunani ke dalam balaghah Arab. Namun, kehebatan dan pengaruh al-Sakkākīy dalam bidang balaghah tidak dapat disangkal. Pengaruh dan peranan beliau dalam perkembangan ilmu balaghah kekal hingga ke hari ini, sehingga

---

<sup>1</sup> Muṣṭafā al-Marāghīy, *Tārīkh 'Ulūm al-Balāghat Wa Ta'rīf bi Rijālihā*, hlm. 111

penulisan-penulisan yang ada pada hari ini dilakukan berdasarkan metodologi dan klasifikasi yang telah diasaskan oleh al-Sakkākīy.

Kemasyhuran al-Sakkākīy berkisar pada bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* khususnya dalam perbincangan ilmu ma‘ānī, ilmu bayān dan yang berkaitan dengan keduanya, iaitu faṣāḥat, balāghat dan kajian tentang teknik memperindahkan bahasa, sama ada yang merujuk kepada lafaz mahupun yang merujuk kepada makna. Semua ini sebagai asas yang membuat para ulama selepasnya menjadi tumpuan untuk meringkas atau mengulasnya, dan mengkajinya berkali-kali.

Setelah *Miftāḥ al-‘Ulūm* sempurna, tibalah masanya untuk mempelajari dan mengkajinya. Maka muncullah sejumlah ulama dengan pelbagai ringkasan dan ulasan seperti yang telah penulis senaraikan di atas. Walau bagaimanapun dalam perbincangan ini penulis hanya akan membawa dua orang tokoh balaghah terkenal selepas al-Sakkākīy, iaitu Badr al-Dīn bin Mālik yang dianggap sebagai orang pertama yang meringkaskan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* dengan judul *al-Miṣbāḥ Fī al-Ma‘ānī Wa al-Bayān Wa al-Badī* dan al-Qazwīnīy sebagai seorang yang sangat mengagumi kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Beliau telah meringkaskan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* dengan judul *Talkhīṣ al-Miftāḥ*, kemudian beliau susulkan pula dengan sebuah karya lagi yang berjudul *al-Īdāḥ Li al-Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Badr al-Dīn bin Mālik dan al-Qazwīnīy sering disifatkan oleh para pakar sebagai dua ulama besar selepas al-Sakkākīy.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Muta‘āl al-Sa‘idīy, *Bughyat al-Īdāḥ Li Talkhīṣ al-Miftāḥ*, jil. 1, hlm. 5

### 5.5.1 Badr al-Dīn bin Mālīk.

Badr al-Dīn bin Mālīk ialah Muḥammad bin Jamāl al-Dīn bin Mālīk al-Ṭā'īy al-Andalusīy, berasal dari Damsyiq<sup>1</sup> (686 H / 1287 M). Beliau seorang pakar dalam bidang balaghah, nahu, 'arūḍ dan mantiq. Beliau juga menguasai bidang fekah dan ilmu uṣūl. Beliau meringkaskan kita *Miftāḥ al-'Ulūm* dan memberi judul dengan *al-Miṣbah*.

Syawqī Ḍayf menyebutkan bahawa Badr al-Dīn bin Malīk telah meringkaskan bahagian ketiga kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* tanpa sebarang penyelewengan atau tanpa mementingkan kepada sumber-sumber asalnya, seolah-olah beliau meringkaskannya sendiri tanpa merujuk kepada al-Zamakhshariy atau al-Jurjāniy, atau beliau bermaksud untuk membuat ringkasan ini semata-mata bagi al-Sakkākīy. Ia merupakan suatu ringkasan yang tiada kaitan dengan pemikiran mantiq, ilmu kalām dan falsafah, kadangkalanya beliau mementingkan suatu penambahan terhadap kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*, kerana beliau lebar panjang membincang tentang al-muḥsanāt al-badī'īyyat “المُحَسَّنَاتِ الْبَدِيعِيَّةِ” (keindahan-keindahan dari segi badī'), di mana beliau menyebutnya sehingga lima puluh empat jenis, sementara al-Sakkākīy sendiri menyebutnya hanya dua puluh enam jenis sahaja.<sup>2</sup>

Badr al-Dīn bin Mālīk membahas aspek-aspek ilmu badī' dalam kitab “al-Miṣbāḥ” dalam tiga bahagian, iaitu; al-faṣāḥat al-lafziyyat “الفَصَاحَةُ اللَّفْظِيَّةُ” (fasāḥah dari segi lafaz) dua puluh empat istilah, al-faṣāḥat al-ma'nawīyyat “الفَصَاحَةُ الْمَعْنَوِيَّةُ” (fasāḥah dari segi ma'na) dua puluh empat istilah, dan al-faṣāḥat al-ḥaqīqīyyat “الفَصَاحَةُ الْحَقِيقِيَّةُ” (fasāḥah dari segi hakikat) dua puluh empat istilah.

---

<sup>1</sup> Syawqīy Ḍayf, *al-Balāghat, Tatawwur Wa Tārīkh*, hlm. 315. Dalam muqaddimat kitab “*al-Miṣbāḥ*” (Ed): Ḥusni 'Abd al-Jalīl Yūsuf menyebutkan nama beliau ialah Muḥammad bin 'AbduLlāh bin Mālīk al-Dimasyqīy.

<sup>2</sup> Syawqī Ḍayf, *al-Balāghat, Tārīkh Wa Taṭawwur*, hlm. 315-316

المَعْنَوِيَّةُ" (fasāḥah dari segi makna) sembilan belas istilah dan al-faṣāḥaḥ al-mukhtaṣṣat bi taḥsīn al-kalām wa tazyīnuh " وَ تَزْيِينُهُ الْفَصَاحَةُ الْمُخْتَصَّةُ بِتَحْسِينِ الْكَلَامِ وَ " (fasāḥah yang berkaitan dengan memperindah ungkapan) lima belas istilah, jadi jumlah istilah ilmu badī' yang dibahas oleh Badr al-Dīn bin Mālik dalam kitab al-Miṣbāḥ adalah lima puluh lapan istilah,<sup>1</sup> bukan lima puluh empat istilah seperti yang dinyatakan oleh Syawqiy Dayf tersebut.

Dalam bahagian faṣāḥah lafziyah beliau membahas dua puluh empat istilah ilmu badī', iaitu:

- i. al-Tardīd "التَّرْدِيدُ"
- ii. al-Ta'tīf "التَّعْطِيفُ"
- iii. Radd al-'ajz 'alā al-Ṣadr "رَدُّ الْعَجْزِ عَلَى الصَّدْرِ"
- iv. al-Tasyīr "التَّشْيِيرُ"
- v. al-Tarṣī' "التَّرْصِيعُ"
- vi. al-Tasjī' "التَّسْجِيعُ"
- vii. al-Tajzi'at "التَّجْزِئَةُ"
- viii. al-Tasmīḥ "التَّسْمِيْحُ"
- ix. al-Mumāsalaḥ "الْمُمَاسَلَةُ"
- x. al-Tawṣyī' "التَّوْصِيْعُ"
- xi. al-Taṭrīz "التَّطْرِيْزُ"
- xii. al-Tasyrī' "التَّشْرِيْعُ"
- xiii. al-Iltizām "الْاِلْتِزَامُ"
- xiv. al-Tafwīf "التَّفْوِيْفُ"

<sup>1</sup> Lihat: Badr al-Dīn bin Mālik, *al-Miṣbāḥ Fī al-Ma'ānī Wa al-Bayān Wa al-Badī'*, hlm. 162 – 273

- xv. al-Itṭirāt “الاطِّيرَاتُ”
- xvi. al-Muzāwajat “المُزَاوَجَاتُ”
- xvii. al-Tajnis “التَّجْنِيسُ”
- xviii. al-Muṭābaqat “المُطَابَقَاتُ”
- xix. al-Muqābalat “المُقَابَلَاتُ”
- xx. al-Tadbij “التَّدْبِيجُ”
- xxi. al-Musyākalat “المُشَاكَلَاتُ”
- xxii. al-Tashīm “التَّسْهِيمُ”
- xxiii. al-Tawsyih “التَّوْشِيحُ”
- xxiv. al-Qalb “الْقَلْبُ”

Sementara dalam bahagian fasāḥah ma‘nawiyah pula beliau membahas sembilan belas istilah berikut:

- i. Ḥusn al-bayān “حُسْنُ الْبَيَانِ”
- ii. al-Īdāḥ “الْإِيضَاحُ”
- iii. al-Madḥab al-kalāmīy “المَذْهَبُ الْكَلَامِيّ”
- iv. al-Tabyīn “التَّبْيِينُ”
- v. al-Tatmīm “التَّتْمِيمُ”
- vi. al-Taqsīm “التَّقْسِيمُ”
- vii. al-Iḥtirās “الْإِحْتِرَاسُ”
- viii. al-Takmīl “التَّكْمِيلُ”
- ix. al-Tadhyīl “التَّدْيِيلُ”
- x. al-I‘tirāḍ “الْإِعْتِرَاضُ”
- xi. al-Mubālagḥat “المُبَالَغَاتُ” ;

1. al-Ighrāq “الاعْرَاقُ”
2. al-Ghulw “الغُلُو”
- xii. al-Īghāl “الايْعَالُ”
- xiii. al-Tikrār “التِكْرَارُ”
- xiv. al-Istiṭrād “الاستِطْرَادُ”
- xv. al-Tajrīd “التَجْرِيدُ”
- xvi. al-Tafri‘ “التَفْرِيعُ”
- xvii. Ta’kid al-madh bi mā yusybih al-damm “تَأْكِيدُ الْمَدْحِ بِمَا يُشْبِهُ الذَّمَّ”
- xviii. al-Ta’līl “التَعْلِيلُ”
- xix. al-Tahakkum “التَهَكُّمُ”

Sedangkan dalam bahagian faṣāḥah yang khusus bagi menghias dan memperindahkan ungkapan beliau membahas lima belas istilah berikut:

- i. al-Laff “اللفُّ”
- ii. al-Nasyr “النَّشْرُ”
- iii. al-Tafriq “التَّفْرِيقُ”
- iv. al-Jam‘ “الجمْعُ”
- v. al-Jam‘ ma‘a al-tafriq “الجمْعُ مَعَ التَّفْرِيقِ”
- vi. al-Jam‘ ma‘a al-Taqsīm “الجمْعُ مَعَ التَّقْسِيمِ”
- vii. al-I’tilāf “الائْتِلَافُ”
- viii. al-Tawriyat “التَّوْرِيَةُ”
- ix. al-Qism “القِسْمُ”
- x. al-Murāja‘at “المُرَاجَعَةُ”
- xi. al-Iddimāj “الإِدْمَاجُ”

- xii. al-Ta‘līq “التعليق”
- xiii. Ḥusn al-ibtidā’ “حُسنُ الإبتداءِ”
- xiv. Ḥusn al-takhalluṣ “حُسنُ التَّخْلِصِ”
- xv. Ḥusn al-Khātimat “حُسنُ الخاتمةِ”

Inilah istilah-istilah ilmu badī‘ yang dikemukakan oleh Badr al-Dīn bin Mālik dalam *al-Miṣbah*. Beliau telah membuat penambahan dan perubahan tentang perbincangan aspek-aspek ilmu badī‘ dan membanyakkan contoh daripada puisi-puisi yang tidak dikemukakan oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-‘Ulūm*.

Badr al-Dīn bin Mālik mengklasifikasikan al-muṭābaqaṭ dan al-muqābalaṭ dalam perbincangan al-faṣāḥaṭ lafziyyaṭ (fasahah yang merujuk kepada lafaz), sementara al-Sakkākīy telah mengklasifikasikannya dalam perbincangan al-badī‘ al-ma‘nawī (badī‘ yang merujuk kepada makna). Walaupun ada penambahan dan perubahan yang dikemukakan oleh Badr al-Dīn bin Mālik, namun sumber asas bagi kitab *al-Miṣbah* adalah kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*. Beliau adalah orang pertama yang meringkaskan kitab karangan al-Sakkākīy tersebut.

Perubahan dan pembaharuan yang dilakukan oleh Badr al-Dīn bin Mālik dari segi pembahagian perbincangan ilmu badī‘ kepada tiga bahagian, iaitu al-faṣāḥaṭ al-lafziyyaṭ, al-faṣāḥaṭ al-ma‘nawiyyaṭ dan al-faṣāḥaṭ yang khusus bagi memindahkan ungkapan, begitu juga dari segi pengklasifikasian al-muṭābaqaṭ dan al-muqābalaṭ dalam perbincangan al-faṣāḥaṭ al-lafziyyaṭ (badī‘ yang merujuk kepada lafaz) ternyata tidak diikuti oleh al-Qazwīnīy dan juga tidak berkembang di kalangan para pengkaji generasi selepasnya, mereka terus berpandukan kepada perbincangan dan metodologi yang telah dilaksanakan oleh al-Sakkākīy.

### 5.5.2 al-Qazwīnīy.

al-Qazwīnīy ialah Abū ‘AbdiLlāh, Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān, dikenali dengan panggilan “al-Khaṭīb al-Qazwīnīy”.<sup>1</sup> Dilahirkan di al-Muṣul<sup>2</sup> pada tahun 666 H / 1268 M. Meninggal dunia pada pertengahan bulan Jamadil Awal tahun 739 H / akhir bulan November 1338 M.<sup>3</sup>

Sungguhpun ramai ulama yang meringkaskan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, namun al-Qazwīnīy adalah seorang ulama yang paling terkenal dalam kalangan mereka. Beliau kagum dengan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* serta memujinya dari segi penyusunan, banyak mengumpulkan kaedah-kaedah dan besar manfaatnya. Walau bagaimanapun beliau melihat bahawa kitab tersebut memerlukan kepada ringkasan dan kupasan supaya mudah difahami, kerana di dalamnya terdapat penambahan yang tidak diperlukan. Maka beliau meringkaskannya dan menamai ringkasan tersebut dengan judul *Talkhīṣ al-Miftāḥ*. Setelah memuji dan menyebut keistimewaan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, al-Qazwīnīy berkata:

....." وَلَكِنْ كَانَ غَيْرُ مَصُونٍ عَنِ الْحَشْوِ وَالْتَّطْوِيلِ وَالتَّعْقِيدِ، قَابِلًا لِلِإِخْتِصَارِ، وَمُفْتَقِرًا إِلَى الْإِيضَاحِ وَالتَّجْرِيدِ، أَلْفَتْ مُخْتَصِرًا يَتَضَمَّنُ مَا فِيهِ مِنَ الْقَوَاعِدِ، وَيَشْتَمِلُ عَلَى مَا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ مِنَ الْأَمْثَلَةِ وَالشُّوَاهِدِ ... وَسَمَّيْتُهُ تَلْخِيصَ الْمِفْتَاحِ."

Maksudnya:

“.....Tetapi kitab ini (*Miftāḥ al-‘Ulūm*) tidak terpelihara daripada penambahan yang tidak diperlukan dan menyukarkan, wajar untuk diringkaskan dan

<sup>1</sup> Nama lengkapnya ialah Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Umar bin Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm bin al-Ḥasan bin ‘Alīy bin Ibrāhīm bin ‘Alīy bin Aḥmad bin Dalf al-‘Ajliyy al-Qazwīnīy

<sup>2</sup> Disebut juga “al-Mawṣil” iaitu nama lama bagi sebuah bandar di bahagian selatan Iraq. (Lawīs Ma‘lūf, *al-Munjid Wa al- I‘lām*, bahagian I‘lām, hlm. 556)

<sup>3</sup> al-Marāghīy, *Tārīkh ‘Ulūm al-Balāghat Wa al-Ta‘rīf Bi Rijālihā*, hlm. 136



memerlukan kepada penjelasan dan kupasan. Saya menyusun sebuah ringkasan yang mengandung kaedah-kaedah dan melengkapi dengan contoh-contoh dan bukti-bukti yang diperlukan .... Saya menamai ringkasan ini dengan *Talkhīṣ al-Miftāḥ*.<sup>1</sup>

Dalam kitab *Talkhīṣ al-Miftāḥ*, al-Qazwīnīy menyebut beberapa tajuk perbahasan ilmu badi' yang tidak disebut oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*, iaitu:<sup>2</sup>

- i. al-Irṣād "الإِرْصَادُ"
- ii. al-'Aks "العَكْسُ"
- iii. al-Rujū' "الرُّجُوعُ"
- iv. al-Tawriyāt "التَّوْرِیَّةُ"
- v. al-Istikhdam "الإِسْتِخْدَامُ"
- vi. al-Tajrīd "التَّجْرِیدُ"
- vii. al-Mubālaghat "المُبَالَغَةُ"
- viii. al-Madhhab al-kalāmīy "المذْهَبُ الكَلَامِیُّ"
- ix. Ḥusn al-ta'ālil "حُسْنُ التَّعْلِیلِ"
- x. al-Tafri' "التَّفْرِیعُ"
- xi. Ta'kid al-dhamm bimā yusybih al-madaḥ "تَأْكِیدُ الذَّمِّ بِمَا يُشْبِهُ المَدْحِ"
- xii. al-Iddimāj "الإِدْمَاجُ"
- xiii. al-Hazl al-ladhīy yurādu bih al-jidd "الهَزْلُ الَّذِي يُرَادُ بِهِ الجِدُّ"
- xiv. al-Qawl bi al-mūjab "القَوْلُ بِالمُوجِبِ"
- xv. al-Iṭṭirād "الإِطْرَادُ"

---

<sup>1</sup> al-Qazwīnīy, *Talkhīṣ al-Miftāḥ*, hlm. 23

<sup>2</sup> Lihat: Ibid, hlm. 359-406

- xvi. al-Muwāzanat "الموازنة"
- xvii. al-Qalb "القلب"
- xviii. al-Tasyrī "التشريع"
- xix. Luzūm mā lā yalzam "لزوم ما لا يلزم"

Di samping menyebut istilah-istilah yang tidak disebut oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*, al-Qazwīnīy juga menyebut istilah yang tidak disukai oleh al-Sakkākīy, iaitu "tajāhul al-'ārif".<sup>1</sup>

Kemudian al-Qazwīnīy melihat bahawa *Talkhīṣ al-Miftāḥ* tidak mencapai matlamat yang diharapkan kerana ringkasan tersebut melebihi daripada yang sepatutnya, maka beliau menyusun sebuah karya lain untuk menghurai ringkasannya yang diberi judul *al-Īdāḥ*. Kitab ini merupakan sebuah karya yang bermutu yang disusun oleh ulama silam dalam bidang balaghah. Pada awal kitab *al-Īdāḥ* al-Qazwīnīy berkata:

"... فَهَذَا كِتَابٌ فِي عِلْمِ الْبَلَاغَةِ وَتَوَابِعِهَا، تَرَجَمْتُهُ بِ"الْإِيضَاحِ" وَجَعَلْتُهُ عَلَى تَرْتِيبٍ مُخْتَصَرِي الَّذِي سَمَّيْتُهُ تَلْخِيصَ الْمِفْتَاحِ، وَبَسَطْتُ فِيهِ الْقَوْلَ لِيَكُونَ كَالشَّرْحِ لَهُ، فَأَوْضَحْتُ مَوَاضِعَهُ الْمُسْكَلَةَ، وَفَصَّلْتُ مَعَانِيهِ الْمُحْمَلَةَ، وَعَمِدْتُ إِلَى مَا خَلَا عَنْهُ الْمُخْتَصَرُ مِمَّا تَضَمَّنَهُ "مِفْتَاحُ الْعُلُومِ" وَإِلَى مَا خَلَا عَنْهُ الْمِفْتَاحُ مِنْ كَلَامِ الشَّيْخِ الْإِمَامِ عَبْدِ الْقَاهِرِ الْجُرْجَانِيِّ رَحِمَهُ اللَّهُ فِي كِتَابِيهِ دَلَائِلِ الْإِعْجَازِ وَ أَسْرَارِ الْبَلَاغَةِ، وَ إِلَى مَا تَبَسَّرَ النَّظَرُ فِيهِ مِنْ كَلَامٍ غَيْرِهِمَا..."

Maksudnya:

"...Ini adalah sebuah kitab dalam bidang ilmu balaghah dan yang berkaitan dengannya, aku menamainya dengan *al-Īdāḥ* dan aku jadikannya sebagai susulan terhadap ringkasanku yang aku namai *Talkhīṣ al-Miftāḥ* dan aku

<sup>1</sup> al-Sakkākīy *Miftāḥ al-'Ulūm*, hlm. 537, dan al-Qazwīnīy, *Talkhīṣ al-Miftāḥ* Ibid, hlm. 385

rincikan perbahasan di dalamnya supaya ia menjadi sebagai huraian terhadap *Talkhīṣ al-Miftāḥ*, maka aku terangkan tempat-tempat yang tidak jelas, dan aku jelaskan makna-maknanya yang samar-samar, aku mengambil dari *Miftāḥ al-'Ulūm* apa yang tidak terdapat dalam ringkasan itu dan dari ungkapan al-Syaikh 'Abd al-Qāhir al-Jurjānīy –rahmat Allah kepadanya- dalam dua kitabnya *Dalā'il al-I'jāz* dan *Asrār al-Balāghat* dan juga dari selain keduanya....”<sup>1</sup>

Bahkan kitab *Talkhīṣ al-Miftāḥ* telah mendapat perhatian daripada sejumlah ulama sehingga mereka mengulas dan memberi huraian terhadapnya dengan pelbagai judul.<sup>2</sup>

Kitab *āl-Īdāḥ* mempunyai banyak keistimewaannya, antara lain ialah kitab ini lengkap bagi perbahasan balaghah, ia sebuah kitab yang ditulis dengan gaya bahasa yang mudah difahami, luas perbahasannya, banyak dapatan kajian tentang rahsia-rahsia balaghah, ia juga sebuah kitab balaghah terapan yang baik, beliau banyak mengkritik pendapat-pendapat al-Sakkākīy. Dengan demikian kitab *āl-Īdāḥ* banyak perbahasan, banyak manfaat dalam bidang sastera, dalam bidang kritikan dan dalam bidang balaghah.<sup>3</sup>

Metodologi al-Qazwīnīy dalam usaha mempermudah pembelajaran ilmu balaghah adalah berpegang pada prinsip pengajaran dengan menerangkan pelbagai masalah dan menyusunnya dengan teratur, mengemukakan contoh-contoh serta memberi penjelasannya, mendefinisikan istilah-istilah dengan definisi yang singkat

---

<sup>1</sup> Lihat: al-Khatīb al-Qazwīnīy, *āl-Īdāḥ Fī 'Ulūm al-Balāghat*, hlm. 11

<sup>2</sup> Lihat tesis ini, hlm. 99 - 100

<sup>3</sup> Lihat: al-Qazwīnīy, *āl-Īdāḥ*, (Ed): 'Abd al-Mun'im Khafājīy, lm. 13

dan jelas, beliau menyampaikan perbincangan dengan gaya bahasa yang mudah dan jelas. Mudah-mudahan inilah yang faktor yang membuat para pengkaji sangat mementingkan kitab ini dan menjadikannya sebagai rujukan asas dalam mengkaji bidang balaghah.

Dengan demikian, boleh dikatakan bahawa balaghah al-Sakkākīy telah tersebar luas ke seluruh dunia, sama ada menerusi karyanya *Miftāḥ al-'Ulūm* itu sendiri, mahupun menerusi ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian terhadap karya tersebut yang ditulis oleh para pengikutnya, terutamanya dua karya al-Qazwīnīy, iaitu *Talkhīṣ al-miftāḥ* dan *al-Īdāḥ*.

Walaupun al-Qazwīnīy banyak menyebut istilah-istilah yang tidak disebut oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*, namun beliau tidak mengabaikan istilah-istilah yang terdapat dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*. Melainkan istilah *Sawq al-ma'lūm masāqa ghayriḥ* "سَوْقُ الْمَعْلُومِ مَسَاقَ غَيْرِهِ", di mana al-Qazwīnīy menyebutnya dengan istilah *tajāhul al-'ārif* "تَجَاهُلُ الْعَارِفِ".

Di samping itu sistematik penulisan yang dilaksanakan oleh al-Qazwīnīy adalah atas landasan metodologi dan klasifikasi yang telah diperkenalkan oleh al-Sakkākīy, iaitu memulakan kata dengan perbincangan ilmu ma'ānī, meneruskan perbincangan dengan ilmu bayān dan mengakhiri dengan perbincangan ilmu badī'. Begitulah kekuatan pengaruh al-Sakkākīy terhadap para pengkaji selepasnya.

## 5.6 Kesimpulan

Hasil dari perbincangan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa al-Sakkākīy lebih mengutamakan ilmu ma'ānī berbanding ilmu bayān dan ilmu badī', sehingga

didahulukan ilmu ma‘ānī dalam perbincangannya. Beliau berpendapat bahawa posisi ilmu ma‘ānī berbanding ilmu bayān bagaikan mufrad (kata tunggal) dengan murakkab (kata gabung), maka posisi mufrad lebih utama berbanding murakkab kerana mufrad merupakan bahagian daripada murakkab, begitulah pula posisi ilmu ma‘ānī berbanding ilmu bayān. Sedangkan ilmu badī‘ pula adalah berfungsi sebagai memperindahkan bahasa, ia merupakan suatu penyempurnaan dan perlengkapan kepada dua ilmu tersebut.

Dalam perbincangan ilmu ma‘ānī al-Sakkākīy memfokuskan perbincangannya pada beberapa tajuk utama, iaitu “al-isnād al-khabariy”, “al-musnad ilayh”, “al-musnad”, “al-iltifāt”, “al-faṣl, al-waṣl, al-ijāz, al-iṭnāb”, “al-qaṣr” dan “al-ṭalab”. Mengikut beliau ilmu ma‘ānī adalah bidang kajian tentang spesifik penyusunan kata dari segi fungsi dan keindahan, supaya terhindar daripada kesalahan dalam menyesuaikan sesuatu ungkapan dengan kehendak situasi di sekelilingnya.

Mengikut al-Sakkākīy ilmu bayān ialah salah satu cabang ilmu balaghah yang mengkaji tentang bagaimana mengungkapkan kata dan mempelbagaikannya, supaya dapat mewujudkan suatu maksud yang jelas. Perbincangan ilmu bayān yang dikemukakan oleh al-Sakkākīy terfokus kepada tiga perbincangan utama, iaitu tasybīs, majāz dan kināyat.

Dalam perbincangan ilmu badī‘ al-Sakkākīy memfokuskan perbincangannya pada dua tajuk utama, iaitu badī‘ ma‘nawīy dan badī‘ lafzīy. Badī‘ ma‘nawīy terdiri daripada dua puluh tajuk kecil, iaitu “al-muṭābaqaṭ”, “al-muqābalat”, “al-musyākalat”, “murā‘at al-naḍīr”. “al-muzāwajaṭ”, al-laff wa al-nasy”, al-jam”, “al-tafriq”, al-taqṣīm”, “al-jam‘ ma‘a al-tafriq”, “al-jam‘ ma‘a al-taqṣīm”, “al-jam‘ ma‘a al-tafriq

wa al-taqṣīm”, “al-īhām”, ta’kīd al-madaḥ bimā yusybih al-dhamm”, “al-tawjīh”, sawq al-ma’lūm masāq ghairih”, al-i’tirāḍ”, “al-istitbā”, “al-iltifāt”, “taqlīl al-lafḍ wa lā taqlīluh”. Sementara cabang-cabang badi‘ lafḍīy pula hanya berkisar pada beberapa tajuk sahaja, iaitu “al-tajnīs”, ia merangkumi “al-tajnīs al-tāmm”, “al-tajnīs al-nāqis”, “al-tajnīs al-mudhayyal”, “al-tajnīs al-muḍāri‘ atau al-muṭarriif”, “al-tajnīs al-lāhiq”, “al-qalb, ia merangkumi “maqlūb al-kull”, “al-mujnih”, “al-mustawiy”, “al-asjā‘ dan “al-tarsi‘”.

Metodologi penyampaian yang digunakan oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-‘Ulūm* adalah metodologi taqrīrī atau disebut juga metodologi ilmi, iaitu metodologi penyampaian maklumat dengan bahasa yang mudah difahami. Dalam penerapannya beliau mengemukakan contoh-contoh yang banyak untuk menerangkan setiap tajuk, sama ada contoh yang dinukil daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, puisi-puisi, begitu juga ayat-ayat yang beliau ciptakan sendiri supaya apa yang dibincangkan itu mudah difahami oleh para pembaca. Dengan mempermudah kefahaman dapat memupuk minat dan membangkitkan semangat para pembaca terutamanya para pelajar untuk mempelajarinya.

*Miftāḥ al-‘Ulūm* boleh dikatakan sebagai sebuah kitab balaghah terapan, di mana beliau memantapkan pemahaman ilmu balaghah dengan membanyakkan contoh-contoh. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa ada antara contoh-contoh yang beliau kemukakan itu tanpa penjelasan dan keterangannya sehingga sukar difahami. Namun begitu, usaha beliau bagi membantu para pembaca untuk memahami isi kandungan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* adalah besar sekali.

Menerusi kitab *Miftāḥ al-'Ulūm al-Sakkākīy* telah berjaya memisahkan ilmu *badī'* daripada ilmu *ma'ānī* dan ilmu *bayān*, di mana beliau telah mengeluarkan kedua-dua ilmu tersebut daripada perbincangan ilmu *badī'*, seperti *isti'ārat*, *kināyat*, dan *tasybīh*, sebagaimana yang terdapat dalam kitab *al-Badī'* karya Ibn al-Mu'tazz, begitu juga dalam karya-karya lain sebelum muncul kitab *Miftāḥ al-'Ulūm*. Walau bagaimanapun al-Sakkākīy tidak menyebut istilah “ilmu *badī'*” bagi perbincangan ini melainkan hanya menyebutnya sebagai kajian untuk memperindahkan bahasa, adakalanya yang merujuk kepada makna ataupun yang merujuk kepada lafaz.

Mudah-mudahan faktor utama yang mendorong para pengkaji untuk memberi perhatian kepada kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* kerana al-Sakkākīy meletakkan *balaghah* sebagai dua pengetahuan dasar, yakni ilmu *ma'ānī* dan ilmu *bayān* dan menjadikan ilmu *badī'* sebagai ikutan bagi keduanya. Di samping itu mereka kagum dengan konsep al-Sakkākīy, terutamanya dari segi pengaturan dan penyusunannya yang saling berinteraksi antara satu bidang dengan bidang yang lain.

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa pembahagian dan klasifikasi yang dilakukan oleh al-Sakkākīy dalam perbincangan ilmu *balaghah* adalah idea yang tepat, sehingga ia telah diikuti oleh sejumlah pengkaji selepasnya, mereka telah memberi perhatian penuh terhadap apa yang dipaparkan oleh al-Sakkākīy dalam *Miftāḥ al-'Ulūm*, sehingga ada dalam kalangan mereka yang meringkaskan, ada yang menghurai dan ada yang mengulasnya.

Orang pertama yang meringkaskan kitab *Miftāḥ al-'Ulūm* adalah Badr al-Dīn bin Mālik dengan karyanya yang berjudul *al-Miṣbāḥ*. Beliau telah cuba membuat pembaharuan perbincangan ilmu *badī'* dengan membahagikannya kepada tiga bahagian,

iaitu: Keindahan yang merujuk kepada kefasihan dari segi lafaz, keindahan yang merujuk kepada kefasihan dari segi makna dan keindahan dari segi kefasihan khusus yang merujuk kepada keindahan ungkapan. Tetapi pembahagian yang dilakukan oleh beliau tidak diikuti oleh al-Qazwīnīy dan tidak berkembang di kalangan para pengkaji selepasnya, mereka tetap terpengaruh dengan metodologi yang dibawa oleh al-Sakkākīy.

al-Qazwīnīy kagum dengan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm*, sehingga beliau terpanggil untuk meringkaskan kitab tersebut dengan judul *Talkhīṣ al-Miftāḥ* supaya mudah dicapai oleh para pembaca. Setelah melihat ringkasan itu tidak mencapai matlamat yang diharapkan kerana terlalu ringkas maka beliau susulkan dengan sebuah karya lagi sebagai ulasan bagi ringkasan tersebut. Beliau menamai karya tersebut dengan judul *al-Īdāḥ*.

Kitab *Talkhīṣ al-Miftāḥ* adalah sebuah karya yang dipandang penting oleh para pengkaji, sehingga kitab tersebut di ulas oleh sejumlah ulama selepasnya. Begitu juga kitab *al-Īdāḥ*, ia merupakan sebuah karya yang terbaik dalam bidang balaghah yang ditulis oleh ulama muta’akhkhirin dengan uslub yang mudah difahami.

Dengan demikian, boleh dikatakan bahawa pengaruh dan peranan al-Sakkākīy sangat besar sekali dalam mengembang dan menyebarkan ilmu balaghah kepada masyarakat, sama ada menerusi karyanya *Miftāḥ al-‘Ulūm*, mahupun menerusi ringkasan-ringkasan dan huraian-huraian terhadap karya tersebut yang dilakukan oleh para ulama selepasnya, terutamanya Badr al-Dīn bin Mālik sebagai orang pertama yang meringkaskan kitab *Miftāḥ al-‘Ulūm* menerusi karyanya *al-Miṣbah*. Begitu juga



al-Qazwīnīy menerusi dua karyanya *Talkhīṣ al-miftāḥ* dan *al-Īdāḥ*. Badr bin Mālik dan al-Qazwīnīy dianggap oleh para pakar sebagai dua ulama besar selepas al-Sakkākīy.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Muta‘āl al-Ṣa‘īdīy, *Bughyat al-Īdāḥ Li Talkhīṣ al-Miftāḥ*, jil. 1, hlm. 5